

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 18

Selasa

5 April 2016

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 27)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

■ Kes Penculikan Di Perairan Pulau Ligitan, Semporna (Halaman 28 & 83)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah
Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015 (Halaman 30)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA

Selasa, 5 April 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah bentuk bantuan dan latihan yang telah diberikan oleh pihak kementerian dalam membantu golongan ibu tunggal yang ingin menceburi bidang keusahawanan serta berapa ramaikah yang telah berjaya daripada program tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sentiasa memberikan komitmen untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara terutama wanita miskin dan juga ibu tunggal agar mereka dapat menjana pendapatan sendiri. Oleh yang demikian agensi-agensi di bawah kementerian akan memberikan latihan di peringkat awal kepada para wanita yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai usahawan melalui pelbagai program dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ataupun melalui kerjasama dengan kementerian agensi lain bagi membantu mereka menambah pendapatan. Segala para peserta yang dilatih berjaya menjana pendapatan dan berjaya keluar dari kepompong kemiskinan, kementerian akan membantu pula para wanita untuk mengembangkan kemahiran *up skilling* dengan izin dengan pendekatan NBOS bersama agensi-agensi sedia ada yang menjalankan Program Pembangunan Usahawan.

Selain itu, kementerian turut bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi memastikan peserta yang telah dilatih tersebut mempunyai sijil bagi memastikan mereka diiktiraf selaku usahawan dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *marketable* di pasaran kerja. Antara bentuk latihan dan sokongan yang disediakan ialah pertamanya, Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal ataupun lebih dikenali sebagai I-KIT. Bermula daripada tahun 2008 hingga 31 Disember 2015, seramai 5,080 orang peserta Program I-KIT yang mengikuti Program I-KIT dan daripada jumlah itu 2,359 orang ibu tunggal yang merupakan 46.4% telah berjaya menjadi usahawan. Setelah enam bulan mengikuti program ini, pendapatan para peserta telah meningkat sebanyak 50%. Secara puratanya pendapatan seseorang peserta telah meningkat daripada RM500 kepada RM750 selepas menyertai program ini.

Yang keduanya, kita juga menyediakan bantuan Geran Pelancaran ataupun *Launching Grant* dengan izin iaitu bantuan sekali gus dengan kadar maksimum RM2,700 kecuali di negeri Sarawak, kadar maksimum adalah RM5,000 dan Sabah dengan kadar maksimum RM10,000 diberikan kepada *client* di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan menceburi bidang ekonomi. Bagi tahun 2013 hingga tahun 2015 seramai 723 orang ibu tunggal telah menerima bantuan Geran Pelancaran dengan peruntukan sebanyak RM2,308,011.

Ketiganya, Program 1Azam. Melalui Program 1Azam ini, iaitu Program Azam Niaga dan Azam Khidmat seramai 4,341 orang ibu tunggal telah menerima manfaat. Keempat, Program MamaCare ataupun Program Penjagaan Selepas Bersalin, melalui program ini kita mendapati bahawa daripada 90 orang yang telah memberikan Perkhidmatan MamaCare sepanjang tahun 2013 hingga Disember 2015, pendapatan tertinggi di kalangan mereka ialah mencapai RM6,800 sebulan dan minimum RM1,000 sebulan. Jumlah pelatih yang telah dilatih sehingga Disember 2015 adalah 451 orang wanita yang daripada golongan berpendapatan rendah dan 170 orang iaitu 38% adalah daripada kumpulan ibu tunggal. Kita juga mengadakan Program Bazar Wanita yang mana program ini menyediakan peluang perniagaan kepada seramai 188 usahawan wanita yang merangkumi 27 orang ibu tunggal yang berpendapatan rendah bagi menjana pendapatan di pasar-pasar tani di pasar luar bandar RTC dan juga di UTC di seluruh negara.

Kita juga telah memperkenalkan satu Program Housekeeper iaitu satu projek *endorse* iaitu di bawah Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menawarkan pekerjaan kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk bekerja dalam bidang pembersihan rumah. Seramai 39 orang peserta ibu tunggal dari Selangor dan 80 orang peserta ibu tunggal dari Kuala Lumpur dan Putrajaya telah pun menyertai Karnival Kerjaya Housekeeper ini.

Kita juga ada program-program di peringkat negeri. Di Johor ada *social market* saya. Ini adalah merupakan satu program meningkatkan pendapatan usahawan di bawah bimbingan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri melalui aktiviti jualan di pasar raya di negeri Johor di mana 12 orang daripada peserta ini adalah ibu tunggal. Di negeri Perak pula kita ada program dinamakan *V Signature*. Ini adalah satu inisiatif yang diwujudkan di bawah Program Beyond 1AZAM, I-KIT dan I-KeuNita di negeri Perak kerana disedari bawah wanita mempunyai potensi dalam perkhidmatan kesihatan dan kecantikan wanita, maka *V Signature* ini diperkenalkan di mana melalui gabungan *directory* usahawan wanita secara talian menggunakan *Fan Page Facebook* yang bergiat secara aktif dalam empat bidang berikut;

- (i) perkhidmatan penjagaan kesihatan wanita selepas bersalin;
- (ii) perkhidmatan terapi spa;
- (iii) perkhidmatan solekan dan andaman; dan
- (iv) perkhidmatan salon rambut.

Yang mana *V Signature* dianggotai oleh 40 orang alumni usahawan JPW Perak dalam bidang kecantikan dan bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

■1010

Seramai 10 orang usahawan wanita terdiri daripada kalangan ibu tunggal telah menyertai program kemahiran usahawan dan bimbingan JPW sejak tahun 2008 lagi. Inilah program-program yang telah kita laksanakan dan mereka ini bergerak secara *mobile* dan perkhidmatan pun diberikan daripada rumah ke rumah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas program-program yang begitu hebat yang telah dilaksanakan untuk ibu tunggal. Sesungguhnya ibu tunggal ini sangat penting kepada masyarakat kita kerana mereka mempunyai anak dan juga diri mereka sendiri untuk membantu dalam ekonomi keluarga. Untuk anak, saya dapati bahawa kerajaan sekarang telah pun memberi RM100 tiap-tiap bulan bagi anak-anak yang bersekolah sehingga kepada maksimum RM450. Saya di Pulau Langkawi Yang Berhormat Menteri, saya mempunyai seramai 700 ibu tunggal yang berdaftar dengan Persatuan Ibu Tunggal Langkawi.

Oleh kerana itu adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan mereka ini berada dalam keadaan ekonomi yang stabil. Apakah mungkin pihak kementerian boleh membantu saya untuk mewujudkan satu program khas dengan mengadakan program-program seperti mana yang telah dilaksanakan di tempat-tempat lain yang seperti mana yang Yang Berhormat Menteri maklumkan tadi supaya saya dapat hapuskan masalah ibu tunggal dari segi sumber ekonomi mereka di Pulau Langkawi kerana saya dapati bahawa Langkawi ini merupakan tempat utama pelancong-pelancong datang ke Langkawi, di negara kita ini dan dapat mewujudkan peluang ekonomi yang cukup besar di sana. Saya harap kementerian dapat memberi penumpuan khas kepada 700 ibu tunggal ini. Apakah ini boleh dilaksanakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi yang begitu prihatin terhadap kumpulan sasaran kami iaitu ibu tunggal. Ingin saya maklumkan di sini pada Yang Berhormat Langkawi bahawa bagi Langkawi ada terdapat dalam pendaftaran kami, 683 orang ibu tunggal dan memanglah seperti mana yang Yang Berhormat Langkawi sebutkan tadi, bagi ibu tunggal ini, bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat kita ialah bagi anak-anak mereka. Anak-anak itu daripada RM100 seorang sehinggalah maksimum RM450 seorang setiap bulan. *Alhamdulillah* dapat membantu ibu tunggal itu daripada segi bantuan kewangan.

Selain daripada itu, kita juga mengadakan pelbagai program untuk membantu ibu tunggal ini meningkatkan lagi ekonomi mereka. Pertamanya tadi macam yang telah saya sebutkan ialah geran bantuan, geran pelancaran RM2,700 itu membolehkan ibu tunggal itu selain daripada

menerima bantuan untuk anak-anak mereka tetapi mereka juga boleh memulakan perniagaan mereka.

Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat bahawa setakat ini mengikut maklumat yang ada pada kita, bahawa sekurang-kurangnya 375 orang ibu tunggal telah menyertai pelbagai program yang telah diadakan di kawasan Parlimen Langkawi iaitu Program Seminar Keusahawanan, Program I-KeuNita yang menghasilkan makanan sejuk beku, Program Jejari Bestari Masakan, sulaman reben, program pembangunan dan pengupayaan usahawan wanita, Jejari Bestari, anyaman beg, program kraf kreatif anyaman plastik fiber.

Semua ini sebenarnya boleh membantu mereka menambahkan lagi pendapatan mereka. Juga ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat Langkawi dan semua yang ada dalam Dewan yang mulia ini bahawa kementerian telah pun selesai mengadakan *road show* ke seluruh negara memperkenalkan Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang baru, yang mana strategi ada mempunyai teras strategi, 3 teras strategiknya. Teras strategik yang pertama ialah memperkasa ekonomi ibu tunggal.

Di bawah ini tentulah kita juga akan membantu meningkatkan lagi kemahiran dan pengetahuan ibu tunggal kita untuk menceburi bidang keusahawanan *insya-Allah* dan yakinlah Yang Berhormat Langkawi bahawa kementerian tentunya dengan kerjasama Yang Berhormat Langkawi sendiri akan membawa pelbagai program. Bukan saja satu program tetapi pelbagai program untuk membantu ibu tunggal kita memperbaiki lagi tahap ekonomi mereka dan tentunya membantu anak-anak mereka mencapai kejayaan di dalam kehidupan mereka, *insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya tentang masalah yang selalu dihadapi oleh ibu tunggal semasa mereka hendak jalankan perniagaan, terutama sebagai contoh jadikan salon. Masalah pertama yang mereka hadapi ialah mendapatkan lesen perniagaan dari PBT tempatan yang sering kali dikatakan tidak mematuhi tentang syarat-syarat tempat perniagaan. Sebab itu saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian dapat membantu dalam masalah sebegini kerana ramai dari ibu tunggal ini mereka gunakan rumah kediaman atau tempat tinggal mereka untuk menjalankan perniagaan mereka. Apakah cara kementerian dapat membantu. Terima kasih.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Memanglah di bawah Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang baru ini, kita telah mengambil kira pelbagai perkara yang menjadi masalah kepada ibu tunggal kita di seluruh negara, sama ada mereka yang bekerja ataupun mereka yang berniaga, yang belum lagi berniaga dan ingin berniaga dan masalah-masalah yang lain.

Di bawah satu *task force* yang ditubuhkan di peringkat kementerian yang mana saya adalah menjadi pengerusinya yang kita mempunyai 34 anggota dari pelbagai kementerian dan

agensi kerajaan serta NGO's dan juga pihak swasta, di mana kita telah melihat pelbagai perkara ini termasuklah masalah-masalah bagaimana membantu ibu tunggal kita memasarkan produk mereka. Bagaimana mereka memulakan perniagaan, termasuklah masalah yang ada kaitan dengan PBT seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi.

Insya-Allah setelah selesai kita mengadakan *road show* kita ke seluruh negara pada 29 Mac yang lalu, kita akan mengadakan mesyuarat *task force* kita lagi sekali dan kita akan mendapatkan, kita akan meminta Jawatankuasa Teknikal kita yang telah kita tubuhkan ini yang melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan akan menengok perkara-perkara seperti ini dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagaimana kita dapat membantu secara *wholesomenya*, secara holistiknya ibu tunggal kita, di mana saja mereka berada termasuklah masalah untuk mendapatkan lesen tadi Yang Berhormat. Terima kasih.

2. Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan status terkini perlaksanaan gaji minimum di Malaysia. Nyatakan juga impak dan/atau kesan daripada segi daya saing dan produktiviti sejak ia dilaksanakan di Malaysia. Apakah langkah kementerian untuk menaikkan lagi jumlah gaji minimum di Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam Sehati Sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Ipoh Timur. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberikan jawapan, izinkan saya mengucapkan datang kepada guru dan pelajar Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam dan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu, Sungai Buloh.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan gaji minima telah dihasilkan oleh Kerajaan Malaysia mulai 2013 dan dikuatkuasa sepenuhnya pada Januari 2014. Untuk makluman Dewan yang mulia, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin dan sentiasa mendengar denyut nadi rakyat, susulan peningkatan kos sara hidup, kerajaan telah membuat pengumuman mengenai kadar gaji minimum baru. Pengumuman tersebut telah dibuat sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015.

Dalam ucapan tersebut, kerajaan memutuskan bahawa kadar gaji minimum baharu ini iaitu RM1,000 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan akan dikuatkuasakan pada 1 Julai 2015 dan kadar ini adalah munasabah, berdaya saing dan tidak membebankan.

Buat masa ini, gaji minimum di Semenanjung ialah RM900 dan RM800 di Sabah, Sarawak dan di Labuan.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia dan Yang Berhormat, impak susulan pelaksanaan gaji minimum sejak tahun 2013 sehingga 2014 setakat data terkini dari aspek daya saing dan produktiviti adalah seperti berikut.

Tahap produktiviti yang dicatatkan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM74,823 berbanding sebelum pelaksanaan gaji minimum pada tahun 2012 di mana tahap produktiviti adalah sebanyak RM71,700.

Kedua, pertumbuhan produktiviti atau pun daya saing pula pada tahun 2014 adalah sebanyak 3.5 peratus berbanding sebelum pelaksanaan gaji minimum di mana pada tahun 2012, pertumbuhan produktiviti adalah sebanyak 1.84 peratus. Secara dasarnya, amat jelas pelaksanaan gaji minimum memberi kesan positif terhadap peningkatan tahap produktiviti dan pertumbuhan produktiviti daya saing negara.

Berdasarkan Laporan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), produktiviti buruh merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak enam peratus terhadap pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan lagi gaji minimum, kerajaan melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan membuat kajian Perintah Gaji Minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732].

Dalam membuat semakan semula Perintah Gaji Minimum, pelbagai faktor akan diambil kira termasuk sosioekonomi, kos sara hidup, kadar produktiviti, gaji penengah, keupayaan majikan untuk membayar gaji minimum, kadar pengangguran dan sebagainya. Kajian semula terhadap Perintah Gaji Minimum pada masa akan datang, *insya-Allah*, adalah pada tahun 2018. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, jelas dilihat implementasi gaji minimum ini ada satu impak yang positif. Jadi, kerajaan harus membuat lebih banyak kajian untuk meningkatkan lagi gaji minimum supaya ia lebih lagi memberi satu kompetitif dan daya saing yang lebih baik.

Dengan kenaikan kos sara hidup akibat pelaksanaan GST ini, kerajaan haruslah mempertimbangkan kenaikan gaji minimum ini atau pun bantuan kos harian seperti COLA untuk membantu golongan pekerja yang sedang menerima gaji minimum ini pada masa ini.

Adakah kerajaan sedar bahawa terdapat banyak pekerja yang masih menerima gaji kurang daripada RM1,000 yang ditetapkan oleh kerajaan kerana majikan gagal mematuhi pelaksanaan gaji minimum yang ditetapkan ini? Apakah langkah atau pun pendekatan kerajaan untuk menangani masalah ini?

Sebab, pelaksanaan gaji minimum ini kita lihat kurang efektif buat masa ini sebab banyak pekerja di luar memberitahu kepada kami bahawa mereka tidak menerima gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan kerana majikan tidak melaksanakan dan mereka pun takut akan kehilangan kerja kalau mereka keluar untuk buat aduan. Jadi, apakah pendekatan kerajaan untuk mengatasi masalah ini agar terdapat *win-win situation* di mana gaji yang dibayar mematuhi pelaksanaan gaji minimum ini? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa, *insya-Allah*, setiap dua tahun Majlis Perundingan Gaji Negara akan membuat semakan semula terhadap gaji. Kalau dahulu RM900...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Sekejap Yang Berhormat. *[Disampuk]* Saya jawab, ada, ada. RM900 di Semenanjung, RM800 di Sabah, Sarawak. Bermula 1 Julai, RM1,000 di Semenanjung, RM920 di Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Jadi, ada permohonan Tuan Yang di-Pertua, daripada persatuan-persatuan supaya menaikkan gaji minimum kepada RM1,500 dan sebagainya. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya cukup prihatin tentang pekerja ini. Kalau saya boleh menaikkan gaji sampai RM2,000 sebulan, RM3,000, *why not*, kenapa tidak? Kerana itu kebaikan untuk pekerja. Tetapi kita kena fikirkan *win-win situation*, Yang Berhormat sebutkan tadi, untuk majikan. Apakah majikan kita mampu? Sebab itu terdapat perbezaan antara Sabah, Sarawak, Semenanjung dan juga Labuan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita serius, kerajaan serius. Sebab itulah atas keprihatinan kita kepada pekerja, kita tidak boleh membenarkan alasan yang dibuat oleh majikan. Sebab itu, untuk makluman Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kita melaksanakan penguatkuasaan kepada pelaksanaan gaji ini. Saya akui bahawa terdapat sebahagian majikan yang tidak melaksanakan bayaran gaji minimum dan kita simpati dengan pekerja ini.

Saya ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua. Sehingga Disember 2015, jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja adalah sebanyak 81,200 majikan, yang kita lihat hari ini. Daripada jumlah tersebut, didapati 1,172 atau pun satu peratus majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.

Manakala jumlah tuntutan kes buruh berkaitan gaji minimum yang telah difailkan adalah sebanyak 618 kes dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 237 kes iaitu 38 peratus telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 381 kes iaitu 62 peratus masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.

Jumlah aduan berhubung dengan kegagalan majikan membayar gaji minimum pula adalah sebanyak 472. Maknanya, terbukti apa Yang Berhormat Ipoh Timur sebutkan. Daripada jumlah ini, sebanyak 493 atau pun 98 peratus telah diselesaikan.

Berkenaan dengan tindakan pendakwaan kerana kegagalan majikan membayar gaji minimum, sebanyak 190 kertas pendakwaan telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Daripada jumlah ini, sebanyak 121 majikan telah disabitkan kesalahan dan sejumlah RM376,600 denda telah dikenakan. Bakinya sebanyak 69 kes masih dalam perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nasihatkan pada majikan. Jangan sampai pekerja kita membuat laporan kepada kementerian, kepada jabatan kita. Sebab, kalau hanya kita tidak membayar mungkin bezanya RM1,000 sebulan tetapi apabila pekerja kita membuat laporan dan sah ada kesalahan, denda paling tidak, pertamanya RM10,000 akan dikenakan pada majikan.

Kita hanya menyelamatkan RM1,000 tetapi RM10,000 terpaksa kita bayar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tetapi dalam kes banyak, pekerja tidak berani buat aduan. Mereka takut kehilangan kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Kerajaan harus ambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan pelaksanaan ini. Bukan tunggu pekerja buat aduan. Mereka akan buat aduan selepas mereka hilang kerja, bukan semasa mereka bekerja. Ini masalah yang pekerja hadapi. Ini satu masalah yang serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat, sekejap Yang Berhormat. Ini juga masalah kita, Yang Berhormat. Bila ada peraturan mesyuarat, kita tidak ikut peraturan mesyuarat. Ya, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Baling.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Saya meneliti setiap hujah Yang Berhormat Menteri tadi. Syabas dan tahniah. *You did your homework*, cara Yang Berhormat menjawab tadi.

Apa pun, saya hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam bajet yang baru, tahun 2016, Yang Amat Berhormat Pekan telah mengumumkan kenaikan gaji ke tahap RM1,000 di Semenanjung dan juga RM920 di Sabah dan Sarawak.

Di sini saya ingin menanyakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri memandangkan ada pihak-pihak yang tertentu yang telah menolak kononnya lambakan dan kebanjiran pekerja asing dan sebagainya baru-baru ini sehingga memungkinan Kabinet telah memutuskan untuk berhenti membawa masuk pekerja asing, buruh asing.

Pada masa yang sama, contohnya di kawasan saya di Baling, ramai anak-anak muda yang hendak bekerja, yang hendak datang dari Baling ke Kuala Lumpur contohnya, untuk bekerja. Jadi, kalau datang dari Baling hendak cari rumah sewa, duduk di kawasan Lembah Klang dengan gaji RM1,000, itu tidak memadai.

Jadi, untuk menggalakkan generasi muda, rakyat tempatan, memandangkan kita sudah tidak ada lagi lambakan buruh asing yang diberhentikan oleh kerana pihak-pihak tertentu kata tidak boleh, kita ada *the local can perform*, boleh bekerja dalam negara kita, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah sektor-sektor yang penting yang telah dikenal pasti yang layak dipertimbangkan kenaikan gaji dalam tempoh masa yang terdekat ini? Ia dapat membantu menggalakkan generasi muda. Itu pertama.

Berapakah sekiranya gaji itu dapat dinaikkan? Bolehkah Yang Berhormat Menteri maklumkan di Dewan yang mulia ini supaya kita semua, pembangkang dan juga kita kerajaan boleh pergi balik ke kawasan masing-masing menggalakkan anak-anak muda, generasi muda

atau pun warga kita, rakyat kita untuk datang mengambil peluang pekerjaan yang sedia ada dari sektor kilang kah, dari sektor pembinaan dan sebagainya.

■1030

Itu soalan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang begitu bijaksana boleh menjawab. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Yang Berhormat Baling yang tidak kurang juga bijaksana. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya insentif gaji minimum ini salah satu antara dasar membantu meringankan beban rakyat, susulan peningkatan kos sara hidup.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Kerajaan Barisan Nasional cukup prihatin. Bukan sahaja melaksanakan gaji minimum, bahkan banyak alternatif lain telah dibentangkan dan diketengahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya hendak sebut sedikit sahaja Yang Berhormat Baling sebelum saya menjawab soalan iaitu umpamanya, skim eKasih dan juga skim seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Wanita tadi kepada ibu tunggal dan sebagainya. BR1M bagi bujang, orang bujang, isi rumah yang berpendapatan RM3,000. Selepas itu baucar buku dan lain-lain lagi. Insentif cukai diberikan oleh kerajaan, yang banyak kalau saya hendak sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang sektor yang mana yang Yang Berhormat tanyakan yang sepatutnya diberikan kenaikan gaji ini. Saya sebutkan tadi bahawa kenaikan gaji ini akan dikaji setiap dua tahun dan sektor yang tidak terlibat gaji minimum hanyalah domestik sahaja. Maknanya pembantu rumah tidak terlibat, yang lain semua terlibat termasuklah pekerja asing. Pekerja asing juga wajib dibayar gaji minimum. Tidak ada majikan boleh mengecualikan pekerja asing.

Oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita mesti fikir sebagai rakyat Malaysia, sebagai penduduk Malaysia, kita mesti fikir apa harus kita buat. Apakah langkah yang kita mesti buat supaya pekerja asing ini kita kurangkan dan diambil oleh pekerja tempatan kerana mereka juga dipaksa dibayar gaji minimum. Kalau kita lihat balik, mungkin ada subsidi-subsidi yang kita berikan kepada rakyat kita tetapi juga dinikmati oleh pekerja asing.

Jadi Yang Berhormat Baling, minta maaf kerana saya tidak boleh menentukan mana sektor yang boleh meningkatkan gaji ini cuma Jawatankuasa Teknikal dan Majlis Perundingan Gaji Negara akan menentukan kerana ini melibatkan banyak sektor lain termasuklah pekerja, majikan, ILO buruh atau International Labour Organisation, Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan juga World Bank dan pakar-pakar lain yang mengkajikan. Saya adalah hanya Timbalan Menteri akan melaksanakan. *[Ketawa]* Akan melaksanakan, boleh diputuskan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Othman bin Aziz,[Jerlun]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali sebelum saya hendak ucapkan tahniah Malaysia dan juga KBS di atas kejayaan Khairul Idham Pawi di Moto3 GP Argentina hujung minggu yang lalu dan yang kedua, saya sendiri hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat

Menteri Belia dan Sukan yang kini layak disebut sebagai Iron Man kerana telah berjaya menamatkan rejim Iron Man di Putrajaya baru-baru ini.

3. Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan persiapan Malaysia untuk penyertaan dalam Sukan Olimpik Rio 2016 dan apakah pencapaian Program Podium dalam menghadapi Sukan Olimpik 2020 di Jepun.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Jerlun. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini 5 April, seramai 12 atlet kebangsaan telah disahkan layak ke Sukan Olimpik di Rio 2016 iaitu Pandelega Rinong, Wendy Ng, Ooi Tze Liang, Nur Dhabitah Sabri, Cheong Jun Hong untuk acara terjun, Wao Soon Shin untuk acara renang, Khairul Anuar Mohamad bagi acara memanah, Jonathan Wong bagi acara menembak, *Mohd Azizulhasni bin Awang*, Nur Fatimah Mustafa untuk acara basikal, *Khairulnizam Mohd Afendy* dan *Nur Shazrin Mohd Latif* bagi acara perahu layar.

Namun masih terdapat beberapa acara sukan yang masih dalam proses peringkat kelayakan sehingga Julai 2016 seperti dalam sukan badminton, memanah, renang, gimnastik, golf, olahraga dan angkat berat. Semuanya yang melibatkan atlet-atlet kebangsaan yang masih lagi ada peluang untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik pada tahun ini.

Kementerian Belia dan Sukan menjangkakan lebih ramai atlet daripada jumlah yang saya sebutkan tadi akan melepasi kelayakan ke Rio, *insya-Allah*. Persiapan rapi sedang dibuat oleh Institut Sukan Negara yang telah diamanahkan untuk membuat persiapan bagi atlet-atlet ke Olimpik dan untuk mengendalikan program podium dari segala aspek latihan, pertandingan dan juga aspek sains dan perubatan sukan dalam menyiapkan atlet kita bagi menyertai kejohanan Olimpik 2016.

Objektif utama sekarang adalah untuk memastikan peningkatan bilangan atlet yang layak ke Sukan Olimpik Rio sekurang-kurangnya seramai 22 atlet melalui program podium yang saya sebutkan tadi. Memandangkan program-program baru sahaja dilancarkan pada bulan Februari tahun ini, sasaran kementerian adalah memfokuskan kepada meningkatkan bilangan yang layak ke Olimpik pada tahun ini. Walau bagaimanapun, ukuran yang lebih tepat dari aspek keberkesanan program ini adalah pada Sukan Olimpik Jepun tahun 2020.

Seperti mana soalan Yang Berhormat tadi yang saya percaya seorang yang sangat minat dengan bidang sukan, objektif program podium apabila dilancarkan pada bulan Februari adalah untuk memastikan pingat emas pertama di Tokyo tahun 2020, kembalikan kedudukan 10 teratas di Sukan Commonwealth Gold Coast 2018, kembalikan kedudukan Malaysia 10 teratas di Sukan Asia Jakarta tahun 2018 dan untuk mendapat 10 atlet kita di kedudukan enam teratas di dunia.

Namun demikian, ini tidak bermaksud bahawa kita tidak menyasarkan pingat dan juga kedudukan podium di Rio. Cuma ini adalah objektif program podium berjangka masa panjang

dan kita juga masih lagi berharap bahawa kita akan mencapai kedudukan podium pada tahun ini. Program podium ini memberi penekanan kepada pengurusan latihan yang lebih profesional, khidmat sokongan yang lebih komprehensif, penjagaan hal ehwal dan kebajikan atlet yang lebih rapi, berdasarkan penanda aras bertaraf dunia.

Selain itu, pelbagai inovasi dan trend terbaru akan diterapkan secara berterusan bagi memastikan potensi atlet-atlet tersebut yang tersenarai dalam program podium ini dimaksimumkan sepenuhnya. Kementerian turut memberi penekanan kepada usaha memperkasakan pemegang taraf sukan yang lain termasuk persatuan-persatuan sukan yang merupakan rakan kongsi utama dalam usaha menghasilkan lebih ramai atlet elit bertaraf dunia. Kita tidak dapat berjalan ataupun melaksanakan kejayaan program ini tanpa kerjasama daripada persatuan-persatuan sukan sendiri, dalam terutamanya di peringkat pengenalpastian bakat, pembangunan dan sebagainya.

Melalui program podium, kementerian menjangkakan jumlah atlet yang berkelayakan untuk Olimpik 2020 di Tokyo akan meningkat. Keputusan prestasi atlet dijangka akan berada pada tahap terbaik setiap tahun dan keberkesanan program ini akan dapat dilihat pada Sukan Asia 2018, Sukan Komanwel 2018 hingga ke Sukan Olimpik tahun 2020. Terima kasih.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita banggalah sebab kita telah pun *qualified* untuk *event* ataupun acara-acara yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kemudian kita masih menunggu dengan penuh debaran dari segi badminton yang kita harap untuk mendapatkan pingat.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, kita tahu bahawa seperti biasa kita berjaya menyediakan atlet yang hebat. Akan tetapi kadang-kadang *the back-up staff* ini yang menjadi masalah. Soalannya, adakah berkaitan dengan Rio ini kita sudah selesai masalah jurulatih '*sailing team*' dan apakah sasaran pingat kita untuk didengar oleh Ahli-ahli Dewan, untuk program podium. Kita tahu bahawa ia dibuat setelah kegagalan kita di Incheon dan juga Glasgow 2014 dan kita mendapat peruntukan yang saya difahamkan hampir RM75 juta dalam RMKe-11. Mudah-mudahan, ia akan berjaya juga pada tahun 2020 nanti.

Cuma yang kita sedar yang seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, jurang yang luas yang ada dalam bidang kemahiran dan juga kompetensi dari segi pentadbiran sukan dan juga *support services* yang masih wujud ketika ini kerana kejayaan seseorang atlet ini memerlukan sokongan daripada *the back-up staff* ini.

■1040

Maka apakah perancangan kerajaan dan kementerian sama ada hendak import *foreign coaches* dan juga dia punya *backroom boys* dan apakah harapan kita setelah kita berjaya dengan program ini pada tahun 2020. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan tambahan tadi. Pertama, berkenaan dengan isu pelayaran ataupun acara perahu layar. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa melalui satu perbincangan yang telah pun diadakan bersama dengan Majlis Sukan Negara, saya percaya dan yakin bahawa kita sudah mencapai

satu formula menang-menang untuk pelayaran dan kita dapat selesaikan isu jurulatih bagi atlet pelayaran kita terutamanya bagi saudara Khairul Nizam Mohd Affendi di mana jurulatih beliau akan bersama dengan beliau dan akan menyertai Program Podium selepas ini. Jadi masalah tersebut dapat diselesaikan dengan kerjasama daripada Persatuan Pelayaran Malaysia (*Malaysia Sailing Association*) dan juga Majlis Sukan Negara.

Kedua, berkenaan dengan sasaran. Seperti biasa kita masih lagi menyasarkan pingat emas yang pertama pada Rio walaupun Program Podium kita letakkan untuk Tokyo tetapi kita tidak lari daripada usaha untuk kita membawa dan merangkul pulang pingat emas yang pertama di Rio nanti dan kita menyasarkan kedudukan podium iaitu sama ada emas, perak ataupun gangsa terutama dalam tiga sukan iaitu badminton, basikal trak dan juga terjun. Ini menjadi tiga sukan yang masih lagi menjadi sasaran kita. Sasaran podium bagi kita dan mungkin salah satu daripada sukan itu insya-Allah akan memberikan kita pingat emas yang pertama.

Ketiga, mengenai *support services* ataupun khidmat sokongan. Inilah sebab Program Podium diwujudkan. Memang betul apa yang Yang Berhormat sebut, kita telah menerima daripada Unit Perancang Ekonomi sebanyak RM75 juta pada tahun ini. Sebahagian daripada itu adalah untuk meningkatkan kepakaran pegawai-pegawai. Saya akui bahawa sebelum ini kita tidak mempunyai cukup pengamal sains sukan, perubatan sukan. Kita telah melantik seorang pengarah podium iaitu Tim Unem yang datang daripada United Kingdom. Pengalamannya begitu luas dalam latihan atlet Olimpik dan sebagainya dan beliau sedang mengisi jawatan-jawatan kosong terutamanya dalam khidmat sokongan.

Saya bangkitkan isu ini sebab saya rasa Yang Berhormat pun tahu kalau kita tidak melabur untuk pegawai-pegawai yang terbaik terutamanya daripada Malaysia juga. Bukan semua kita ambil daripada luar. Terutamanya dalam khidmat sokongan. Kalau kita pisahkan sains sukan daripada persiapan atlet itu sendiri dan kita anggap bahawa sains sukan ini sebagai satu khidmat sampingan yang tidak penting, maka kita tidak akan maksimumkan prestasi atlet kita. Kita perlu ukur segala prestasi atlet kita secara saintifik dan mengadakan satu program yang berdasarkan kepada *evidence base* yang merangkumi bukan hanya *sport medicine, sports technology, biomechanics, nutrition* dan sebagainya supaya kita dapat memaksimumkan potensi atlet kita.

Itulah kelainan Program Podium di mana ia bukan hanya bergantung kepada pertandingan, jurulatih seperti biasa, tetapi adalah satu pendekatan yang lebih komprehensif yang merangkumi *sports science* dengan izin dan juga segala khidmat sokongan yang datang daripada Institut Sukan Negara.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberikan jawapan yang begitu memberangsangkan menunjukkan perkembangan sukan di dalam negara kita dan tidak lupa kepada sahabat saya, Yang Berhormat Jerlun yang membangkitkan soalan sukan yang nampaknya dalam Parlimen ini, soalan sukan ini agak kurang mendapat perhatian sedikit. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai kepimpinan sukan ataupun *sports leadership* kerana kita tahu bahawa di dalam apa juga program terutamanya sukan, peranan yang dimainkan oleh kepimpinan setiap bidang sukan itu adalah amat penting sekali bagi memastikan bidang sukan yang dipimpin itu berdaya maju. Jadi saya ingin tahu adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai program sebagaimana yang ada di dalam negara-negara yang maju dalam sukan ini. Sebagai contohnya disebut *Sports Leadership Program* ataupun sehingga di beberapa buah negara itu dia ada *Sports Leadership Academy* untuk melatih bakat-bakat baru terutamanya di kalangan ahli-ahli sukan apabila mereka bersara daripada sukan, mereka menjadi pemimpin dalam bidang sukan. Mungkin dari sudut *management* ataupun dari sudut psikologi dan sebagainya. Dengan itu juga kita boleh *create* ataupun boleh melahirkan pemimpin-pemimpin sukan dalam negara kita ini yang mampu memimpin di peringkat antarabangsa yang mana akhir-akhir ini kita nampak amat kurang daripada negara kita. Kalau dulu kita ada Allahyarham Tan Sri Hamzah Abu Samah. Cuma sekarang ini kita ada Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Abdullah. Presiden saya dan juga presiden Yang Berhormat Jerlun menjadi Exco FIFA. Jadi itu sahaja. Tidak ramai.

Jadi adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai perancangan ke arah ini di samping satu lagi aspek ialah program yang disebut *Volunteer For Sport*. Sukarelawan dalam bidang sukan ini iaitu di kalangan ahli-ahli sukan yang saya sebutkan tadi juga yang telah pencen daripada bermain. Di sesetengah negara, mereka ini menjalankan kegiatan sukarela untuk melatih bakat-bakat baru di kawasan terutamanya di kawasan luar bandar, kawasan *remote areas* kerana satu masalah Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ini yang selalu kita hadapi ialah mereka yang dipilih mewakili mana-mana sukan ini di kalangan orang-orang bandar sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Orang luar bandar ini tidak ada. Jadi apa pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Mohon penjelasan. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu atas soalan-soalan yang menunjukkan pemahaman yang sangat mendalam dalam bidang sukan daripada Ahli Yang Berhormat.

Pertama, berkenaan dengan kepimpinan sukan terutamanya daripada Malaysia. Pegawai-pegawai kita dan juga program-program yang dapat untuk kita melaksanakan untuk meningkatkan lagi *sports leadership* ataupun kepimpinan dalam sukan.

Pertama, baru-baru ini saya telah mengumumkan satu program baru di bawah Majlis Sukan Negara yang diberikan nama *Malaysian Athlete Career and Education Pathway* (MACE). Ini adalah untuk kita melihat kepada kerjaya atlet kita, pasca kerjaya mereka dalam dunia sukan. Apakah kerjaya mereka selepas mereka bersara daripada sukan memandangkan bahawa jangka hayat mereka sebagai atlet, *life spend* mereka sebagai atlet mungkin lebih kurang dalam sepuluh ataupun 15 tahun. Salah satu penekanan yang kita beri adalah pada penglibatan mereka

sebagai seorang pegawai dalam bidang sukan. Bukan semua akan *stay* dalam sukan atau akan kekal dalam sukan. Akan ada yang mahu mengambil ijazah ataupun pergi ke industri lain dan sebagainya tetapi ada sebahagian yang masih lagi hendak kekal dalam sukan.

Jadi selain daripada kita menawarkan kursus kejurulatihan, boleh juga kita menawarkan kursus-kursus kepimpinan supaya mereka boleh jadi *technical officer* ataupun boleh menjadi pegawai yang boleh memegang jawatan dalam persatuan sukan. Ada ramai di kalangan rakyat kita yang menanyakan kenapa kita tidak melihat lebih ramai lagi *ex-athlete* yang menjadi pimpinan dalam persatuan-persatuan sukan. Maka mereka perlu dibimbing dan diberikan peluang. Ada suatu program kolaborasi Kementerian Belia dan Sukan dengan UKM contohnya iaitu *Coaching* Kepimpinan Sukan ataupun satu program kepimpinan sukan yang mana kita hendak *enhance* lagi *sports leadership* dan cara bagaimana kita hendak menggalakkan mereka untuk terlibat dalam kepimpinan sukan.

Tadi Ahli Yang Berhormat sebut bahawa mungkin dari segi kepegawaian di Malaysia ini hanya Ke Bawah Duli Tengku Mahkota Pahang yang mempunyai kedudukan di peringkat antarabangsa. Ada ramai juga yang ada kedudukan. Mungkin persatuan-persatuan sukan yang tidak berapa popular. Dato' Ong Poh Eng contohnya. Presiden *Malaysian Weightlifting Federation*. Pernah menjadi Naib Presiden Persekutuan Antarabangsa. Yang Mulia Tunku Imran, Presiden Majlis Olimpik Malaysia. Pernah menjadi Presiden *Commonwealth Game Federation* dan sebagainya.

■1050

Jadi kita ada banyak lagi contoh yang bukan hanya menjadi pegawai di peringkat Persekutuan Kebangsaan tetapi juga mempunyai kepakaran daripada segi *technical official*. Saya baru sahaja hadir pada satu kejohanan *powerlifting*, kelayakan untuk Rio. *Powerlifting* ini adalah *weightlifting* dalam bidang kategori para dan banyak *technical official* di peringkat antarabangsa sebenarnya datang dari Malaysia. Cuma tugas ini akan dipikul bukan hanya KBS tetapi Majlis Olimpik Malaysia juga sebab soal kepimpinan ini perlu kita dapat soal kelayakan, kepiawaian dan sebagainya daripada persatuan-persatuan sukan.

Kedua, adalah daripada segi Pesuruhjaya Sukan sendiri, *Sport Commissioner Office* di bawah Kementerian Belia dan Sukan di mana kita sentiasa menggalakkan persatuan-persatuan sukan untuk mengadakan kursus-kursus kepimpinan.

Sekarang ini untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya menggalakkan persatuan sukan ini untuk melantik pegawai-pegawai sepenuh masa. Kita kena berhijrah daripada *volunteerism in sport association* kepada *professionalism in sport association*. Memang betul kita ada *volunteers* yang menjalankan tugas secara sukarela dalam persatuan sukan. Akan tetapi untuk kita menaikkan lagi profesionalisme dan kebolehan mereka dalam bidang kepimpinan sukan ini, perlu kita ada *professional as sport administrator*, dengan izin.

Oleh sebab itu kita menggalakkan supaya persatuan-persatuan sukan selain daripada presiden, selain daripada ahli lembaga dan sebagainya melantik ketua pegawai eksekutif yang ada KPI, yang menjalankan tugas sepenuh masa seperti Persatuan Pelayaran Malaysia sudah

ada CEO, *Malaysia Hockey Confederation* sudah ada CEO dan sekarang ini FAM pun ada FAMLIP ada CEO dan perlu ada usaha ke arah melihat persatuan sukan itu bukan sebagai badan politik, bukan sebagai tempat naungan pimpinan besar dan pembesar-pembesar negara tetapi tempat di mana tugas dilaksanakan secara profesional dan mungkin dibimbing oleh tokoh-tokoh tertentu yang boleh memberi nasihat dari semasa ke semasa.

Dari segi pembangunan itu saya sangat setuju. Ini bukan soal hanya bandar sahaja. Oleh sebab itu kita bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan melalui program-program pelapis Majlis Sukan Negara, melalui pusat-pusat satelit Institut Sukan Negara untuk kita perbanyakkan lagi pusat-pusat ini di kawasan luar bandar. Mencungkil bakat Yang Berhormat. Saya percaya sebagai Menteri tidaklah hanya di bandar sahaja. Saya percaya dan yakin bakat kita di mana-mana sahaja dan boleh dicungkil di mana-mana sahaja.

Jadi dengan peruntukan yang ada kita usahakan supaya kita dapat mencungkil bakat ini di setiap peringkat terutamanya dengan pembukaan pusat-pusat satelit ISL, dengan Program Pelapis Majlis Sukan Negara, dengan kejohanan-kejohanan di bawah Kementerian Pendidikan. Inilah tempat di mana kita akan mencungkil bakat terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih.

4. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah para pendeposit Projek Plaza Rakyat akan menerima balik wang mereka berikutan urusan pemilikan baru projek telah dimuktamadkan

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian jual beli antara Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Tetuan Profit Consortium Sendirian Berhad, syarikat telah ditandatangani pada 30 Oktober 2015 bagi projek Plaza Rakyat. Pihak syarikat bertanggungjawab untuk menyelesaikan semua tuntutan dan kerugian yang dialami oleh pendeposit Projek Plaza Rakyat. Urusan ini melibatkan proses rundingan pampasan antara pihak syarikat dan pihak pendeposit projek.

Pada masa ini pihak syarikat telah melantik peguam untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pendeposit. Pihak syarikat akan membuat pengiklanan tentang tuntutan-tuntutan yang boleh dibuat oleh 211 orang pendeposit atau waris bagi mewakili pendeposit yang telah meninggal dunia. Iklan ini dijangka akan dibuat selepas 15 April 2016 dan akan disiarkan selama tiga minggu bagi pendeposit atau waris menghubungi peguam yang dilantik syarikat untuk memproses dokumen-dokumen berkaitan dengan tuntutan yang akan dibuat. DBKL akan memantau perjalanan projek-projek supaya pihak syarikat mematuhi setiap isu perjanjian yang ditandatangani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Projek Plaza Rakyat telah terbelang selama 20 tahun, ini mengakibatkan

seramai 211 orang pembeli asal menghadapi tekanan daripada segi kewangan atau mental. Saya difahamkan jawapan tadi dari Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa satu perjanjian telah ditandatangani pada Oktober 2015 dengan sebuah syarikat bernama Profit Consortium.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bentuk jaminan daripada pemaju baru bahawa para pembeli asal ini akan dibayar ganti rugi dengan penuh, wang yang mereka telah bayar kerana para pembeli asal bimbang tidak akan mengotakan janji oleh pemaju baru. Adakah para pembeli akan diberikan suatu pengakuan bertulis tentang hal ini? Apakah pembeli asal diberikan pilihan oleh pemaju baru sama ada mereka diberikan unit asal mereka beli atau hanya menerima pampasan sahaja? Minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebentar Yang Berhormat Menteri, kita ada tetamu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa yang hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah **TYT Jan Hamáček, Chair of the Chamber of Deputies of the Parliament of the Czech Republic dan delegasi. Kepada TYT Jan Hamáček, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran beliau dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. Terima kasih, *thank you very much.* [Tepuk] Ya sila.**

Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat kemukakan tadi, jaminan yang diberi oleh pemaju adalah mereka telah membuat komitmen membayar deposit sebanyak 10% terhadap penjualan ini, pembelian ini dan juga kita akan memberi peluang kepada pendeposit-pendeposit ini sama ada mereka ingin memiliki semula unit ataupun menuntut balik wang mereka. Ini adalah keputusan dari pendeposit yang akan dibuat melalui peguam yang akan dilantik untuk melaksanakan proses dokumen ini. Peguam yang dilantik adalah Tetuan Fernandez dan Selvarajah untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. Dato' Hasan bin Arifin [Rompin] minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah kaedah saintifik digunakan bagi menentukan kadar "*dry rubber content*" agar memberikan pulangan yang adil kepada penoreh memandangkan kadarnya ditentukan peraih dan pengilang secara andaian dan apakah undang-undang untuk mengelakkan manipulasi harga getah.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya menjawab Yang Berhormat Rompin izinkan saya mengalu-alukan kehadiran guru-guru dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Matang Parlimen Hulu Terengganu. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin walaupun dengan suara yang *husky*. Kandungan getah kering atau KGK dengan izin Tuan Yang di-Pertua *dry rubber content* (DRC) merujuk kepada berat kering getah bekuan. Kadar KGK ditentukan oleh pelbagai faktor termasuk tempoh simpanan, kaedah pembekuan dan juga klon pokok. Buat masa ini KGK getah

yang dibeli oleh pembeli di peringkat ladang ditentukan melalui pemerhatian atau pun visual dengan izin pembeli-pembeli berkenaan. Harga *cup lump* ditentukan mengikut peratusan berat getah kering atau KGK getah tersebut.

Bagi membantu penentuan KGK pada tahun 2008, Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah menghasilkan carta panduan KGK *cup lump* sebagai panduan penentuan KGK getah bekuan. Carta panduan ini adalah sesuai diguna pakai untuk getah bekuan yang berkualiti, bersih dari bahan pencemaran serta diasingkan mengikut tempoh simpanan.

■1100

LGM turut melaksanakan kaedah piawai penentuan KGK iaitu MS 2531/2013 serta kaedah pantas penentuan KGK MS 2579/2014 yang telah didaftarkan dan diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia. Kaedah ini boleh dirujuk sekiranya terdapat sebarang pertikaian dalam penentuan nilai KGK getah bekuan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak LGM memang sedar bahawa penentuan KGK melalui pemerhatian menimbulkan masalah kepada pekebun-pekebun kecil. Sehubungan itu, pihak LGM sedang memuktamadkan perjanjian pengkomersialan dengan sebuah syarikat swasta bagi memasarkan mesin penentuan KGK dengan menggunakan teknologi *infrared* di mana mesin ini berupaya menentukan KGK dalam getah dengan lebih saintifik, tepat dan dalam tempoh yang singkat. Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan ini turut memerlukan proses pembersihan ke atas *cup lump* terlebih dahulu bagi memastikan nilai KGK yang dihasilkan adalah tepat dan mewakili nilai KGK sumber ataupun *life sample cup lump* yang diuji.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai agensi yang dipertanggungjawabkan ke atas industri getah negara, LGM menjalankan tugas-tugas pengawalseliaan dan penguatkuasaan melalui peruntukan-peruntukan yang tertakluk di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia, Perbadanan 1996 dan juga peraturan-peraturan LGM pelesenan dan permit 2014. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pekebun-pekebun kecil mendapat tawaran harga getah yang munasabah berpandukan harga getah gred SMR 20.

Berikut antara peraturan yang sedang dikuatkuasakan iaitu:

- (i) Peraturan tiga, peraturan-peraturan pelesenan dan permit LGM 2014, setiap aktiviti pembelian dan penjualan getah adalah wajib untuk memiliki lesen;
- (ii) Peraturan 20, peraturan-peraturan pelesenan dan permit 2014 juga pemegang lesen hendaklah menyediakan satu rekod yang terkini dan benar mengenai semua transaksi yang mengandungi maklumat nama-nama penjual getah ataupun pekebun kecil, kuantiti yang dibeli dan juga harga yang telah dibayar kepada pekebun kecil; dan satu lagi
- (iii) Peraturan tiga peraturan yang sama sebarang aktiviti urus niaga getah yang dijalankan penjual perlu mengemukakan resit rasmi dalam bentuk yang ditetapkan oleh LGM yang mengandungi maklumat kuantiti getah, KGK yang diberikan dan juga harga yang dibayar kepada pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, maka LGM akan meneruskan aktiviti pemeriksaan dan penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan para pembeli getah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Semoga memastikan para pekebun kecil dapat harga yang berpatutan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya nampak Yang Berhormat Rompin sudah bincang dengan Yang Berhormat Lenggong tadi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya susah hati Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling ini tidur pun mimpi getah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Baling tidur dalam Dewan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sebab ramai penoreh getah di kawasan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasihlah atas jawapan tadi. Isu sekarang ini ialah soal harga, rakyat cakap soal harga. Kita ada program PAC-3 ini tetapi nampaknya tuntutan dan juga *claim* daripada rakyat itu agak kurangnya, IPG.

Apakah ada cadangan daripada kementerian, ini cadangan Yang Berhormat Baling dan Yang Berhormat Parit Sulong ini, apakah ada cadangan kementerian untuk menambahkan penggunaan bahan daripada getah ini? Boleh atau tidak kementerian wujudkan satu jawatankuasa yang melibatkan semua kementerian yang ada berkaitan supaya menjadikan ini sebagai satu agenda utama untuk membolehkan suatu cadangan yang khusus menambahkan penggunaan getah ini, produk daripada getah ini dan boleh diguna di dalam dan dieksport ke luar negara.

Ini kerana saya tahu dan kita tahu, Yang Berhormat Baling pun cakap bahawa sebenarnya harga ini dipengaruhi oleh penggunaan getah yang agak kurang. Jadi kalau kementerian ada inisiatif wujudkan satu jawatankuasa yang melibatkan kesemua kementerian dan rancang supaya menambahkan penggunaan getah, saya percaya ia boleh mempercepatkan usaha untuk meningkatkan harga getah. Saya hendak tanya kementerian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lenggong yang juga prihatin mewakili Yang Berhormat Rompin dan Yang Berhormat Baling katanya. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan Yang Berhormat Lenggong memang baik. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita bukan tidak melakukan sesuatu Yang Berhormat Lenggong, kerana harga adalah dipengaruhi oleh faktor global, penawaran,

permintaan, ekonomi, negara-negara pengimport, pertukaran mata wang asing dan sebagainya dan memang buat masa ini terdapat sedikit lebih di pasaran akibat daripada ekonomi yang lembap.

Maka dengan itu antara langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian melalui kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan Thailand, Indonesia dan juga Malaysia. Salah satunya adalah untuk menambahkan penggunaan sebagaimana cadangan Yang Berhormat Lenggong tadi. Menambah penggunaan domestik sebanyak 10% meningkatkan penggunaan. Itu termasuklah yang telah kita bincangkan dan kerjasama dengan pihak Kementerian Kerja Raya itu menggunakan getah sebagai adunan dalam adunan membuat jalan misalnya, *rubberized road*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, namun masih di peringkat *pilot project* dan kalau boleh memang kita suka untuk dipercepatkan dan dapat mengurangkan bekalan ataupun *supply* yang sedia ada bagi menstabilkan lagi harga.

Selain daripada itu juga, kita memang ada satu Jawatankuasa Kabinet Tuan Yang di-Pertua, tetapi bukan untuk mempelbagaikan penggunaan. Namun saya kira boleh dibincangkan. Ia adalah jawatankuasa kabinet untuk meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil komoditi yang baru sahaja bermesyuarat dalam dua minggu lepas dan adalah langkah-langkah yang telah diambil untuk menambah pendapatan seperti membantu *diversify* komuniti, dengan ternakan, dengan pertanian sampingan lain dan itu juga melangkau...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Menteri, minta maaf Menteri. Produk getah tadi itu kalau boleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, KKLW, KKR duduk, dapat cari kaedah bagaimana produk itu boleh digunakan untuk dalaman selain daripada penternakan, terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Ya, itu yang saya maklum tadi. Dengan pihak Kementerian Kerja Raya sudah dilaksanakan, dengan KKLW kita ada Jawatankuasa Khas tadi tetapi yang saya kata tadi cadangan Yang Berhormat Lenggong memang kita ambil kira, sangat baik kita ambil kira akan melangkau kementerian-kementerian yang boleh turut sama membincangkan penambahan penggunaan Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri, terima kasih juga kepada kementerian kerana telah pun berikan penjelasan bagaimana untuk hendak mengukur kandungan getah kering dan soalan saya ini ada kaitan dengan soal - oleh kerana ini untuk ukuran kepada kandungan getah kering.

Berkaitan dengan IPG iaitu Insentif Pengeluaran Getah yang diberikan diperuntukkan untuk 40 sen sekilo yang Bajet 2016 ini sebanyak RM200 juta. Sehingga semalam, masih lagi penoreh getah belum dapat. Jadi tahun lepas 2015 diperuntukkan sebanyak RM100 juta pun tidak disentuh. Tahun ini 2016, setakat semalam belum lagi dapat, saya hendak *confirm* dari Yang Berhormat Baling. Saya rasa belum lagi dapat, saya rasa minta penjelasan daripada pihak

kementerian untuk menjelaskan apa status IPG yang diperuntukkan untuk kepada pekebun ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini soalan *confirm* daripada Yang Berhormat Baling, ya ? Sila.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Gantang. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin keprihatinan Yang Berhormat Bukit Gantang juga merupakan keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang khususnya mengenai pekebun kecil getah. Insentif Pengeluaran Getah (IPG) ini Tuan Yang di-Pertua telah banyak kali juga kita jawab di Dewan yang mulia ini.

Namun kita akui tuntutan, pelaksanaan masih rendah, sangat rendah kerana walaupun telah dimulakan sejak 2014 dan tahun lepas telah kita perbaiki ataupun naikkan pengaktifan harganya dan sekarang pada harga SMR20, RM5.50 dan *cup lump* harga pengaktifannya adalah RM 2.20, sejak Oktober tahun lepas sudah mula dituntut. Namun kalau mengikut rekod kita juga Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada masalah-masalah tertentu sebab pekebun kecil mengharapkan datang jual dan terus dapat insentif tersebut pada masa itu juga, *on the spot*, dengan izin.

Akan tetapi, tidak berlaku begitu Tuan Yang di-Pertua kerana ia melibatkan tuntutan kemudian dan pihak LGM di Semenanjung, JPS di Sarawak, dan Lembaga Industri Getah (LIGS) Sabah akan *bank in*, dengan izin, akan masukkan duit tersebut ke dalam akaun pekebun kecil yang menuntut.

■1110

Mungkin masalah yang kita kenal pasti sekarang antaranya adalah resit yang sah, yang mesti dikeluarkan oleh penjual atau pembeli, *dealers* dengan izin, resit yang diterima sah oleh Lembaga Getah Malaysia bukan resit buat sendiri dan sebagainya. Satu lagi masalah yang kita kenal pasti adalah pemilikan kad PAT-G atau kad autoriti penoreh, pekebun atau pemilik itu masalahnya dan kita sedang perbaiki pelaksanaan tersebut. Buat masa ini setakat dari tahun lepas antara tuntutan yang telah dibayar adalah RM12 juta lebih sahaja daripada RM200 juta tersebut. Kita maklum, *insya-Allah* kita akan perbaiki dari semasa ke semasa dengan mengambil kira cadangan-cadangan.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Satu lagi...

Dato' Noriah binti Kasnon: Melalui penghulu dan ketua kampung juga boleh – Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Hendak memudahkan kita sudah memberi izin untuk *submit* atau membuat tuntutan melalui ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberikan untuk soalan tambahan disebabkan keadaan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ada getah kah Setiawangsa ni?

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: ..Keresahan pekebun-pekebun kecil ini. Soalan saya apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam memastikan harga yang diterima oleh pekebun kecil daripada pembeli-pembeli di peringkat ladang adalah telus dan adil? Terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Ahli Yang Berhormat Setiawangsa dari bandar ya tetapi prihatin dengan masalah Yang Berhormat Baling.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Noriah binti Kasnon: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Sebenarnya antara langkah untuk memastikan pekebun kecil mendapat harga yang patut, adil dan munasabah adalah seperti yang saya katakan tadi. Walaupun pelaksanaan menggunakan visual ataupun pemerhatian fizikal kepada getah ataupun *cup lumps* dengan izin yang dihantar kepada pembeli itu kurang tepat, ada pertikaian-pertikaian dan antaranya adalah *continuous monitoring* oleh wakil-wakil AGM dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan kita ada penguat kuasa, kita ada pendakwa raya dan kita pernah melaksanakan program-program berkala, Ops ataupun operasi seperti Ops Patuh, Ops Batal yang melibatkan pemeriksaan premis-premis pembeli-pembeli getah ini untuk memastikan tiada manipulasi harga penipuan dan sebagainya yang akan menjejaskan harga.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada mempamerkan di TV1 pada setiap hari jam 7 malam, harga-harga *cup lumps* gred A untuk menjadi panduan kepada pembeli-pembeli dan juga pekebun-pekebun kecil supaya tidak terlalu jauh jurang perbezaan harga kalau ada oleh pembeli-pembeli atau *dealers* dengan izin. Pembeli-pembeli juga diizinkan untuk membuat perbandingan antara pembeli-pembeli ataupun orang-orang tengah ini sebelum menjual.

Kita juga ada membuat satu *pilot project* insya-Allah bermula pada tahun ini di Kuala Nerang, Kedah kalau tidak salah saya dalam bentuk *clustering* ataupun kelompok, mengelompokkan pekebun-pekebun kecil ini untuk satu sistem pengurusan urus niaga jual beli yang lebih baik dan teratur supaya dapat mengelakkan manipulasi ataupun penipuan sebarang pertikaian-pertikaian khasnya dalam menentukan harga dan juga KGK yang kita nyatakan tadi. Itu antara langkah-langkah Tuan Yang di-Pertua selain daripada lesen yang sah dan sebagainya.

6. **Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah terma-terma perjanjian dan persetujuan pelaksanaan operasi AES antara kerajaan dengan pengendali baru AES iaitu LTAT dan Boustead Holding Berhad termasuk model kewangan pengagihan bayaran saman kepada syarikat pengendali dan kerajaan; dan
- (b) berapa lamakah tempoh konsesi perkhidmatan AES diberikan kepada syarikat pengendali perkhidmatan AES iaitu LTAT dan Boustead Holdings Berhad.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Pemilikan dan kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES telah pun diambil alih sepenuhnya oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan syarikat subsidiarinya Irat Properties Sdn Bhd dan Boustead Holdings Berhad.

Selaras dengan pengambilalihan tersebut, kerajaan dengan pihak LTAT dan syarikat subsidiarinya sedang dalam proses rundingan untuk menambah baik terma-terma perjanjian AES dan mengambil kira pandangan dan maklum balas pelbagai pihak, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, soalan baik-baik Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Marang ada dalam Dewan ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun hairan macam mana soalan ini boleh naik sedangkan jawapannya terlalu ringkas. Jawapan kata masih dalam perbincangan, jadi soalan lainlah yang sepatutnya naik. Jadi saya hendak tanya juga walaupun masih dalam perbincangan, saya hendak minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah tentu sudah ada beberapa keputusan yang telah dibuat.

Pertama berkaitan dengan tempoh konsesi ini beberapa tahun? Kalau dahulunya kepada syarikat yang dahulu, pengendali dahulunya ialah lima tahun. Jadi berapa tempoh konsesi yang diberikan kepada pengendali baru ini iaitu di bawah LTAT ini?

Keduanya ialah berkaitan dengan perjanjian tersebut. Saya hendak minta supaya perjanjian itu diberikan kepada semua Ahli-ahli Parlimen apabila siap nanti, tidak di OSA kan untuk penelitian kepada semua Ahli-ahli Parlimen.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai konsesi waktu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hendak betulkan, Yang Berhormat Dato' Seri Dr itu sahabat saya dan Dato' Seri Dr. Ronald.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: *Insya-Allah*. Saya akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat Pokok Sena tentang makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab yang saya ini, Yang Berhormat Baling sedang uruskan. Sila, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kajian MIROS, ada penurunan kemalangan maut dengan adanya AES ini. Jadi 14 buah AES yang ada sekarang ini, saya hendak tanya apakah kriteria-kriteria pemilihan tempatnya dan penetapan lokasi AES? Adakah kerajaan akan memperkasakan lagi penguatkuasaan AES dan berapa ramai yang tidak membayar saman AES ini? Terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pertama, memang sedang dalam proses untuk meletakkan kamera-kamera AES di tempat-tempat *accident-prone areas* atau tempat yang berisiko tinggi dan ini sedang dikenal pasti. Seterusnya pemasangan kamera juga akan ditumpukan kepada persimpangan lampu berisyarat dan lebuh raya serta jalan-jalan persekutuan. Setakat ini lebih kurang dua juta yang tidak atau belum menjelaskan saman AES.

Oleh sebab ia ditangguhkan, pihak kementerian sudah mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membuka bagi melaksanakan saman ini dibayar oleh orang yang kena saman atau OKS, terima kasih.

7. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek jalan empat lorong dari Kota Sarang Semut di Pekan Pendang boleh dimulakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:
Bismillahir Rahmanir Rahim...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya juga difahamkan abang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada dalam Dewan.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Ya, ada di sini. Terima kasih. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat Pendang atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum cadangan projek naik taraf Jalan Pendang ke Sungai Tiang ke Kota Sarang Semut, Kedah. Pada peringkat awal telah diluluskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu dari tahun 2006 hingga 2010. Namun begitu projek ini terpaksa ditangguhkan berikutan daripada arahan agensi pusat untuk mengkaji semula senarai keutamaan projek pada ketika itu. Berdasarkan kajian awalan yang telah disiapkan kementerian ini, skop projek tersebut melibatkan naik taraf jalan sedia ada kepada laluan empat lorong dua hala atau *dual carriageway*, dengan izin sepanjang 25 kilometer dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Projek ini akan dipecahkan kepada empat fasal pelaksanaan iaitu seperti berikut:

■1120

- fasa 1 dari pekan Pendang ke Kampung Sawa Kecil sejauh 10 km,
- fasa 2 dari Kobah ke pekan Pendang sejauh 2.5 km,
- fasa 3 dari Kampung Sawa Kecil ke Sungai Tiang 8 km dan
- fasa 4 dari Kota Sarang Semut ke Kobah 4.5 km.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini telah dipohon semula dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan seterusnya dalam *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 hingga 2017 tetapi tidak diluluskan oleh agensi pusat. Sehubungan itu, kementerian ini akan berbincang dan mengemukakan semula permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dalam *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas dari 2017 hingga 2018. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Dukacita saya sebagai Ahli Parlimen Pendang bagi pihak rakyat Pendang, sebenarnya projek itu pada saya bukan dibatalkan. Projek itu dipindahkan tempat lain dalam negeri Kedah. Sedangkan dokumen tender telah pun dijual, itu yang saya sedih, dukacita Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebab itu saya soal soalan ini. Apa yang penting ialah jalan dari Kota Sarang Semut ke Pekan Pendang kerana kita ada stesen kereta api laju di Pekan Kobah. Kita ada tol Kobah,

sebab itu kita perlukan jalan empat lorong daripada Kota Sarang Semut ke Pekan Pendang. Saya maksudkan dipindahkan ke tempat lain, pada tahun 2000 kalau tidak silap saya. Itu ialah soal yang benar JKR perlu siasat.

Yang kedua, saya hendak tanya kriteria untuk membolehkan jalan empat lorong ini dilaksanakan. Yang Berhormat sedarkah bahawa jalan antara Pendang ke Sungai Tiang 50 tahun lebih penggunaan, tidak ada sebarang pengambilan tanah dibuat oleh kerajaan yang menyebabkan JKR Pendang mengalami masalah sekarang hendak melebarkan tidak boleh, hendak membina *culvert cross* jalan tidak boleh kerana tuan tanah akan menuntut pampasan sebab pampasan tidak dibuat. Apakah kerajaan akan bertindak untuk membuat pengambilan tanah jalan antara Pendang hingga ke Sungai Tiang seperti mana yang Yang Berhormat sebut tadi.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Pendang di atas soalan tambahan. Yang Berhormat dan sebenarnya saya ingin mengatakan di sini Yang Berhormat, projek ini bukan dibatalkan melaluinya, dakwaan Yang Berhormat ianya dipindahkan kita akan siasat Yang Berhormat. Akan tetapi projek ini telah tidak tersenarai dalam projek-projek keutamaan.

Yang Berhormat saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bahawasanya projek ini perlu dilaksanakan bagi memberikan kemudahan perhubungan kepada penduduk khususnya di Pendang, kawasan Yang Berhormat dan secara langsung ianya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga pelaksanaan fasa dua dan fasa empat, sekiranya ianya dilaksanakan akan diberikan keutamaan Yang Berhormat. Fasa dua yang seperti saya nyatakan awal tadi daripada Kobah ke Pekan Pendang dan fasa empat daripada Kota Sarang Semut ke Kobah. Memandangkan jalan sedia ada ini Yang Berhormat merupakan juga jalan utama yang menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan ke Pekan Pendang.

Sudah tentu tarikan pelancong yang wujud di Pendang iaitu Pasar Kemboja juga menambahkan aliran trafik dan kita bersetuju Yang Berhormat dan seperti yang saya nyatakan awal tadi dalam jawapan saya, *insya-Allah* kita akan membincangkan dan mengemukakan semula permohonan jalan ini ke Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Kesebelas 2017 hingga 2018. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kes baru tibi di Malaysia dan juga bilangan kematian oleh kerana tibi untuk setiap tahun dari tahun 2011 hingga 2015. Apakah kadar kekebalan terhadap beberapa ubat-ubatan (*multidrug resistance*) di kalangan kes baru tibi di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Soalan ini adalah berkenaan dengan penyakit tibi dan Yang Berhormat Sungai Siput mohon mendapatkan statistik daripada 2011 sehingga 2015.

| Tahun | Jumlah Kes | Peratusan (Setiap 100,000 Orang) |
|-------|------------|-------------------------------------|
| 2011 | 20,666 | 72.44 % |
| 2012 | 22,710 | 78.7 % |
| 2013 | 23,513 | 79.1 % |
| 2014 | 24,079 | 80.1 % |
| 2015 | 23,565 | 77.3 % |

Kadar kematian dan peratus kematian penyakit tibi:

| Tahun | Kematian | Kadar Kematian (Setiap 100,000 Orang) |
|-------|----------|--|
| 2011 | 1,644 | 5.8 % |
| 2012 | 1,414 | 4.9 % |
| 2013 | 1,547 | 5.3 % |
| 2014 | 1,603 | 5.3 % |
| 2015 | 1,672 | 5.5 % |

Tuan Yang di-Pertua, memang berlaku di kalangan pesakit-pesakit yang makan ubat, apabila kita bagi ubat pesakit kena makan sehingga enam bulan. Akan tetapi ada juga kes-kes yang *default* sebab itu dalam hal kita bagi ubat ini kita pastikan pesakit datang tiap-tiap hari ke klinik dan kita tidak bagi pada pesakit sebulan untuk makan di rumah. Kita paksa pesakit datang ke klinik yang dekat tiap-tiap hari makan, kalau pesakit pergi ke hospital kita akan rujuk kepada klinik yang dekat dengan rumah pesakit dan pesakit akan pergi tiap-tiap hari makan ubat. Ada kes-kes yang juga hilang, walaupun kita bagi alamat dan sebagainya dia hilang atau pindah ke tempat lain dan tidak makan ubat.

Dalam hal ini ada juga kes-kes menghadapi masalah *multidrug resistance*, bermakna kita bagi ubat biasa pun tidak jalan. *First line drug* tidak berkesan oleh sebab pesakit *default*, tidak makan ubat beberapa lama dan datang balik dan menular semula penyakit ini. Ini kita panggil *multidrug resistance* ia tidak sesuai, ubat *first line* sudah tidak berkesan. Jadi kita terpaksa bagi ubat *second line drug*. Ubat *first line drug* memang murah dalam enam bulan lebih kurang RM300 ringgit sahaja, tetapi kalau *second line drug* ini sehingga RM15,000 kosnya untuk merawat sehingga dua tahun.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kes-kes *multi drug resistance* ini Tuan Yang di-Pertua adalah 141 pada tahun 2011, pada tahun 2012 74, 2013 124 dan tahun 2014 104. Peratusannya adalah purata 4.4 peratus banding dengan WHO punya perangkaan 3.3 peratus. Makna kita *multidrug resistance* di kalangan rakyat Malaysia ini amat rendah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya Timbalan Menteri bila kita tengok insiden tuberkulosis di Malaysia pada tahun 1990 ada lebih kurang 10,000 dan telah meningkat kepada 24,000 pada tahun 2015. Jadi saya

mahu tanya apakah pendekatan kita mengendalikan pekerja asing. Adakah satu *circular* yang menyatakan jika pendatang asing datang ke klinik kerajaan, jika kita dapati mereka tidak ada dokumen yang sah, kita kena panggil imigresen. Jika mereka datang dengan batuk, mungkin dia ada tibi, kerana mereka dihalau macam itu mereka takut datang sini, mereka hanya beli ubat batuk di kedai-kedai. Namun jika tibi itu akan merebak ke masyarakat Malaysia juga. Saya mahu tanya Timbalan Menteri, adakah cara kita kendalikan orang asing ini, pekerja migran ini.

■1130

Salah satu daripada sebabnya kadar tibi di Malaysia sudah meningkat. Saya rasa janganlah katakan apabila dia ada tibi kita bagi dia ubat dengan *free*, saya tahu. Apabila seseorang datang dengan batuk ke klinik kita, kita tidak tahu dia ada tibi, kah tidak. Pada masa itu, jika mereka dihalau dengan caj yang tinggi ataupun jika dia tidak ada dokumen dia dirujuk kepada imigresen, adakah itu salah satu daripada faktor yang mengakibatkan peningkatan kadar tibi? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ia mungkin ya ataupun tidak. Tuan Yang di-Pertua, sebab dalam hal penyakit tibi ini memang kesedaran ataupun *awareness campaign* kita berjalan berterusan dan rakyat kita sudah mula sedar tentang perkara ini. Mereka tahu kalau batuk lebih daripada dua minggu, kemudian hilang selera makan, demam, peluh malam-malam dan berat badan kurang, biasanya dia akan pergi dan mendapat nasihat klinik ataupun doktor dari hospital. Memang menjadi standard prosedur Tuan Yang di-Pertua, setiap kali ada kes-kes begini memang kita akan ambil x-ray dan juga ambil *sputum*, dia punya kahak dan untuk *test* kuman tuberkulosis.

Sekarang ini tidak perlu tunggu lama, sudah ada kaedah baru dalam dua jam kita sudah boleh kesan sama ada dia ada penyakit tibi ataupun tidak. Memang dalam hal kalau rakyat Malaysia memang kita ada sistem kita dan kita pastikan dia mendapat rawatan yang sempurna. Akan tetapi bagi pekerja asing memang syarat kita, prosedur kita apabila pendatang yang datang tanpa permit dia kita kena *report* kepada imigresen. Itu memang syarat. Akan tetapi kalau kita dapati dia ada penyakit tibi kita akan bagi rawatan dan wajib bagi rawatan sehingga dia menjadi *sputum* negatif.

Maknanya tidak ada kuman lagi dalam kahak dia. Maknanya dia bebas, dia selamat untuk berinteraksi dengan masyarakat. Jadi ini prosedur kita dan setakat ini kita sudah pun di peringkat kementerian telah buat keputusan supaya kita memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada warga asing yang dapat penyakit-penyakit yang berjangkit ini. Akan tetapi pelaksanaan belum *start* lagi dan masih lagi kena caj tetapi keputusan telah dibuat supaya kita bagi rawatan percuma kepada pekerja asing Tuan Yang di-Pertua.

9. Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan perkembangan terkini industri biodiesel negara serta nyatakan pelan khusus yang dirancang kementerian dalam mempelbagaikan produk hiliran sawit termasuklah dalam persediaan menghadapi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program B5 atau adunan lima peratus biodiesel sawit dan 95 peratus diesel petroleum telah dilaksanakan secara berfasa bagi sektor pengangkutan mulai Jun 2011. Kadar adunan ini telah dipertingkatkan kepada B7 iaitu adunan tujuh peratus biodiesel sawit dengan 93 peratus diesel petroleum dan telah pun dilaksanakan ke seluruh negara mulai November 2014.

Daripada hanya lima buah kilang bagi biodiesel sawit yang beroperasi pada tahun 2006, kini terdapat 18 buah kilang biodiesel yang beroperasi dengan *in-stock capacity*, dengan izin 2.3 juta tan setahun. Jumlah pengeluaran *Palm Methyl Ester* atau PME dengan izin pada tahun 2015 adalah 673,000 tan dan daripada jumlah ini sebanyak 362,000 tan PME digunakan untuk Program B7. Selain itu, 179,000 tan PME dieksport ke luar negara bagi tahun 2015 dengan nilai sebanyak lebih RM480 juta.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi berada pada fasa akhir konsultasi dengan pihak berkepentingan bagi melaksanakan Program B10 iaitu adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan 90 peratus diesel petroleum. Pelaksanaan ini dijangka meningkatkan jumlah penggunaan biodiesel sawit tempatan kepada 502,000 tan setahun. Kementerian juga sentiasa melaksanakan pelbagai program untuk memperkukuhkan pembangunan industri hiliran sawit ke arah penghasilan pelbagai produk baru, nilai tambah berasaskan sawit.

Langkah-langkah tersebut termasuk potensi menembusi pasaran-pasaran baru apabila terlaksananya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik seperti pemindahan teknologi, bekerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan di negara-negara pengimport utama, meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke arah penghasilan produk baru berasaskan sawit dan juga termasuklah menggalakkan industri tempatan melabur dalam penghasilan produk-produk makanan melalui pemberian insentif dalam bentuk geran sehingga 40 peratus ke atas nilai pelaburan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri di bawah Usul Peraturan Mesyuarat 12(1).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.35 pg.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu

Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 hari Rabu, 6 April 2016.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARATDI BAWAH P.M. 18(1)

KES PENCULIKAN DI PERAIRAN PULAU LIGITAN, SEMPORNA

11.36 pg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya membawa sebuah usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan atas penculikan di perairan Pulau Ligitan, Semporna.

Tuan Yang di-Pertua, penculikan terbaru empat orang Malaysia oleh lapan orang lelaki bersenjata di perairan Pulau Ligitan, Semporna yang bersempadan dengan Filipina membuatkan rakyat Sabah sekali lagi berasa terdedah bahaya ancaman kumpulan pengganas. Kes penculikan ini berlaku pada 6.45 petang Jumaat, bertarikh 1 April 2016 di mana mangsa-mangsa merupakan krew kapal tunda MV MASFIVE 6 yang sedang dalam perjalanan pulang ke Tawau, Sabah dari Filipina iaitu Wong Teck Kang - 31 tahun, Wong Hung Sing - 34 tahun, Wong Teck Chii - 29 tahun dan Johnny Lau Jung Hien - 21 tahun. Lima orang krew kapal lain yang merupakan warganegara Indonesia dan Myanmar dilepaskan oleh kumpulan bersenjata.

Tidak dinafikan kes penculikan telah berulang kali berlaku dan menghantui rakyat Sabah. Pada 15 November 2013 seorang pelancong dari Taiwan dibunuh dan seorang lagi diculik pada 2 April 2014, satu lagi penculikan telah berlaku apabila seorang pelancong dari negara China dan seorang pekerja telah diculik di Singamata Reef Resort Semporna. Manakala tahun lalu pada 15 Mei 2015, dua orang rakyat Malaysia iaitu Thien Nyuk Fun dan Bernard Then Ted Fen telah diculik dari Restoran Ocean King, Sandakan. Di mana ia berakhir dengan pembunuhan kejam mendiang Bernard Then oleh kumpulan pengganas Abu Sayyaf pada 17 November 2015.

Kejadian penculikan dan rompakan pencerobohan bersenjata berlaku di Sabah Saban tahun ini semakin menjadi-jadi sehingga menjadi bahan perbualan ramai dan juga meletakkan penduduk setempat dan rakyat Sabah secara umum dalam keadaan yang risau, bimbang dan takut akan keselamatan mereka. Tidak cukup dengan ancaman pensimpati Kesultanan Sulu yang mana didedahkan baru-baru ini bahawa mereka melantik panglima di setiap kawasan

dewan undangan negeri (DUN), rakyat Sabah diancam pula oleh kumpulan pengganas seperti Abu Sayyaf yang terkenal dengan taktik penculikan bagi mendapatkan tebusan.

Persepsi umum terhadap apa yang sedang dilaksanakan oleh pihak berkuasa di Kawasan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) juga tidak dapat disangkal. Sememangnya ESSCOM dan ESSZONE memainkan peranan besar di dalam melindungi keselamatan perairan Sabah dan ia bukan satu tugas yang mudah.

■1140

Namun demikian, masih banyak aspek yang perlu diperbaiki dan diharap Polis Diraja Malaysia serta ESSCOM wajar mengkaji dan mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan supaya kes penculikan sedemikian tidak berulang kembali. Kerjasama dengan pihak berkuasa maritim Filipina khususnya, harus dimantapkan lagi bagi mengendali kejadian seperti penculikan kali ini yang berlaku di kawasan perairan sempadan Filipina dan Malaysia. Pada masa yang sama, kejadian sebegini juga telah dan bakal memberi tempas serius dan besar kepada industri pelancongan, di mana keyakinan pelancong asing terjejas untuk melawat Malaysia, khususnya di Sabah.

Sehubungan dengan itu, persoalan dan masalah penculikan di Sabah mesti dibincang di dalam Dewan Rakyat kerana ia ini ialah, dengan izin, *public interest* ataupun kesejahteraan rakyat, khususnya di Sabah. Dewan ini juga mesti membincangkan usul ini untuk mencari penyelesaian serta pendekatan yang berkesan dan komprehensif untuk keselamatan rakyat Sabah secara keseluruhan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan perkara tersebut berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tan Sri telah menerima suatu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat Silam pada hari Isnin 4 April 2016. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat Silam sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat ketiga ia berkehendak disegerakan. Yang Berhormat Tan Sri telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa:

- (i) Tertentu, perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (ii) kepentingan orang ramai, ia adalah bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) berkehendak disegerakan, perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3), usul ini hendaklah ditempokkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada pukul 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.43 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pada 9 April 2015, satu resolusi di bawah subseksyen 1(4), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, [Akta 316] untuk melanjutkan tempoh kuat kuasa akta telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Ini merupakan satu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap orang-orang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya.

Kali ini saya mohon mencadangkan beberapa pindaan kepada akta tersebut bagi memperkasakan lagi pelaksanaannya agar selari dengan senario kegiatan pengedaran dadah di Malaysia dan di peringkat global. Seperti mana Yang Berhormat semua sedia maklum, sejak daripada tahun 1983 sehingga kini, dadah masih lagi menjadi musuh nombor 1 negara. Bagi membuktikan bahawa kerajaan sangat komited dalam membasmi jenayah dadah ini, terdapat 4 akta yang telah digubal dalam usaha menghapuskan penularan najis dadah di kalangan masyarakat. Antara akta yang berkuat kuasa untuk tujuan tersebut adalah:

- (i) Akta Dadah Berbahaya 1952;
- (ii) Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988;
- (iii) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983; dan
- (iv) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Walaupun akta-akta ini telah berkuat kuasa sejak sekian lama dan tindakan-tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun bilangan kes yang diterima tetap membimbangkan. Kegiatan pengedaran dadah masih wujud dan dipercayai akan berterusan selagi terdapatnya permintaan daripada kalangan penagih serta bekalan daripada pengedar dadah.

Bagi mencapai maksud negara bebas dadah, jumlah bekalan iaitu *supply*, dengan izin, oleh pengedar-pengedar dadah dan permintaan, *demand*, dengan izin, oleh penagih dadah hendaklah dihapuskan. Dalam konteks ini, strategi penguatkuasaan undang-undang adalah antara mekanisme yang digunakan oleh kerajaan bagi memastikan tiada sumber bekalan dadah dapat ditawarkan kepada penagih dadah.

Penguatkuasaan undang-undang yang tegas adalah perlu untuk tujuan menyekat kemasukan dadah berbahaya daripada luar negara. Juga untuk menghapuskan pengedar, pembekal dan juga pengusaha makmal-makmal dadah haram, menangkap penagih dadah dan membuat pendakwaan ke atas pesalah-pesalah dadah.

Negara yang bebas daripada ancaman bahaya dadah adalah penting demi menjamin kesejahteraan masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Tuan Yang di-

Pertua, pindaan terhadap Akta 316 ini adalah merupakan satu lagi usaha murni kerajaan untuk terus memerangi aktiviti pengedaran najis dadah. Setelah 30 tahun akta ini berkuat kuasa melalui 6 kali perlanjutan di Dewan yang mulia ini, maka adalah sangat perlu supaya akta ini diperkasakan dengan beberapa penambahbaikan agar ianya terus relevan dalam menangani jenayah dadah di Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kajian terhadap akta ini telah pun dijalankan sejak tahun 2014 lagi. Beberapa siri perbincangan yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Penjara Malaysia, Lembaga Penasihat dan juga Polis Diraja Malaysia telah diadakan bagi memastikan pindaan yang bakal dibuat ini mampu memberikan nilai tambah dalam usaha membasmi gejala dadah di Malaysia.

Selain perbincangan di peringkat dalaman, satu sesi *engagement* bersama dengan badan bukan kerajaan (NGO), dengan izin, pengamal undang-undang, ahli akademik, ahli agama, serta ahli politik juga telah diadakan untuk mendapatkan pandangan dan penglibatan semua pihak berkaitan akta ini. Secara umumnya, semua pihak telah memberikan maklum balas yang sangat positif dan menyokong supaya akta ini terus dilanjutkan, malah juga ada memberikan cadangan supaya akta ini terus dijadikan *permanent law*, dengan izin. Antara elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 1, Akta 316 dengan memotong subseksyen 3, 4 dan 5 bagi Akta 316 ini terus berkuat kuasa tanpa perlu melalui satu resolusi yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen. Ini bermakna akta ini akan terus dijadikan sebagai undang-undang kekal, *permanent law*, dengan izin, tanpa perlu melalui prosedur lanjutan lagi pada masa yang akan datang.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda subseksyen 4(1), Akta 316 untuk membenarkan pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan untuk mengambil keterangan orang yang ditangkap dan ditahan semasa penyiasatan dibuat. Ini memberikan kuasa kepada lebih ramai lagi anggota polis untuk membantu merakam keterangan subjek dan saksi-saksi, yakni tidak terhadap kepada pegawai penyiasat sahaja.

■1150

Dengan cara ini proses siasatan akan menjadi lebih mudah dan kurang tempoh masa yang diperlukan bagi menyiapkan sesebuah kes.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 316 untuk memasukkan subseksyen baru (3A) untuk membenarkan pendakwa raya hadir bersama semasa siasatan dan subseksyen baru (3B) untuk membolehkan Menteri menetapkan melalui peraturan-peraturan elaun untuk dibayar kepada saksi dan juga mana-mana orang yang dikehendaki hadir bagi maksud subseksyen 5(3) Akta 316. Ini secara tidak langsung boleh menggalakkan kehadiran saksi untuk membantu siasatan agar satu keputusan yang adil dan telus dapat dibuat terhadap orang-orang yang ditahan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A dalam Akta 316 untuk menjadikan suatu kesalahan jika mana-mana orang atau saksi yang dikehendaki hadir untuk siasatan gagal hadir, enggan menjawab soalan atau tidak mengemukakan dokumen yang dikehendaki. Hukuman bagi kesalahan tersebut adalah pemenjaraan tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM2,000 atau kedua-duanya. Ini merupakan satu pendekatan yang positif kerana kehadiran saksi adalah sangat penting bagi mengesahkan penglibatan subjek dalam sesuatu kegiatan pengedaran sebelum sesuatu perintah dikenakan terhadapnya.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Akta 316 untuk memasukkan perenggan baru (ha), (hb) dan (hc) dan memasukkan seksyen baru 3A. Perenggan baru (ha) hanya membenarkan orang sekatan menggunakan peralatan dan kemudahan komunikasi yang diluluskan oleh Ketua Polis Negeri atau Wilayah Persekutuan yang baru. Perenggan baru (hb) tidak membenarkan orang sekatan mengakses internet melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perintah sekatan itu. Di bawah perenggan baru (hc), suatu peranti pengawasan elektronik atau *electronic monitoring device* dengan izin, boleh dipasang kepada orang sekatan.

Seksyen baru 3A mengkehendaki polis mengiringi orang-orang sekatan ini sehingga ke tempat sekatan. Limitasi penggunaan alat komunikasi dan internet bertujuan untuk mengelakkan kebarangkalian orang sekatan mewujudkan jaringan komunikasi untuk tujuan yang salah atau terlibat semula dalam kegiatan pengedaran manakala penggunaan EMD dan kewajipan pihak polis untuk mengiringi orang-orang sekatan adalah untuk mengurangkan statistik kes-kes orang sekatan yang tidak melaporkan diri atau melanggar syarat sekatan dan akhirnya;

Fasal 7 bertujuan untuk menjelaskan bahawa resolusi yang telah diluluskan pelanjutannya mulai 15 Jun 2015 untuk tempoh lima tahun tidak terjejas dengan meniadakan kehendak untuk melanjutkan kuasa Akta 316 melalui satu resolusi. Dengan meniadakan kehendak untuk melanjutkan kuat kuasa Akta 316 melalui satu resolusi apabila habis tempoh resolusi itu pada 15 Jun 2020, Akta 316 hendaklah terus berkuat kuasa tanpa perlu apa-apa resolusi di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya pindaan yang dilaksanakan ini adalah bersifat menyeluruh dan melibatkan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan akta ini iaitu KDN, PDRM, pihak subjek mahupun saksi-saksi. Walaupun akta ini merupakan satu bentuk undang-undang pencegahan tetapi KDN sentiasa komited dalam memastikan bahawa hak dan tanggungjawab semua pihak diberikan perhatian yang sewajarnya. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak mengetepikan fahaman politik dan kepentingan diri masing-masing untuk membuat penilaian rasional demi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Kita boleh berbeza pendapat tetapi dalam soal keamanan dan keselamatan negara, jangan ada pertelingkahan sesama kita demi memastikan keamanan yang dikecapi selama ini akan terus terpelihara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya menjemput seseorang untuk memulakan perbahasan, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada kejadian semalam di mana Yang Berhormat Sepang telah jatuh sakit tidak semena-mena yang saya difahamkan ekoran daripada bertikam lidah dengan Menteri yang berkenaan apabila berbahas Rang Undang-undang Akta Syarikat semalam. Jadi tidak syak lagi saya difahamkan bahawa itu adalah ekoran daripada bertegang leher. Jadi saya serius dalam hal ini, hal semalam kita buat sebagai satu iktibar. Saya serius, Yang Berhormat Seputeh kerana sebelum saya menjawat jawatan ini pada 2008, saya tidak ada *hypertension* ataupun sakit jantung tetapi pada 2012, saya menghadapi pembedahan.

Jadi ambil serius hal ini kerana semua kita ini memegang tanggungjawab yang begitu besar apabila berbahas demi untuk kepentingan rakyat. *Do it in moderations*. Jangan sama sekali ikut emosi sehingga kita jatuh sakit dalam menjalankan tugas, tidak baik untuk kita semua. Jadi atas peringatan yang sedemikian, saya menjemput pembahas pertama kalau boleh daripada sebelah kiri, daripada pembangkang. Sila Yang Berhormat Marang.

11.57 pg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin dan hadirat. Dalam perbahasan umum yang dimulakan bagi membahas Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas). Saya ingin menarik perhatian kegagalan yang berlaku dalam undang-undang Barat yang sering kali menjadi rujukan kita adalah kerana undang-undang itu hanyalah mempunyai aspek lahiriah sahaja tanpa wujud aspek spiritual atau rohani dalam undang-undang, yang merangkumi aspek ini ialah undang-undang Islam.

Perlu diketahui bahawa perkara yang berkait dengan pencegahan dadah, hukumannya ada termasuk di dalam undang-undang jenayah. Islam membahagikan undang-undang jenayah itu kepada tiga bahagian. Pertama, qisas. Kedua, hudud dan yang ketiga ta'zir. Qisas dan hudud termasuk dalam undang-undang yang dinaskan dalam Quran dan hadis. Adapun ta'zir terserah kepada budi bicara pihak yang berkenaan dan badan kehakiman untuk mengendalikan urusan ini.

Sudah tentu undang-undang yang berkait dengan dadah ini adalah undang-undang ta'zir. Pendekatan yang perlu diambil ialah pendekatan mendidik bukan menghukum. Menghukum sahaja tanpa mendidik tidak memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat. Undang-undang seperti sekadar bayaran denda khususnya kepada yang terlibat dengan dadah tidak akan mendatangkan kesan yang sebaik-baiknya kerana mereka punya duit, boleh bayar dengan senang begitu juga dengan penjara. Ta'zir yang lebih tepat dalam perundangan Islam ialah hukuman sebat bagi memalukan, bukan menyeksa.

■1200

Sebat yang tidak mencederakan, sebat di khalayak ramai dirasakan oleh penjenayah dan ditakuti oleh bakal penjenayah dan disedari oleh masyarakat. Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan merujuk perkara ini kepada badan-badan yang berkenaan dengan kajian Islam seperti IKIM, JAKIM dan seumpamanya, supaya diberi peluang untuk memberi perisa yang lebih mendalam bagi menggubal undang-undang yang baru, menggantikan undang-undang yang telah gagal. Walaupun undang-undang yang sangat keras terhadap pengedar hukuman mati mandatori sehingga hari ini tidak boleh mengatasi masalah itu. Cadangan saya ialah diizinkan supaya pihak yang berkenaan mengenai Islam membuat kajian, apakah undang-undang yang lebih baik bagi mengatasi masalah ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong.

12.01 tgh.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai fasal 4 subseksyen baru (3B) yang memberikan Menteri menetapkan elaun untuk dibayar kepada saksi dan mana-mana orang yang dikehendaki hadir di bawah subseksyen 5(3) Akta 316. Jadi kalau sebelum ini peruntukan asal menetapkan bahawa tiada elaun yang dibayar kepada mana-mana saksi, kini peruntukan tersebut telah dipinda kepada seorang saksi yang boleh dibayar. Sekiranya di mana saksi tidak menghadirkan diri atau enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Saya kira isu ini timbul kerana dalam beberapa kes sebelum ini saksi penting tidak hadir ke mahkamah semasa sesi perbicaraan dan tidak dapat dikesan di mana dia berada. Ada juga yang memberi alasan tidak cukup wang ringgit bagi menampung kos pengangkutan untuk turun naik mahkamah.

Namun begitu, perkara yang benar-benar mustahak untuk diberi perhatian bukanlah mengenai kos naik turun mahkamah yang akan ditanggung oleh saksi. Akan tetapi ia adalah berkaitan ancaman nyawa dan keselamatan saksi tersebut. Dalam kebanyakan kes saksi tidak mahu hadir ke mahkamah memberi keterangan kerana mereka tidak mahu identiti mereka didedahkan. Mungkin mereka merasakan mengakibatkan nyawa mereka dan juga ahli keluarga mereka terancam. Ancaman-ancaman nyawa seperti wujud berdasarkan fakta kes di mana terdapat saksi penting saat-saat akhir memberi keterangan yang berlawanan dalam kandung saksi. Jadi persoalannya adalah bagaimanakah pihak kementerian cuba mengatasi masalah ini. Selain daripada pindaan untuk membeli elaun kepada saksi yang sanggup tampil memberikan keterangan, adakah pihak berkuasa boleh memberi jaminan perlindungan dan keselamatan kepada saksi-saksi ini berkaitan ancaman nyawa yang dihadapi mereka serta adakah pihak kementerian boleh mempertimbangkan agar setiap kes yang melibatkan kes najis dadah ini, keterangan saksi akan diperolehi secara risikan dan tidak boleh didedahkan demi menjaga keselamatan dan kepentingan saksi tersebut?

Jadinya Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 4,825 jumlah tangkapan telah dibuat oleh pihak berkuasa pada tahun 2015 yang melibatkan warganegara Malaysia. Manakala 499 tangkapan adalah melibatkan warganegara asing yang mana jumlah tertinggi dipegang oleh warganegara Myanmar, kemudian Nigeria dan Indonesia dan seterusnya.

Jadinya sepanjang tahun 2013 hingga tahun 2015, sebanyak 79 tangkapan berkaitan dengan taiko dadah yang telah berjaya ditangkap oleh pihak berkuasa. Daripada jumlah tangkapan yang berjaya dibuat ini, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, berapa ramaikah yang tertuduh yang telah dijatuhkan hukuman mandatori mati? Seterusnya berapakah yang masih dalam proses percabaran? Ketiganya pula berapakah yang berjaya lepas dan dibebaskan atas alasan ketiadaan saksi yang tampil untuk memberi keterangan ataupun keterangan saksi penting yang berakhir dengan memberi keterangan yang berlawanan dan bercanggah dengan perkara asal? Itu antara persoalan yang saya hendak bahas, di antara lainnya saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Ipoh Barat.

12.05 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Berhormat Timbalan Menteri mula memberi pandangan beliau mengenai rang undang-undang yang dicadangkan. Beliau mengatakan bahawa ini adalah untuk menaiki nilai tambah supaya ia *become* lebih efisien dan mengatasi masalah dadah di negara ini. Sebelum saya mengalih kepada beberapa seksyen yang saya ingin bangkitkan tetapi saya hendak membawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini bahawa transaksi dadah di negara ini berleluasa. Itu tidak boleh dinafikan. Akan tetapi kita sudah ada Akta Dadah bukan baru Tuan Yang di-Pertua, *from 1952 effectively*, dan sebelum itu. Akan tetapi apa yang telah dibuat dari segi mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini? Kita ada berbagai-bagai undang-undang di negara ini.

Sebenarnya beberapa seksyen yang dicadangkan, rang undang-undang yang dicadangkan sudah pun sedia ada di beberapa akta yang lain. Akan tetapi pada *bottom linnya* adalah dengan undang-undang yang kita ada, dengan kuat kuasa yang sedia ada, dengan undang-undang yang sangat serius berbanding kepada seluruh dunia, tetapi nampaknya kita tidak dapat mengatasi masalah ini. Adakah masalah itu dalaman dan bukan sebenarnya di luar sahaja? Bila saya cakap dalaman, adakah Yang Berhormat - kita tidak boleh nafi bahawa kerap kali kita baca dalam surat khabar, saya pun sudah dengar dari beberapa orang bahawa dadah sebelum ini senang diperolehi di beberapa institusi kerajaan.

Satu di antaranya adalah di penjara. Selain daripada itu adalah di lokap dan juga pusat serenti banduan-banduan disimpan, ditahan untuk reformasi, tetapi tidak jadi. *Repeat offenders are found to often*. Apa yang menakutkan kita Tuan Yang di-Pertua sekarang adalah di mana ramai di antara anak-anak muda yang dari 12 tahun umur, 13 tahun umur, 14 tahun umur, yang terlibat. *So the more is not the only problem is that enforcement*.

Tuan Yang di-Pertua lebih kurang sepuluh tahun dahulu saya telah pergi ke US untuk meneliti sistem mereka. Saya hairan, saya ada cadangan sebelum ini, *what we got the deaf, deaf system don't hear*. Satu di antara cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah bila proses pendakwaan bermula? *When the DPP Institute Prosecution Matters*. Di situ ada satu unit di mana unit itu dihantar untuk melawat pihak-pihak yang terlibat dalam kes ini, keluarga mereka. Untuk meneliti apakah sebab mereka terlibat, apakah usaha yang boleh dibuat oleh *prosecution action* iaitu kerajaan. Macam mana usaha untuk mengatasi masalah ini?

Ini kerana bukan sahaja kita hendak tengok untuk statistik, "*Oh! Kita telah hantar 100,000 orang ke penjara, kita telah hantar kepada pusat serenti, kita telah masukkan mereka ke lokap.*" *That is not the only statistic that we want. We want prevention.* Di Amerika Syarikat, itu adalah usul yang dibuat. Saya rasa bila saya tengok apa yang dibuat oleh *Prosecutions Department, Deputy Director of Public Prosecutor*. Saya sendiri ada melihat proses macam mana mereka melakukan. Satu di antaranya adalah *well force office this* dihantar untuk berjumpa dengan keluarga untuk mendapat pandangan mereka, kenapa mereka terlibat, macam mana kerajaan boleh syor supaya meneliti untuk mengatasi masalah ini? Saya rasa itu adalah satu di antara kekurangan yang kita ada. Kita mesti bersetuju kepada perkara itu.

Saya hendak membawa satu perkara Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya. Lebih kurang dua tahun dahulu di mana seorang polis *informer*, dia sendiri adalah seorang *drug addict*. Saya tidak tahu, tetapi satu hari bila polis pergi ke rumah dia, dia tidak memberi maklumat yang tidak boleh diterima oleh pihak polis.

■1210

Dia dipukul, dia diheret ke lokap, saya difahamkan selepas dia dimasukkan ke lokap dia terjatuh. Itu adalah alasan yang dibuat oleh pihak polis dan dia sekarang dalam '*paralyze*' di kawasan saya di Bentong di Ipoh dan bila saya bercakap dengan beliau, beliau mengatakan bahawa beliau adalah seorang *informer* kepada pihak polis dan dia dibenarkan untuk menjual dan membeli dadah. Ini adalah dalam pengetahuan pihak-pihak atasan.

Saya faham kalau kes sedemikian, ini berleluasa. *This is not isolated*. Yang menjadi masalah kepada kita adalah transaksi sedemikian. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, jika kita tengok dari seluruh dunia, *the amount this USD320 billion*, itu *drug trade* dan kalau kita tengok setakat ekonomi negara di dunia *that will be 19 largest economy in the world*. Menunjukkan Malaysia *also very direly involved, we cannot deny it*.

Akan tetapi setakat ini, kenapa Yang Berhormat Ipoh Barat boleh kompelin sahaja, apakah cadangan itu yang kita hendak tahu. Akan tetapi itulah saya hendak beritahu bahawa *there is something wrong fundamentally* dalam *enforcement* kita. Saya patuh, saya tahu ramai di antara kawan-kawan saya juga terlibat dalam menjadi penagih dadah. Dahulu pun ada undang-undang, sebelum itu pun ada undang-undang, ada penguat kuasa, sekarang pun ada undang-undang tetapi nampaknya tidak dapat mengatasi masalah yang basis iaitu mereka terlibat bukan sahaja terlibat tetapi menjadi pengedar.

Ini adalah satu di antara perkara yang perlu kita ambil perhatian bahawa *cross border* bukan sahaja dari luar negara *drug* yang datang. *Internal* macam-macam dadah yang boleh didapati di negara ini. Sekarang nampaknya kita kalau kita *microchip electronic device* dan sebagainya. Semua ini canggihlah, semua ini canggih, cantik untuk didengar tetapi *the reality is* perkara ini tidak dapat diatasi. *That is the practicals of it.*

Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh Yang Berhormat beritahu kepada Dewan ini apakah tindakan kawal selia yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menghalusi, mengambil tindakan kepada pihak-pihak dalaman yang dikenali. Kenapa kerap kali perkara-perkara macam ini ditulis di surat khabar, di TV dan di luar negara di mana dikatakan sangat senang untuk mendapat dadah dan sebagainya di negara ini. Di institusi kerajaan, *that is what I'm worried.*

Kita hendak hapuskan di sebelah sana saya setuju tetapi kalau ia berlaku di dalam institusi penjara dan sebagainya, ini sangat memalukan dan tidak boleh dinafikan ini adalah benar. Ini adalah asas yang saya katakan adalah benar yang kita semua tahu. Macam mana perkara ini boleh diambil perhatian. Kerap kali kita ada CCTV, *CCTV is not operation*, tidak berfungsi atau tidak bekerja dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya- satu di antaranya yang kita mula hendak mengatakan bahawa wang akan dibayar elaun-elaun kepada saksi-saksi, *there is nothing unusual.* Yang mustahak adalah kerelaan dan kewajipan yang dijalankan oleh saksi-saksi tersebut. Setakat ini berapakah masalah, apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan supaya membawa saksi-saksi ini yang tidak dapat dibayar atau macam saya kata *informer-informer* itu. Memang ada *informer, we cannot be denied. We have police informers*, perkara sedemikian berlaku.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, bawa rang undang-undang baru iaitu seksyen 5A, dengan izin, "*Offence for failure to attend to give evidence. For the purpose of subsection 5(3), any person or witness summoned or required to attend who without reasonable excuse fails to attend at the time and place mentioned in the summons or who, having attended,...*" yang ini menjadi masalah "*...refuses to answer any question that may lawfully be put to him, or to produce any document or thing...*".

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan baru. Sebenarnya Akta Anti-Corruption Agency pun telah dipinda dan memasukkan perkara yang sama jadi kenapa saya ingin membawa perkara ataupun isu ini. Menunjukkan saya membawa perkara ini kerana saya rasa *the honest we put on the* saksi-saksi. Bukankah kita ada satu *net* di mana kita boleh dapat tahu siapa yang terlibat, siapa yang bukan terlibat. Kita punya *hand phone is intercepted.* Kerap kali kita tahu perkara ini bukan luar biasa yang dibuat oleh kementerian dan bukankah perkara-perkara yang sedia ada. *The present apparentice* adalah cukup.

Oleh kerana kita perlu, kenapa kita perlu satu lagi *honest* kepada pihak yang untuk menjawab. Dari segi *final constitution*, ini sebenarnya bertentangan kerana hak asasi seorang adalah kalau dia ditangkap oleh pihak polis, dia ada hak untuk tidak menjawab. Tidak menjawab tetapi dia boleh menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan di mahkamah. *That is the basic*

human rights. But your department wants this kind of thing to make your life easy. Where is your primary investigation, what is gone wrong?

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bila membawa satu-satu kes ke mahkamah, *it was a water type proof*. Kerap kali *investigation* yang tidak cukup, cacat, yang tidak baik itulah yang menjadi masalah. Kerap kali bila masuk ke mahkamah, dia pihak yang kena tuduh dapat menang kerana *investigation* yang kekurangan. *Investigation* yang tidak mendalam. Kerap kali Tuan Yang di-Pertua, bila saya mendapat beberapa kompelin.

Saya rasa satu di antara faktor yang boleh diambil kira adalah di mana penyiasatan dibuat bila kita dari kawasan kita, pengundi datang untuk berjumpa supaya mengatasi masalah di mana seorang ditangkap, saya dapat tahu kerap kali ditangkap pada waktu malam dan jika ada kes-kes dia terlibat dalam kes dadah, *it makes sense*. Jika dia tidak terlibat kenapa dia perlu pergi ke waktu pukul 2.00 pagi, 3.00 pagi.

Dia adalah seorang guru atau dia seorang profesional, kenapa tidak boleh memanggil dia untuk datang, untuk memberi keterangan. Kenapa perlu pergi ke rumah dia, memalukan beliau, 12, 13, 15 pegawai masuk untuk tangkap dia. Selepas kita pergi ke balai polis untuk mendapat penjelasan, IO enggan berjumpa, kerap kali. *This is not the first time*, kerap kali.

Saya ada kata kepada bila saya kata kepada Ketua Jabatan, *if this happen to your daughter, or your son or your brother could you allow them*. Bila dia tangkap, disimpan di lokap untuk 7 hari atau 14 hari. Penyiasatan dimulakan pada hari ketiga, keempat. *The past two, three days* tidak ada apa-apa dalam lokap. Dia tidak buat apa-apa. Kenapa dia perlu ditangkap, kenapa perlu disimpan? Kalau penyiasatan perlu dibuat, buatlah dari hari pertama dia ditangkap. *That is excursion!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sungai Siput, berdiri?

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya mahu tanya adakah perlu kita tukar *you know*, klasifikasi pengambilan dadah sebagai satu jenayah. Mungkin pengedaran dadah itu kita boleh katakan jenayah tetapi pengambilan dadah kita klasifikasikan sebagai jenayah dan kita buat semua ini. Kita tangkap mereka, kita tahan mereka, dia hilang kerja dia. Ini akan kekal dia sebagai seorang penagih dadah. So, adakah penting kita tukar, *you know*. Jangan- pengambilan dadah katakan satu masalah kesihatan tetapi bukan satu jenayah. Adakah perlu kita buat macam itu?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya setuju kepada pandangan Yang Berhormat Sungai Siput tetapi pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan sama. Dia akan kata kalau mengambil dadah itu untuk kegunaan sendiri itu adalah satu kesalahan dari segi jenayah tetapi ambil alkohol serta mengambil rokok, mengambil *cough drink which is equivalent amount of dangers*, itu tidak salah. *Correct, that is because* itu ada *strong supporters and bidders*. *That is the factor that pull and factor*. Itu adalah faktor yang bagus.

Akan tetapi ada banyak negara di mana baru-baru ini saya rasa di Eropah, di mana telah *dilegalize drugs and all that*. Itu adalah beberapa kebaikan Yang Berhormat. Satu di antaranya

adalah dia akan menjadi kawal selia. Nombor satu, *there will be control on the drugs which is being distributed*. Kerajaan tahu siapa yang mengambil tersebut bukan menjadi pengedar.

■1220

Pengedar saya setuju, *I agree 100%* tindakan perlu diambil terhadap mereka dan sebagainya. Saya rasa *hardcore drug addicts* yang tidak dapat mengatasi masalah mereka. Macam *alcoholic, alcohol consumption, very high alcohol consumption* atau menghisap rokok dan sebagainya. *These are people we should care for them rather than send them to rehabilitation as I said earlier* Tuan Yang di-Pertua. *Repeat offenders are far too often too high*. Sebenarnya ramai di antara mereka masuk keluar, masuk keluar. *That's the daily* perkara.

Satu antara masalah yang kita boleh atasi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput adalah kita boleh buat satu fikiran yang baru, ambil tindakan yang baru supaya penagih dadah diberi satu *chance* yang baru. Jangan kita menghantar mereka ke pusat serenti dan menahan mereka semata-mata sedemikian kerana menghadapi masalah buang kerja dan sebagainya. Akan tetapi satu di antaranya pendapatan yang boleh kita dapat, *legally taxable amount*. Kalau kita tengok *the balance facctor* terjadi di negara-negara Eropah. Nampaknya ada lebih kebaikan daripada keburukan. Itu adalah satu perkara yang boleh kita berfikir. Jangan kita menyusahkan pihak-pihak seperti penagih dadah...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *Excuse*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin menambah beberapa perkara yang disebut tadi. Pertamanya saya merasakan bahawa undang-undang dadah kita sekarang tidak sensitif dari segi membezakan antara jenis-jenis dadah. Misalannya *heroine* dan ganja tidak sama walaupun kita sekarang membezakan beratnya, kandungan. Namun itu sangat berbeza. Orang yang menagih ganja, menagih candu misalannya candunya tidak mengalami masalah tidak dapat bekerja, jenayah dan lain-lain lagi, biasanya begitu dalam menyalahgunakan dalam amaun yang sedikit candu dan lain lagi, itu pernah berlaku dan memang ada berlaku dalam masyarakat.

Nombor duanya, kita juga telah menggunakan pendekatan yang sama dalam apa yang dipanggil sebagai *drug substitution*. Maksudnya ialah kita memberikan satu ubat yang sebenarnya dadah yang potensinya ataupun bahayanya kurang lagi kita berikan dan kita anggap penagih tadi bila dia ambil itu, dia tidak mengambil dadah yang lebih berat dan kita anggap itu berjaya. Jadi mengapa tidak boleh kita membuat undang-undang di mana kita memasukkan *drug substitution* tadi dengan bahan-bahan semula jadi sebagai sebahagian daripada juga budaya dan rawatan. Kita kawal. Saya rasa itu lebih baik. Sekarang *drug substitution* dengan *methadone* dijual dengan lebih tinggi dan juga tidak menyelesaikan masalah. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya setuju 100% dengan Yang Berhormat Kuala Kedah kerana *drug substitution* akan nombor satu, mengawal penggunaan dadah merebak di negara ini. Nombor dua, jika ia digunakan dengan *legal*, kita dapat tahu siapa yang menggunakan siapa yang tidak menggunakan dan juga menjadi satu proses *for medical benefits* dan sebagainya.

Drug substitution sebenarnya Yang Berhormat Kuala Kedah sudah ada perkara sedemikian. Ramai di antara mereka menggunakan ubat-ubat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat. *Cough mixture it's a very commons thing*, kita semua tahu. Ramai orang menggunakan *cough mixture* sebagai *efficient substitute* untuk mengatasi masalah. Akan tetapi kalau kita tengok Yang Berhormat, semua rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah *old school of talk, the regimental type*, mengambil tindakan *you don't do this, don't do this*, semua ini. Mahu lawan mereka, mahu taruk mereka, simpan mereka dalam penjara....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya dengar tadi sewaktu Yang Berhormat Menteri membentangkan, dia tidak kasi penekanan begitu. Sila. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *We very interested to see the number of statistics*, tetapi kita tidak mahu mengakui bahawa *repeat offenders*. Saya khuatir Tuan Yang di-Pertua apabila kita membangkitkan perkara ini, kenapa kerap kali masukkan mereka ke serenti atau ditangkap oleh polis. Selepas enam bulan dia balik ke rumah, baik selama enam bulan, selepas itu dia balik pada perkara tersebut. Ini adalah sebab undang-undang ini yang nampaknya pada *on the face of it very bit less* tetapi *these are the yesterdays' lost*. Undang-undang yang luput yang tidak boleh diguna pakai untuk masa sekarang. Saya setuju hanya *electronic monitoring device*. Itu untuk *tomorrow*, saya setuju tetapi selain daripada itu *everything is outdated*. *Don't use the hard way to overcome these drug addicts* kerana saya rasa dari pengetahuan saya dan orang ramai bahawa kita perlu cari jalan untuk bersama dengan mereka untuk menukar fikiran mereka. Kalau kita boleh mengatasi masalah orang yang minum arak, menghisap rokok terlampau dan sebagainya, kenapa satu cara untuk mengatasi penggunaan dadah tidak dapat di atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tanya dari *drug trade* di negara ini, berapakah yang dikenal pasti sebagai *the actual amount of drug trade* yang terlibat di negara ini. Ini kerana dari surat khabar dan lain-lain bahan bacaan yang saya baca, saya baca lebih kurang RM50 bilion sekurang-kurangnya di mana ini adalah *trade* di sini. Kalau *the amount* orang yang terlibat dalam perkara sedemikian. *We know the kingpins* yang sebenarnya berada di rumah, duduk di rumah-rumah mewah, menggunakan kereta-kereta yang mewah tetapi nampaknya tidak ada tindakan terhadap mereka. Dengan mengadakan undang-undang ini, *nothing much will happen*. *Let's be frank*. *All these are just eye wash* untuk mengetatkan undang-undang *per say by itself will not*. *It is the other factors that will involve*. *The kingpins with or without these* dia akan bermaharajalela, *the king of the kings for far too long*, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya hendak tahu apakah yang dihalusi oleh kerajaan, apakah yang telah dikenal pasti oleh kerajaan dengan kalau kita meluluskan rang undang-undang ini. Adakah tindakan untuk menghapuskan mereka akan berlaku? Adakah mereka akan diheret ke mahkamah? Jika tidak, dengan meluluskan undang-undang ini tidak akan membawa apa-apa erti, *the practical sense*. Untuk menolong pihak-pihak yang berkenaan, bukan sahaja satu fikiran transformasi berlaku dengan rang undang-undang yang dicadangkan, tetapi juga pegawai-pegawai kakitangan-kakitangan kerajaan di *trained sufficiently* untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya hendak habiskan terima kasih, *nandri vanakam*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Selangor.

12.28 tgh.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih ke atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang bagi Akta Dadah Bahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Di sini saya ingin menyatakan sokongan penuh saya bagi pihak kerajaan untuk meminda fasal-fasal yang dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara sejak tahun 1983 lagi. Lima akta telah digubal sejak tahun 1952 bagi tujuan mencegah pengedaran, penagihan dadah dan usaha-usaha pemulihan penagih dadah seperti Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988 dan Akta Racun 1952.

Kini Tuan Yang di-Pertua, setelah 33 tahun berlalu gejala ini masih belum dapat dibendung sepenuhnya. Malah ia semakin serius. Pada 20 Mac 2016 yang lalu, saya ada terbaca yang mana Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Narkotik Daerah Kuching telah merampas dadah bernilai kira-kira RM1.4 juta.

■ **1230**

Rampasan tersebut melibatkan pil ekstasi yang mana sebanyak 18,806 biji, seberat 5.284 kilogram dan ketulan syabu seberat 1.028 kilogram yang dianggarkan bernilai RM1.420 juta. Tambahan lagi PDRM telah menyatakan dalam tempoh cuma tiga tahun, dari tahun 2011 hingga Julai 2013, wang tunai dan pelbagai aset pengedar dadah telah berjaya dirampas oleh Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) PDRM dengan nilai keseluruhan lebih RM2,015 juta Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat tentang perkara ini, saya juga ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang mana penyalahgunaan dadah ini merangkumi bukan hanya jenis dadah bukan sintetik yang mana bukan sintetik ini terdiri seperti *heroin, morfin*, candu dan ganja dan jenis sintetik seperti syabu, pil yaba, ketamin dan juga pil erimin-5 atau dengan izin, erimin-5. Dadah sintetik ini sangat popular disebabkan kesan perangsang yang berlebihan dan kesan ini dan *stimulant* yang sangat digemari untuk berhibur di pusat-pusat hiburan, parti liar ataupun parti separuh liar dan parti tertutup.

Penyalahgunaan dadah ini semakin meruncing kerana apabila saya melihat kajian yang saya baca, ianya melibatkan seluruh lapisan masyarakat seperti nelayan, pemandu bas, GRO dan juga penuntut. Ini kajian daripada AADK yang mana statistik daripada AADK menyatakan daripada Januari hingga Ogos 2014, terdapat seramai 13,514 penagih dadah dan bermula

Januari hingga Ogos 2015, jumlah penagih dadah meningkat di seluruh negara kepada 15,322 orang, Tuan Yang di-Pertua. Lebih membimbangkan, sindiket penyedaran dadah kini lebih ke hadapan, *more advance*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua untuk mengelirukan pihak berkuasa terutamanya di negara kita, dengan memasukkan dadah di dalam bekas minuman berperisa.

Dadah yang dicampur dalam botol minuman ini akan dijual semula dengan harga saya difahamkan RM300 hingga RM600 di kelab-kelab malam dan pusat-pusat hiburan. Dengan keuntungan lumayan yang mereka mampu perolehi tidak mustahil pengedar dadah dan juga penyeludup dadah di Malaysia akan terus bergiat aktif dan akan menggunakan pelbagai teknik yang lebih kreatif untuk menjalankan perniagaan mereka dan ini membimbangkan terutama sekali kepada generasi muda yang ada di negara kita.

Hakikatnya di Malaysia, sudah terdapat banyak sindiket pengedaran dadah dengan pelbagai modus operandi yang digunakan. Sindiket tempatan misalnya sebagai contoh, mempunyai jaringan dengan sindiket dari Myanmar, Laos dan Thailand. Dengan kemudahan internet dan telefon bimbit, mereka boleh mengambil kesempatan di ruang yang mengalami kelonggaran kawalan dan menggerakkan logistik ini tanpa disedari dan juga dikenali oleh pihak-pihak berkuasa tempatan terutamanya. Pada masa yang sama, Pejabat Jenayah dan Dadah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNADC) difahamkan menganggarkan kadar transaksi kumpulan jenayah dirantau terbabit kira-kira ataupun USD870 bilion bersamaan RM3.6 trilion dan perniagaan dadah sahaja meraih keuntungan sebanyak USD600 bilion atau RM2.48 trilion setiap tahun dan kira-kira lima peratus daripada GDP dunia.

Kita juga terdedah dengan sindiket warganegara Iran yang memproses dadah jenis syabu di kawasan elit terutamanya di negara kita. Mereka saya difahamkan telah dapat dikesan oleh pihak berkuasa iaitu PDRM berdasarkan gaya hidup mereka yang mewah. Sepanjang tahun 2010 hingga 2015, pihak PDRM telah berjaya memberkas 347 orang pengedar di negara Malaysia. Begitu juga dengan sindiket warganegara Nigeria yang juga difahamkan sindiket yang paling aktif di peringkat global. Saya difahamkan sepanjang tahun 2010 hingga 2015, seramai 398 orang pengedar yang telah ditangkap. Saya juga difahamkan kaedah modus operandi mereka menggunakan penyeludupan warganegara Nigeria ini adalah dengan menggunakan perkhidmatan kurier udara, darat dan laut dan sindiket ini juga merekrut pula warga Malaysia dan warganegara asing sebagai, dengan izin, keldai dadah.

Di samping itu juga saya difahamkan penemuan kurma *heroin* sebagai cara penyembunyian dadah yang diproses menunjukkan sindiket ini kreatif dan sentiasa mencari ruang untuk mengedar dadah di dalam Malaysia. Aktiviti memproses dadah dalam makmal-makmal haram ini jelas membuktikan sindiket pengedaran dadah ini mempunyai kepakaran untuk menghasilkan dadah. Ini yang sangat membimbangkan terutama sekali saya selaku Ahli Parlimen. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya juga melihat kedudukan Malaysia yang strategik, yang berhampiran dengan *Golden Triangle* dan keadaan perbatasan darat, laut, panjang dan luas telah membuka ruang kepada sindiket-sindiket ini untuk menjalankan kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di negara ini melalui jalan tikus di sempadan negara.

Dengan yang demikian saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, apakah usaha untuk meningkatkan kawalan sempadan. Misalnya dengan menaik tarafkan sistem teknologi yang dapat mengesan perbuatan keji penyeludupan najis dadah ini. Di samping itu juga, apakah kaedah usaha sama di antara agensi-agensi yang berkaitan terutama sekali bagi membendung dari pintu kawalan khususnya perbatasan kita mudah diceroboh dengan menggunakan jalan-jalan tikus kerana ini amat membimbangkan? Saya ingin mencadangkan juga supaya kerajaan mempertingkatkan lagi, saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, bila saya membaca laporan media yang ada, saya difahamkan pihak KDN ingin mempertingkatkan sistem mereka sama ada dengan menggunakan - saya difahamkan skim dan sebagainya, saya hendak harapkan dapat disegerakan supaya kita tidak mahu Malaysia dipersepsikan sebagai pusat transit dadah di rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedia maklum bahawa Malaysia mempunyai undang-undang dadah yang ketat iaitu hukuman mati mandatori terhadap pengedar dadah jika disabit kesalahan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 39(b), Akta Dadah Berbahaya. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita termasuk warganegara asing masih mengambil risiko dalam kegiatan penyeludupan yang saya anggap lumayan ketika ini. Akta Dadah Berbahaya iaitu Langkah-langkah Pencegahan Khas ini. Rang undang-undang ini merupakan satu akta dan kaedah bagi membuat peruntukan mengenai tahanan pencegahan terhadap seseorang yang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubung atau yang melibatkan pengedaran najis dadah yang berbahaya.

Semenjak undang-undang ini dikuatkuasakan, mulai Jun 1985 hingga Februari 2015, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan sejumlah 30,672 perintah di mana 19,347 daripadanya adalah perintah tahanan mengikut akta ini manakala 11,325 lagi adalah perintah sekatan.

■1240

Masing-masing di bawah seksyen 6(1) dan seksyen 6(3), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Mereka yang dikenakan perintah tahanan akan ditempatkan di salah sebuah daripada empat pusat tahanan yang telah ditetapkan iaitu Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah dan Pusat Pemulihan Akhlak Machang.

Penentuan tempat tahanan bagi seseorang itu pula ditentukan berdasarkan kepada fakta seperti tempat asal, subjek, keluarga, kawasan, kegiatan, jantina, tahap kesihatan, dan juga umur. Saya difahamkan melalui akta ini juga sehingga 12 Mac 2015, terdapat seramai 1,280 orang tahanan telah ditempatkan di pusat-pusat tahanan yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun akta ini telah berkuat kuasa sejak Jun 1985 dan tindakan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya sangat ragulah Yang Berhormat. Walaupun kita ada mega tempat tahanan, sebenarnya tempat tahanan ini patut ada orang-orang lain tetapi penagih-penagih dadah yang sedia ada *to repeat offenders also obvious* yang masuk dalam keluar. Jadi, macam mana Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya bahawa kita kurang untuk meneliti masalah yang *the basic problem* yang dihadapi oleh mereka dan mencari jalan untuk mengatasi *repeat offenders* ini? Ini kerana kita banyak rel, juta-juta dibayar untuk menyimpan mereka *like keeping them in the guest house to come back and commit crime again*.

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat di atas kerisauan yang turut sama. Saya bersetuju dengan pandangan beliau. Ini kerana kalau dilihat tentang *repeat offenders* ini ia ada pelbagai faktor. Kita tidak boleh salahkan apa yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri terutamanya atau pun kementerian yang berkaitan. Ini kerana *repeat offenders* ini saya fikir pelbagai faktor menyebabkan mereka terlibat kembali dalam penyalahgunaan dadah. Cuma, yang paling penting usaha secara *emboss* ataupun melibatkan semua agensi harus sentiasa digerakkan.

Ini kerana pada hemat saya soal pendidikan ini juga adalah sangat penting sama ada yang melibatkan pendidikan formal ataupun pendidikan tidak formal. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk sedikit walaupun akta ini telah berkuat kuasa sejak Jun 1985 dan tindakan telah pun diambil mengikut peruntukan-peruntukan di dalamnya, namun sebagaimana yang saya ingin nyatakan bilangan kes yang diterima tetap membimbangkan. Kegiatan pengedaran dadah masih wujud dan dipercayai akan berterusan lagi bertepatan permintaan dari kalangan penagih serta bekalan dan juga pengedar dadah.

Sungguhpun anggota bawahan tersebut telah berjaya di tahan dan syabas saya ucapkan kepada tindakan PDRM, namun ketua sindiket pengedaran dadah atau lebih dikenali sebagai *kingpin*. *King of top king* atau pun *kingpin* masih bebas. Ini adalah kerana sukar bagi pihak penguatkuasaan untuk menangkap ketua-ketua sindiket atau *kingpin* dengan bukti pemilikan dadah kerana ini agak menyukarkan. Ini kerana mereka tidak ada bukti pemilikan dadah secara fizikal. Tanpa pemilikan dadah secara fizikal oleh pengedar ini menyebabkan mereka tidak dapat dibawa ke mahkamah.

Ini yang perlu kita kuarir Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa penagih-penagih teruk mengalami ketagihan dek kerana najis dadah, para *kingpin* bersenang-senang lenang dan sentiasa mencari jalan untuk mengedar dadah. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan terutama sekali KDN. Apa puncanya *kingpin* ini boleh berleluasa, bermaharajalela terutama sekali di negara kita? Mungkin ada faktor-faktor tertentu yang boleh diterangkan, dijelaskan oleh pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya mengikuti perbahasan ini dengan teliti dan tertarik dengan beberapa perkara yang disebut. Yang Berhormat Ipoh Barat cakap pun ada betul.

Cuma, dalam memahami ini Yang Berhormat Kuala Selangor, kita ada masalah *supply* dan *demand* dan kita ada masalah *enforcement*, dengan izin, untuk memastikan mereka - *offenders* ini akan dibuat. Inilah salah satu bahas yang kita buat hari ini. Akan tetapi masalah ini Tuan Yang di-Pertua satu masalah yang amat besar dan ancaman ini bukan ancaman yang bukan sahaja di peringkat negara kita dan *kingpin* sebagaimana yang disebutkan tadi dia berada *above the law*. Mereka ini berada bukan sahaja di peringkat nasional tetapi berada di peringkat *regional* dan *international*.

Saya difahamkan gejala najis dadah ini di kawasan Asia Tenggara ini mencecah USD20 bilion setahun. Maksudnya, itu satu perkara *demand* atau pun satu industri yang besar yang perlu ditangani secara komprehensif. Bukan sahaja peringkat Malaysia, undang-undangnya juga mesti melintasi sempadan kerana kalau dia lari di Malaysia, dia pergi tempat Thailand. Ini melibatkan *supply* juga.

Kita lihat Yang Berhormat Kuala Selangor contohnya dahulu dia penguat kuasa Myanmar, dia *wet out* penanam dadah di *Golden Triangle*. Mereka lari dari *Myanmar*, masuk ke Laos. Jadi ini satu masalah bila Laos pula bertambah, maka *supplying* tetap ada. Di samping itu, kita kena *confine* kepada masalah yang *enhance*. Contohnya CCLC kita buat pemulihan dalam negara melibatkan dadah tadi, di Malaysia dan kita kena spesifik tentang dadah. Kalau alkoholkah, sosial mediakah, fitnah, itu satu isu yang lain. Ia seiring tetapi kita kena *enhance* melihat kepada masalah yang ada iaitu kerangka kerja, undang-undang dalam penguatkuasaan dadah ini, *enforcement*. Oleh sebab itu saya rasa kita spesifik tentang permasalahan tentang dadah dan yang pastinya masalah ini tidak hanya terbatas dalam negara kita. Ia juga di luar negara.

Perkara yang kedua saya hendak sebut di sini Yang Berhormat Kuala Selangor, tentang definisi dadah itu sendiri. Hari ini kita ada dadah sintetik yang mana *homologation* atau *mutation of definition* oleh dadah itu sendiri. Malaysia satu ketika dahulu tempat transit sudah jadi tempat *production* dan banyak elemen-elemen pengeluaran dadah ini boleh di *download* dari internet contohnya. Perkara-perkara yang *basic, cooking and sale*, dengan izin, atau perkara-perkara yang dahulu tidak dalam kawalan boleh juga dijadikan sebagai sumber ataupun perkara asas untuk ia sudah jadi. Di samping penguat kuasa ini kena melihat juga perkara-perkara tentang definisi dadah ini sendiri. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih.

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi atas pandangan dan juga hujah yang telah beliau nyatakan. Saya cuma tertarik tentang dari segi elemen *kingpin*. Ini kerana saya akui bila saya melihat statistik tangkapan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri, ianya sungguh membimbangkan kerana kita tidak mahu nanti

persepsi negara antarabangsa melihat kepada negara Malaysia sebagai pusat tumbuhnya ramai *kingpin*.

Jadi, sudah tentunya saya rasa penting bagaimana pihak KDN boleh menggunakan pelbagai saluran sama ada melibatkan Kementerian Pendidikan Tinggi dan sebagainya tentang pembelian visa-visa pelajar, sebagai contoh. Ini kerana kita tidak mahu nanti pelajar-pelajar yang datang dari luar negara menggunakan visa pelajar tetapi bila dia masuk ke negara kita mereka menjadi *kingpin*. Ini yang bahaya.

Saya terkejut baru-baru ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua. Saya terbaca dalam *you tube* ada seorang *kingpin* ini dia sambut hari jadi, duitnya ditabur-taburkan di kepala. Khuatir nanti bila mereka ini pula akan menunjukkan contoh tidak baik kepada pelajar-pelajar khususnya yang berada di negara kita. Jadi, saya fikir penting kali ini. Kita kena serius terutama sekali visa-visa pelajar antarabangsa yang belajar di negara kita. Pihak Kementerian Pendidikan dan juga pihak KDN mereka kena ada perkongsian maklumat yang bersama supaya tidak mahu nanti *kingpin* ini bertambah di negara kita.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [Bangun]

Dato' Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor. Tadi, kita telah tahu yang ada bahawa ramai daripada orang yang menggunakan visa pelajar atau pun visa sosial, *visit pass* apa, dan mereka kemudian menggunakannya sebagai peluang untuk membuat perniagaan dadah di negara kita.

Setujukah tidak Yang Berhormat Kuala Selangor sekiranya kita memperketatkan undang-undang peraturan kemasukan ke negara kita dan *characters* ataupun mereka yang kita syaki. Kita merasakan mungkin kita sudah bekerjasama dengan Interpol dan sebagainya, melihat pergerakan mereka di seluruh dunia supaya mereka ini tidak dibenarkan masuk langsung. Kita tidak perlu segan silu kepada masyarakat antarabangsa yang kita menghalang orang luar daripada masuk kerana kita hendak menjaga sedikit kemasukan hasil daripada pelancongan, maka kita membuat seluas-luasnya pintu kepada orang luar untuk masuk dan membuat apa mereka suka. Terima kasih.

■1250

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja, saya...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Kuala Selangor, sikit sahaja, sikit sahaja. Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih. Saya pun tertarik bila Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Kota Raja menyebut tentang *kingpin* ini. saya hendak sarankan kepada Yang Berhormat Kuala Selangor, boleh tak selain daripada kita tak benarkan pasukan-pasukan ataupun *kingpin-kingpin* ini masuk

ke dalam negara kita, kita minta pihak KDN pun kena semak juga di kalangan pegawai-pegawai mereka adakah terlibat sama dengan kumpulan-kumpulan ini sebab mereka ini takkan terlepas macam itu sahaja.

Kalau mereka boleh masuk ke dalam negara suka-suka, menggunakan visa pelajar dan sebagainya, mesti ada satu sindiket yang membantu mereka ini. Setuju atau tidak Yang Berhormat Kuala Selangor kalau kita minta supaya kerajaan juga membuat semakan tentang perkara-perkara terutamanya hal berkaitan dengan imigresen dan sebagainya? Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon agar kedua-dua Yang Berhormat Kota Raja dan juga Yang Berhormat Sekijang, apa yang mereka soalkan tadi dapat dijawab oleh pihak kementerian. Cuma saya hendak menyatakan di sini, saya akui bila menyebut tentang sindiket, saya akui mengenai tentang visa pelajar. Kalau dahulu mungkin visa pelajar ini dilakukan secara manual.

Cuma pada pandangan saya kalau kita ambil perumpamaan dengan negara-negara maju yang lain, pelbagai sistem yang telah diperkenalkan dan begitu juga dalam konteks Malaysia, kita alhamdulillah ucapkan tahniah kepada KDN, kita berjaya meningkatkan *our tier three* ke *tier two* khususnya dalam elemen anti pemerdagangan orang. Akan tetapi dalam konteks yang jauh lebih lagi dari segi visa pelajar dan juga yang dikaitkan dengan *kingpin* dan sebagainya, apakah kaedah yang boleh diperkenalkan terutama sekali dalam konteks perkongsian maklumat? Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Raja tadi supaya akhirnya nanti sebelum mereka masuk ke negara kita, kita sudah boleh menyekat mereka masuk.

Sebelum mereka hendak belajar dalam negara kita, kita sudah boleh *check background* sebagaimana negara-negara maju yang lain boleh lakukan. Saya fikir, Malaysia juga kena mengambil tindakan tersebut kerana bagi kita, kita tidak mahu Malaysia dikaitkan dengan pusat transit sama ada *kingpin* atau pun menggunakan visa pelajar dan sebagainya sehingga menjejaskan imej negara kita.

Jadi saya fikir ini penting kerana saya lihat apakah kaedah perkongsian maklumat, saya difahamkan juga ada baru-baru ini bila saya terbaca tentang hendak wujudkan *advance passenger system* sebelum seseorang hendak datang ke negara kita menggunakan *airport* sekiranya wujud masalah-masalah ataupun terlibat dengan elemen golongan-golongan yang dikaitkan dengan gengsterisme dan sebagainya tak dibenarkan masuk, jadi saya fikir penting boleh diperluaskan dengan perkongsian maklumat dengan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam negara kita.

Jika tidak Tuan Yang di-Pertua, saya kluatir di kala kita hendak wujudkan Malaysia sebagai hab pendidikan dunia dan serantau, di kala itulah ramai pula *kingpin* yang ditangkap di dalam negara kita. Pening nanti KDN, pening nanti PDRM dan lebih-lebih lagi yang lebih membimbangkan Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat memproses dadah Tuan Yang di-Pertua, dia tak buat di kampung-kampung, Tuan Yang di-Pertua. Dia buat di mana, Tuan Yang di-Pertua? Dia buat saya difahamkan di Mont Kiara, Tuan Yang di-Pertua.

Bukan saya hendak kaitkan tempat tersebut tetapi saya terbaca. Begitu juga di kawasan-kawasan rumah mewah dan saya khuatir nanti pelajar-pelajar Malaysia, rakyat Malaysia pula direkrut untuk mewujudkan dan memproses dadah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil sedikit lagi tentang pindaan, Tuan Yang di-Pertua mengenai pindaan fasal 4 dalam rang undang-undang ini, saya lihat sebagai satu mekanisme yang baik kerana fasal ini membenarkan, pindaan ini membenarkan pendakwa raya hadir semasa siasatan dan pindaan untuk membolehkan menteri menetapkan elaun yang dibayar kepada saksi dan membantu para saksi untuk berani tampil ke mahkamah untuk memberikan keterangan.

Selain daripada itu, cadangan ini juga boleh membantu saksi dalam mengurangkan bebanan kos untuk hadir memberi keterangan. Pemberian elaun ini juga akan menjadikan saksi lebih rasa dihargai dan ini akan memberikan, menaikkan semangat para saksi untuk hadir memberi keterangan. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, sebagai galakan kepada saksi untuk memberikan keterangan. Kalau tidak, bila PDRM melakukan operasi, saksi tak muncul di mahkamah. Buang kes Tuan Yang di-Pertua, ini yang membimbangkan. Di samping itu juga Tuan Yang di-Pertua, pindaan 4 juga membenarkan sarjan menjalankan siasatan ini adalah relevan kerana sarjan ini juga memiliki kelayakan akademik yang tinggi.

Justeru itu, pindaan ini juga akan melancarkan dan boleh mempercepatkan lagi proses penyiasatan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dadah dan penyalahgunaannya telah menjadi punca utama jenayah dan membawa penyakit sosial yang lain. Jika kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani masalah ini, kita tidak dapat mengatasi pelbagai jenayah dan masalah sosial yang wujud hari ini.

Pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan agar kita harus berusaha untuk menghapuskan permintaan dadah ini sama ada melalui aktiviti kaunseling dan juga program pencegahan yang memberi fokus kepada keluarga, sekolah dan tempat kerja. Tidak kurang pentingnya untuk memperkukuhkan program pemulihan dan memberikan peluang pekerjaan kepada bekas penagih dadah.

Saya juga ucapkan tahniah kepada pihak KDN kerana mewujudkan usaha sama samudera lautan biru dengan pihak Kementerian Pertahanan terutama sekali bagi penagih-penagih yang mungkin hendak berubah daripada masa gelapnya kepada masa mereka terangnya dengan mewujudkan usaha sama bersama bagi menaikkan lagi jati diri mereka. Saya lihat ini satu kaedah yang sangat baik supaya dapat diteruskan juga untuk diperluaskan bagi kita mengurangkan, menggunakan kos-kos atau pun bajet negara dalam menambahkan lagi pusat-pusat pemulihan ini. Jadi ini penting, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini membuktikan keprihatinan dan komitmen kerajaan dalam memerangi pengedaran dadah.

Akhir kata, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ini adalah mekanisme yang terbaik dari segi *procedural* dan juga dari segi *substantivesnya* dalam mengatasi masalah pengedaran dadah di negara kita. Sekian, Yang Berhormat Kuala Selangor menyokong. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat PJ Selatan.

12.56 tgh.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015.

Sebelum saya ingin menyentuh lebih panjang mengenai rang undang-undang ini, izinkan saya berikan satu statistik yang saya dapat kumpulkan bagi manfaat Dewan ini. Daripada statistik yang diterima daripada menteri dalam Negeri di Dewan Rakyat bertarikh September 2009. Pada tahun 2009, sejumlah 17,479 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya. Jumlah yang diberikan adalah amat besar.

Undang-undang yang kita sedia ada tidak dapat menakutkan orang ramai dalam penyalahgunaan najis dadah ini. Itu tahun 2009. Apakah statistik terkini? Jumlah bilangan yang telah diambil tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya ini? Berapakah bilangan yang dipenjarakan dan berapakah telah dikenakan hukuman gantung sampai mati? Sebenarnya cara menetapkan sebuah undang-undang ini bukanlah cara untuk kita hanya setakat menghalang orang ramai daripada berhenti mengambil dadah tetapi apa yang kita lemah ialah dari segi kesedaran dan juga penguatkuasaan.

Saya ingin penjelasan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri mengenai kes yang didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya ini. Sejak ia pertama kali digubal, sehingga ke saat ini, kemudian kita lihat penambahan setiap tahun jumlah yang dikenakan hukuman. Saya ingin menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sesungguhnya penguatkuasaan undang-undang ini tidak berjaya menakutkan penggunaan dadah dalam memperdayakan lebih ramai orang lagi. Terdapat sumber-sumber yang memaklumkan kepada saya bahawa stok najis dadah boleh senang dibeli daripada warden-warden penjara dan juga di pusat pemulihan.

Saya juga ingin bertanya pihak kementerian, peratusan jumlah yang dihantar ke pusat pemulihan yang kembali menagih dan kemudian kembali ke pusat pemulihan semula. Ini bermakna pusat-pusat pemulihan ini tidak berkesan. Adakah pihak kementerian menyedari hal ini dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengulangi mereka untuk kembali menagih dan dirawat semula?

Apakah hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas mereka yang mengedar dan membekalkan dadah kepada mereka yang sedang menjalani pemulihan? Boleh saya mendapat bilangan kes yang melibatkan pegawai-pegawai penjara dan juga staf-staf pusat pemulihan atau pihak penguat kuasa terutama polis yang membekalkan dadah kepada banduan-banduan mereka yang sedang dalam pemulihan?

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai seorang banduan bernama Shahrul Izani Suparman, berusia 19 tahun. Beliau sedang menunggu hukuman mati mandatori atas kesalahan mengedar dadah yang dilakukan pada tahun Disember 2009. Bagi seorang pesalah yang baru berusia 19 tahun dan masih belum merasakan kehidupan

secara *independent*, kini meringkuk di dalam penjara dan saban hari memikirkan nyawanya setiap hari yang berhadapan dengan tali gantung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung bahas..

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan untuk menyambung perbahasan.

2.32 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia merupakan antara 58 buah negara yang masih mengamalkan hukuman mati mandatori dan mengaitkan kesalahan dadah ke tali gantung. Dengan statistik yang saya nyatakan tadi, hukuman mati mandatori bagi kesalahan dadah tidak menyelesaikan masalah dadah di negara ini. Apa yang kita perlu tekankan di sini ialah bukannya meminda sesebuah perenggan dalam akta ini yang tidak banyak memberi kesan kepada manusia tetapi menghapuskan hukuman mati dalam akta ini dan fokus kepada kesedaran awam terhadap penyalahgunaan dadah.

Selain itu, sebagai anggota kepada Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu, kita haruslah mematuhi kehendak-kehendak yang telah diusulkan di dalam setiap konvensyen yang dipersetujui. Pada 18 Disember 2007 semasa Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, konvensyen tersebut telah menguatkuasakan resolusi 62/149 mengenai moratorium terhadap hukuman mati di mana-mana negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman yang membawa kepada hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap semua hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali.

Justeru, saya menggesa pihak kementerian mengusulkan pindaan bagi Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 2015 ini dalam memansuhkan hukuman mati mandatori yang terkandung di dalam akta ini. Nyata, selepas dikenakan hukuman mati, kes masalah dadah semakin meningkat. Dia tidak mengurang tetapi masih meningkat. Mengapa kita masih hendak mengamalkan hukuman mati. Tidak dapat menyelesaikan masalah.

Akhir sekali saya ingin merujuk kepada kes di kawasan saya di Petaling Jaya Old Town, PJ Old Town, bandar lama Petaling Jaya. Di Pasar Besar Jalan Othman, Seksyen 4 Petaling Jaya, kawasan ini merupakan kawasan di mana sekumpulan pengedar dadah setiap malam berkumpul di dalam pasar ini dan melakukan kerja-kerja menghisap dadah. Walaupun banyak kes aduan telah dibuat, polis datang pun membuat tangkapan tetapi selepas itu mereka datang balik untuk melakukan perkara yang sama. Saya mendapati di mana penguatkuasaan polis begitu lemah. Tangkap mereka dan esok lepaskan. Polis pun tidak boleh buat apa-apa.

Apa yang menyedihkan lagi Tuan Yang di-Pertua, di mana saya mendapati ada aduan yang mengatakan pihak yang menyalurkan ataupun membekalkan dadah ini kepada penagih adalah pihak polis sendiri. Bukan semua polis buat begitu tetapi ada segelintir polis yang melakukan kerja-kerja di mana merekalah yang membekalkan dadah kepada penagih ini. Saya rasa ini satu tuduhan yang sangat serius dan hal ini telah berlaku sepuluh tahun tidak boleh selesai di kawasan saya.

So, saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri, pihak polis boleh mengambil tindakan ke atas mereka supaya dapat bersihkan kawasan ini daripada penagih dadah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

2.36 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015.

Jadi pada keseluruhannya, ini adalah satu akta yang sudah tentunya akan memberikan satu nilai tambah kepada undang-undang yang kita ada sekarang. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, kepada Kementerian Dalam Negeri, kepada AADK, kepada PDRM yang telah buat bermacam-macam, berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan masalah dadah di negara kita. Akan tetapi semua orang tahu hari ini, malah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah melancarkan kempen besar-besaran untuk menghapuskan dadah. Untuk menghapuskan masalah dadah di negara kita ini.

Pada tahun 2015 sebanyak 26,660 kes-kes baru ditemui dan 76.1% adalah kes yang *fresh*. Baru, *new* kes. Ini menambahkan bilangan penagihan dadah ini sebanyak 282,660. Hampir 300,000. Jadi kes dadah ini meningkat. Di sebalik apa yang kita lakukan hari ini, yang paling membimbangkan lagi ialah kes ini melibatkan anak-anak muda. Anak-anak muda yang sudah tidak pandai hendak cari jalan untuk ketenangan, kesenangan. Sudah tidak fikir benda itu, pergi kepada dadah dan inilah antara pengaruh-pengaruh kawan yang hari ini.

Akta yang kita ada ini, yang telah diwujudkan sejak 1952, akta yang telah menghampiri enam dekad ini, nampaknya macam tidak ada hasil, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana hari ini kes

semakin meningkat. *Supply and demand* tidak dapat dikurangkan. Hari ini kita lihat walaupun hukuman dilakukan, walaupun ada sampai ke tahap mati mandatori tetapi orang tidak takut. Kita baca, kita tengok dalam surat khabar hari ini, selang sehari sahaja ada yang kena hukum gantung, hukum mati tetapi seolah-olah macam orang tidak takut, *because the business is very lucrative* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Banyak sangat duit. Orang nampak duit, dia mati pun tidak apa. Dia buat apa sahaja cara untuk bawa dadah. Menjadi keldai dadah, bawa dadah transit dari Malaysia turun ke bawah dan juga hari ini yang terkini, buat makmal-makmal dadah.

Walaupun usaha-usaha telah dilakukan dan *respond* kita tidak *base* kepada saintifik, kajian-kajian saintifik dan kejayaan-kejayaan saintifik yang ada dalam dunia hari ini, apakah faktor yang sebenarnya? Mungkin kemiskinan.

■1440

Kita lihat hari ini, apabila serbuan-serbuan dilakukan, apabila umpamanya tangkapan dilakukan, apabila kita cekup dia dengan morfin dan heroin, dia pindah kepada *synthetic drugs*, *methamphetamine*. Hari ini *synthetic drugs* lebih daripada 50% sebab *synthetic drugs* ini lebih *power* lagi, lebih *kick* lagi, lebih *up* lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, siapa yang beritahu Yang Berhormat itu?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya pergi tengok sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada pergi buat lawatan di tempat-tempat perdagangan dadah di Kuala Lumpur ini, saya pergi. Saya tengok *live*, dia cucuk depan saya. Ini ha, *corner* macam ini, cucuk ubat? Cucuk dadah, saya tengok mereka, saya lihat. Saya hendak menangani, bagaimanakah kehidupan mereka di nun di jalan-jalan di kota raya. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya adalah lelaki dan apabila serbuan dibuat satu tempat, dia pindah tempat lain. Dia akan cari apa sahaja jalan untuk teruskan kehidupan mereka dengan dadah. Jadi, ini masalah. Walaupun kita buat hari ini banyak usaha. Sekarang ini kita buat usaha untuk rakyat benci dadah, *start* daripada prasekolah lagi. Sekolah menengah lagi, universiti lagi. Keluar esok, kita tengok hari ini orang dadah makin ramai.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Tadi saya terdengar Yang Berhormat sebut pasal apabila makan dadah ini ada elemen hendak *kick* lagi dan juga *power* lagi. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang doktor. Saya ada terbaca bahawa apabila makan dadah sintetik dengan bukan sintetik, lebih-lebih lagi dadah jenis sintetik ini, bukan hanya *kick* tetapi juga boleh terangsang. Saya hendak tanya Yang Berhormat, bagaimanakah dadah ini boleh menyebabkan *kick*, *hyper kick* dan juga terangsang, terutama sekali bagi mereka yang makan dadah sintetik. Oleh kerana saya hendak tahu bagaimana ia

boleh menyebabkan terangsang dan bahaya kepada terangsang ini. Terima kasih kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Share* pengalaman Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bukan pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab ia ubat-ubat ini ada kesan kepada kepala, kepada otak. Kesannya di sini, di otak ini kesannya. Jadi, apabila sudah ambil selalu, kata pepatah '*alah bisa tegar biasa*'. '*Alah biasa tegar biasa*', mula-mula ambil sedikit rasa okey. Lama-lama sedikit tidak okey, *up* sedikit. Apabila *up* sedikit, lama-lama dia okey. Lama-lama dia tidak okey juga, dia kena *up* lagi. Jadi, dia perlukan dos yang lebih tinggi untuk capai nikmat yang dia kata *up* tadi, yang kata *kick* tadi.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: [*Mencelah*]

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, itulah sebabnya saya kata itu sebab bahayanya. Maksudnya, penagih ini dari semasa ke semasa dia punya perbelanjaan makin tinggi sebab dia sudah jadi *super*. Ini jadi masalah, kalau dia tidak cukup duit, macam-macam akan jadi. Oleh sebab itu perang besar-besaran kepada dadah ini bukan sahaja tugas kerajaan, bukan tugas KDN, bukan tugas PDRM, bukan tugas AADK tetapi adalah tugas semua *stakeholders*, semua kita ini rakyat di pelbagai peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, dua tahun lepas saya pernah pergi ke satu negara yang mempunyai masalah dadah tahun 1980-an iaitu di Zurich, Switzerland. Zurich, Switzerland ini adalah sepatutnya menjadi contoh kepada negara-negara yang mempunyai masalah dadah yang berleluasa. Lewat 1980an, di suatu tempat di taman dipanggil Platzspitz Park ataupun dia bagi nama gelarannya Needle Park. Oleh sebab di situ setiap hari beribu orang datang, datang untuk cucuk, pesta cucuk. Cucuk, khayal, cucuk jadi tidak ingat. Macam-macam buat. Ada yang pakai baju, ada yang tidak pakai baju, ada yang pukul orang dan sebagainya serta merosakkan masyarakat di Zurich tahun 1980-an.

Kerajaan telah mengambil tindakan yang drastik, mewujudkan satu polisi yang mana untuk bagaimana untuk menghapuskan perkara ini? Ini kerana polisi yang dilakukan iaitu pemenjaraan, pukul dan sebagainya tidak jalan. Apabila dia sedar balik, dia sambung balik. Apabila dia tidak cukup duit lagi, dia perlukan dadah lagi, dia sudah tidak peduli lagi. Apabila dadah diperlukan, dia tidak peduli. Jadi, ini dilakukan iaitu menggunakan empat sumber iaitu berkenaan pencegahan, pengurangan kemudatan, susah hendak sebut ini tetapi Tuan Yang di-Pertua, *harm reduction*. Zurich telah memberikan *methadone* percuma.

Tadi saya dengar Yang Berhormat Kuala Kedah kata *methadone* ini sejenis dadah yang mengurangkan kesan ketagihan yang lain, secara percuma. Zurich telah bagi jarum percuma. Bukan sahaja jarum percuma, disediakan tempat untuk mandi, tidur, untuk rehat, bagikan bilik, cucuklah. Jadi, persepsinya Tuan Yang di-Pertua, kalau di negara kita ini bagilah budak dadah, bagi duit, mandi, makan-makan. Nah cucuk, bagi jarum, cucuk. Masyarakat akan kata apa? Saya tanyalah, masyarakat Malaysia kata apa? Oleh sebab kita, masyarakat Malaysia persepsi apa? Penagih dadah ini orang baik atau orang tidak baik? Penagih dadah ini orang yang berguna atau

sampah masyarakat? Kita hendak buat apa dengan penagih dadah? Kalau penagih dadah jumpa di kampung ataupun saudara kita sendiri penagih dadah, apa kita rasa?

Persepsi, stigma ataupun pandangan masyarakat hari ini jauh berbeza. Oleh sebab itu saya katakan awal tadi, bukan sahaja tugas kerajaan tetapi juga tugas semua rakyat di segala peringkat. Bagaimanakah hendak buat? Kalau di Zurich, hasil daripada *populist action*, dengan izin, *prevention harm reduction*, *trick baru and also law enforcement*. Maknanya, orang yang guna tidak ditangkap masuk dalam jel. Ini kerana kalau dia masuk dalam jel, orang keluar, dia kata apa? Macam orang jadi tidak siuman, dia lupa diri, dia merepek sekejap, orang hantar dia masuk wad gila.

Keluar orang kata apa dia? Orang kata dia ini pernah masuk wad gila ini. Orang sudah cap dia. Jadi, susah. Apabila dia keluar dari jel, hendak cari kerja pun susah. Saya hendak tanya sini, rakyat mana hendak ambil orang keluar jel bekerja dengan dia? Siapakah hendak ambil? Jadi, itu masalah. Oleh sebab itu pemejaraan, penghukuman, pukul, tidak jalan. Saya bukan kata sebab saja-saja hendak kata tetapi undang-undang kita sudah enam dekad hari ini tetapi dadah masih bermaharajalela, dadah masih berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada apa yang Zurich lakukan, kesan daripada polisi ini ialah *reduce death due to drug intoxication*, dengan izin. Kurangnya penyakit berjangkit HIV, kurangnya jenayah-jenayah disebabkan dadah dan *better overall health*. Penagih-penagih dadah ini diberikan penjagaan ini, mereka jadi yang lebih baik. Kesan jangka panjangnya ialah hari ini kurang orang menggunakan heroin di sana, kurang kes-kes baru HIV, kurang kes-kes baru kematian.

Jadi, yang dilakukan, yang penting dilakukan Zurich telah menjadi contoh. Dunia patut melihat Portugal juga melakukan *heroin assisted therapy*. Saya pernah tanya di sana, bolehkah kita buat di Malaysia, bolehkah? Hari ini kita bagi *methadone*, orang kata kita bagi dadah. Kalau kita buat *heroin assisted therapy*, kita bagi heroin dekat dia. Siapakah boleh terima? *Needle Syringe Exchange Program*. Sejauh mana kejayaan kita? Saya hendak ucap tahniah kepada AADK buat *Cure & Care Clinic and so on*, bagus.

Akan tetapi saya hendak tanya, adakah pernah dilakukan satu kajian saintifik tentang keberkesanan program-program AADK? Kalau tidak, kenapa makin naik? Jadi, kita kena tengok yang itu. Juga mereka ini ditempatkan secara sukarela di pusat-pusat penjagaan ini dilakukan pemeriksaan kesihatan, diberi ubat-ubat, ubat-ubat AIDS, ubat-ubat penyakit TB, ubat-ubat untuk penyakit berjangkit yang lain dan lakukan semua. Juga diberikan akses, peluang untuk penjagaan kesihatan dan sosial. Mereka ini diberi peluang untuk mendapat pekerjaan yang baik.

Jadi, apa yang saya cuba hendak gambarkan Tuan Yang di-Pertua ialah apabila kita hendak tengok benda ini? Kalau kita tanam lalang, ia tidak akan tumbuh padi. Kalau kita buat benda itu asyik gagal, kita kena ubah buat benda lain.

Beberapa Ahli: Setuju, setuju.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita kena buat benda lain, itu sahaja. *If not, we are wasting time*. Kita hendak pergi negara maju, rakyat kita banyak main dadah, ini

problem, ini masalah yang kita akan hadapi. Macam mana kita hendak wujudkan tambah pula anak muda sekarang makin banyak pula terlibat dengan dadah. Jadi, ini akan mengganggu perjalanan kita menjadi negara maju. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang polisi untuk bagi kerja kepada mereka yang telah berjaya daripada penagih dadah ini, polisi. Seperti polisi kita mencari kerja untuk orang yang OKU umpamanya. Adakah kita wujudkan polisi ini? Kita wujudkan satu agensi, satu badan yang boleh buat semua bekerjasama.

■1450

Saya bimbanglah, seperti juga dalam pendidikan dan sebagainya, dalam bab kesihatan dan bab dadah ini, adakah betul-betul semua agensi ini duduk dan bekerjasama atau masing-masing buat ikut cara masing-masing? Lepas itu kita berkata orang ini salah dan orang ini salah. Saya lihat pada statistik yang menunjukkan dulu penglibatan doktor-doktor dalam pemberian *methadone*, saya tengok angkanya daripada 10 tahun dulu sama sampai sekarang. Apa sudah jadi? Mana-mana doktor-doktor yang prihatin? Doktor-doktor tidak peduli kah penagih dadah ini? Ini penting, di mana silap kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada pindaan-pindaan inilah memang baguslah kalau tengok. Fasal 3 subseksyen 4(1) merakam keterangan diperluaskan daripada anggota polis berpangkat sarjan, makna ramailah polis boleh buat kerja. Maknanya kerja itu ditebarkan, maknanya kerja itu dipermudahkan, maknanya kerja itu dipercepatkan. Bagus!

Satu lagi, fasal 4 seksyen 5 subseksyen baru (3B) dapat elaun pula, dapat elaunlah yang orang suka. Kalau boleh bagi lebih elaun, lagi ramai orang akan bagi maklumat tapi saya tengok juga seksyen fasal 5 subseksyen baru 5A yang mana tidak mahu buka mulut pula kena RM2,000, tidak pun kena masuk *jail* enam bulan ataupun ambil dua-dua sekali. Ini pun penting juga, maknanya ia *give and take* sebab manusia tidak mahu bekerjasama betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak sentuh tentang fasal 6 perenggan baru (hc) mengenakan pemakaian EMD atau *electronic monitoring device*. Ini bagus sebab takut nanti dia lari dan lain-lain lagi. Ini yang sudah dalam sebenarnya ini. Akan tetapi, apa yang sama hendak gambarkan hari ini sekali lagi ialah tentang sikap rakyat Malaysia hari ini. Sikap kita hari ini tuding jari dekat orang, orang salah kita betul. Saya tidak tahulah, kalau kita tuding jari satu yang tiga jari itu *point to us*.

Kita patutnya bangun dan bekerjasama fikir macam mana hendak selesaikan ini. Di kampung-kampung, di peringkat kampung, ketua kampung, penghulu, pegawai daerah dan semua pemimpin duduk fikir bagaimana kita hendak buat ini, *all out* kita bagi. Ini supaya program yang telah menelan belanja berjuta-juta duit kerajaan, duit rakyat untuk bantu rakyat jadi kenyataan dan senang kita usaha kita untuk menjadi satu negara yang maju.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah ini menghantui kita, masalah ini membantutkan perjalanan kita menjadi sebuah negara yang maju. Saya sangat-sangat sokonglah apa yang kerajaan buat, apa KDN hendak buat dan pindaan-pindaan yang akan memantapkan lagi perjalanan usaha kita, kekuatan kita dan memperkukuhkan lagi. Ini satu

perkara yang sangat baik yang patut kita bagi sokongan. Jadi, saya harap sangatlah, sekali lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya hendak wujudkan, hendak ceritakan bahawa stigma dan juga sikap rakyat Malaysia mesti diubah untuk kita dapat memulihkan keadaan yang ada sekarang. Kalau kita mengharapkan sebahagian sahaja yang melakukan maka kita ini ibarat mimpi yang tidak kesampaian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu hendak tumpang Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, Yang Berhormat Jelebu, silakan.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Pindaan undang-undang, penambahbaikan undang-undang yang sudah lama dan sebagainya itu merupakan sesuatu yang dinamik sifatnya sebab itu seharusnya Dewan ini tidak sepatutnya mempunyai pandangan yang berbeza terhadap pindaan ini kerana pindaan ini untuk kebaikan generasi akan datang dan untuk kebaikan negara. Macam mana pandangan Yang Berhormat Bagan Serai?

Akan tetapi masih banyak lagi yang menyatakan undang-undang ini itulah dan sebagainya. Salah satu perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi ialah hendak menggunakan peranti itu, *device* tadi itu. Akan ada banyak pihak nanti akan mempertikaikan kita melanggar hak asasi manusia, *privacy* kehidupan orang. *Privacy* kehidupan penagih dadah ini yang dikiranya, *privacy* kehidupan orang yang baik-baik ini siapa hendak jaga?

Ini kadang-kadang kita berfikir tidak tahu bagaimana, apakah pandangan Yang Berhormat Bagan Serai berkaitan dengan sesetengah pihak mempunyai tanggapan yang negatif terhadap usaha kerajaan. Ya lah hendak menjaga orang dadah ini bukanlah mudah kecuali pasang alat itu kita tahulah mana menyorok, mana menyusupnya, ini di antara. Akan tetapi akan ada bantahan, akan ada tentangan bahawa ini kononnya akan melanggar hak asasi manusia. Macam mana Yang Berhormat Bagan Serai, pandangan Yang Berhormat Bagan Serai berkaitan isu ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu, memang saya setuju dengan Yang Berhormat Jelebu. Itu sebab yang saya katakan tadi tanggapan yang menunjuk itu. Hari ini kalau kita bangun dan kita berusaha baru kita tahu macam mana peritnya hendak kita *handle* masalah yang begini. Akan tetapi kita hari ini tunjuk orang ini tidak buat, orang ini tidak buat, ini kena buat, ini kena buat, kau buat apa? [Disampuk] Tidak buat apa-apa, itulah sebab tidak jadi apa-apa sebab tidak ada semua itu.

Saya mengucapkan tahniah juga kepada *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* panjang itu tapi pendeknya STING. [Disampuk] STING buat kerja banyak, saya tengok STING di Sepang tangkap *processing lab* bernilai RM10 juta, 40.36 kilogram dan kemudian di Penang

dapat tangkap lagi *half ton of cannabis worth RM1.64 million*, banyak ini, yang ini saya kata tadi manusia tidak takut hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Hendak mencelah sedikit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sila, Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Bagan Serai sebut tangkapan 13 kilo? Berapa? *[Disampuk]* Macam-macamlah, banyak rampasan yang telah dibuat oleh pihak polis berkaitan dengan dadah, syabu dan sebagainya ini. Bolehkah kita tanya kepada pihak kementerian, bagaimana mereka menguruskan hasil-hasil tangkapan ini, contohnya macam dadah dan sebagainya. Adakah dibakar kah atau dibuang di sungai kah atau macam mana sebab ada sesetengah pandangan mengatakan dadah ini... *[Disampuk]* Tidak adalah jual balik.

Akan tetapi, persoalannya macam kita risau dadah yang ada ini disalahgunakan semula ke tempat-tempat lain. Jadi minta jasa baik daripada Yang Berhormat Bagan Serai, bolehkah kita minta supaya kementerian nyatakan bagaimana mereka menghapuskan bukti-bukti ataupun dadah-dadah yang telah ditangkap ini?

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Yang Berhormat Sekijang. Itu tandanya Yang Berhormat Sekijang seorang yang prihatin, dia hendak tahu ke mana pergi benda ini. Saya percaya nanti Menteri KDN ada hari ini, Timbalan Menteri ada dekat depan ini. Dia bersedia untuk jawab ke mana pergi ini, yang penting sekarang ini bukan sahaja ke mana pergi dadah itu? Ke mana pergi duit itu? Duit itu pun banyak juga. Jadi, baguslah soalan itu.

Saya hendak nyatakan sekali lagi bahawa masalah dadah ini adalah musuh negara. Perang habis-habisan, masalah yang menyebabkan banyak keluarga terpisah, pemisahan, masalah yang cukup sedih sebenarnya. Kalau kita lihat kalaulah ada orang-orang yang keluarganya terlibat barulah kita dapat faham macam mana perasaan. Oleh sebab itu, hari ini integrasi orang-orang yang telah keluar dari pusat pemulihan, dari *Cure & Care Rehab Centre* umpamanya, integrasi kepada masyarakat, penerimaan masyarakat supaya dapat jadi elok. Kalau budak ini dia pergi ke masjid, semua orang tengok muka dia. *"Ini budak dadah ini"*. Berapa lama dia boleh tahan? Kalau kita hendak pergi *interview*, tengok kerja – jadi masalah. Jadi ini sekali lagi saya hendak tekankan Tuan Yang di-Pertua bahawa persepsi sikap dan stigma ini perlu dikeluarkan barulah kita dapat integrasi balik, memberikan peluang pekerjaan, menjaga kesihatan.

Akhirnya sekalilah sebagai seorang doktor saya melihat kita tidak boleh tengok penagih dadah sebagai *criminal* atau sebagai penjenayah. Kalau kita tengok macam itu, pandangan kita akan rosak sebab tindakan kita, perbuatan kita akan bergantung pada apa yang kita lihat orang itu. Kita lihat mereka ini sebagai orang-orang yang bermasalah, sebagai orang-orang sakit. Dunia ini telah melihat *it just another chronic diseases* seperti juga sakit jantung, kencing manis. Seperti

juga kanser dan sebagainya, mereka ini adalah sekumpulan manusia yang tidak bernasib baik atau *unfortunate people* yang terlibat dan terjebak dengan masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Tan Sri kata *put a side emotion* Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, [*Ketawa*] Jangan *stress*. Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya lama-lama jadi *emotional* sebab dadah ini memang masalah yang selalu juga saya fikirkan bagaimana hendak ubah. Tempat saya pun banyak dan di Malaysia banyak dan saya telah pergi ke beberapa tempat di Kuala Lumpur dan juga luar negeri untuk buat pengkajian tentang polisi dadah ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya harap negara kita ini mencontohi polisi-polisi yang telah berjaya. Tengoklah polisi-polisi dadah ini dekat mana, kita tengok sebab apa macam saya kata tadi kita kalau kita tidak ubah maka tidak akan berubah tentang masalah dadah hari ini. Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu kawan, Yang Berhormat Batu Gajah. Banyak batu depan itu, batu lagi Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

2.59 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruangan untuk membahaskan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas).

■1500

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu jawapan yang diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri, negara kita mempunyai 22 buah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik merangkumi 21 buah *Cure & Care Rehabilitation Centre* dan sebuah *Cure & Care Vocational Centre*. Pada tahun 2015, seramai 2,684 orang penagih dadah telah menerima rawatan di pusat-pusat pemulihan ini. Daripada jumlah ini seramai 5,260 orang berbangsa Melayu, 415 orang berbangsa India, 309 orang anak negeri Sabah dan Sarawak, 273 orang berbangsa Cina dan 27 orang adalah dari kalangan bangsa-bangsa lain. Kaum wanita pula adalah seramai 210 orang.

Statistik yang diberikan ini menimbulkan beberapa persoalan. Pertama, adakah jumlah ini menggambarkan jumlah sebenar tangkapan terhadap orang-orang yang disahkan terlibat dalam penagihan dadah di seluruh negara? Jika jumlahnya lebih besar, apakah kaedah-kaedah lain yang digunakan oleh kerajaan untuk memulihkan penagih-penagih dadah selain daripada pusat-pusat serenti ini? Bagaimana penagih-penagih dadah dari kalangan warga asing ataupun pendatang asing tanpa izin ditangani oleh kerajaan? Adakah mereka juga dimasukkan ke pusat-pusat serenti ini ataupun kita mempunyai kaedah lain untuk menangani masalah ini?

Saya rasa jumlah yang diberikan oleh kementerian adalah jauh lebih rendah daripada jumlah penagih dadah dalam negara kita. Adakah pusat-pusat serenti yang ada sekarang mencukupi untuk menampung keperluan jangka pendek dan juga jangka panjang? Adakah

kerajaan berhasrat untuk membina lebih banyak pusat pemulihan dadah untuk keperluan jangka panjang?

Saya juga ingin mengetahui, apakah modal yang digunakan oleh kerajaan dalam mengendali pusat-pusat serenti ini? Sejauh manakah modal yang dilaksanakan ini berjaya memulihkan penagih-penagih dadah dan membolehkan mereka kembali kepada ke pangkuan masyarakat? Gejala dadah dianggap sebagai musuh negara yang utama, walau bagaimanapun kita mempunyai undang-undang yang ketat tetapi aktiviti-aktiviti pengedaran dan penagihan masih berleluasa di negara, bagaimanakah ini boleh berlaku?

Pada hemat saya, musuh utama negara kita ialah rasuah. Kerajaan gagal menangani rasuah yang menjadi perosak dalam agensi-agensi penguatkuasaan. Pada hari ini semuanya mempunyai nilai, apa yang tidak boleh, boleh dibolehkan dengan wang ringgit. Rasuah menjadi penyakit berjangkit yang telah tersebar luas di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sebab kenapa saya hendak membangkitkan perkara ini. Seperti mana yang juga disebutkan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, adakah pegawai-pegawai dari KDN ataupun pegawai-pegawai dari PDRM sendiri turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini yang membolehkan, membenarkan gejala dadah ini berleluasa? Ini kerana saya rasa amat prihatin dalam perkara ini sebab baru-baru ini saya telah pergi ke sebuah kawasan perumahan di mana di tempat itu sederet kedai, *shop lot*, hampir kesemuanya tidak beroperasi, hanya dua, tiga buah kedai sahaja yang beroperasi.

Apabila saya bertanyakan kepada salah seorang pemilik kedai runcit, beliau memberitahu kepada saya bahawa semua kedai ini tutup adalah disebabkan banyak berlaku aktiviti-aktiviti pengedaran dadah di kawasan itu menyebabkan pekedai-pekedai lain yang dahulunya buka tetapi sekarang telah menutup operasi. Mereka rasa takut, bimbang kerana terlalu banyak aktiviti pengedaran dadah yang berlaku di kawasan itu. Jadi saya juga bertanya kepada beliau, kenapa perkara ini tidak dilaporkan kepada polis?

Beliau mengatakan bahawa mereka sudah pun melaporkannya kepada polis dan memang ada kereta peronda yang datang beberapa kali tetapi masalah ini tidak selesai. Hari ini datang, esok berulang juga, perkara ini berterusan. Jadi, adakah satu bentuk *arrangement* antara pihak PDRM dan juga pengedar-pengedar dadah ini? Apabila dia datang, polis tidak datang dan apabila polis datang, dia tidak ada. So, adakah macam itu? Sebab itu yang menjadi kerisauan dan ditakuti oleh pekedai-pekedai di sana sehinggakan mereka telah menutup operasi.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja itu tetapi, ramai di antara – tadi ada juga Yang Berhormat yang mengatakan bahawa masyarakat mempunyai masalah, mereka tidak mahu mengadu dan sebagainya. Akan tetapi kita kena lihat dengan teliti sama ada masyarakat tidak mahu melaporkan kepada pihak polis ataupun kepada agensi antidadah ataupun mereka berasa takut untuk membuat laporan ini kepada mereka. Sebab memang ada beberapa insiden pernah berlaku, di mana apabila mereka melaporkan kepada agensi penguat kuasa dan selepas mereka membuat aduan ini, mereka telah diugut, rumah mereka dipecah masuk sehingga harta benda dirosakkan dan sebagainya. Mereka rasa takut untuk membuat aduan kerana selepas mereka

membuat aduan, perkara itu sampai kepada pengedar dadah. Apabila mereka mendapat maklumat ini, mereka datang untuk mengugut dan buat macam-macam. Jadi, bagaimanakah kita hendak menyelesaikannya?

Tuan Yang di-Pertua, hukuman gantung sampai mati bukan satu penyelesaian kepada masalah ini sebab pada pandangan saya walaupun kita mempunyai hukuman yang berat sebagaimana sekalipun tetapi kalau agensi penguat kuasa tidak serius, tidak ada *political will* untuk menyelesaikan masalah ini, masalah ini tidak boleh selesai Tuan Yang di-Pertua sebab seperti mana yang saya katakan tadi, setiap jenayah ini kalau ada satu nilai tertentu yang diberikan nilai, maka tidak ada penyelesaian. Kalau hukumannya, jenayahnya ringan, kalau ada satu nilai untuk hukuman itu kalau dia bayar rasuah, selesai, *it cannot solve them*.

Akan tetapi kalau hukumannya berat seperti hukum gantung sampai mati dan jumlah ataupun nilai yang diberikan adalah tinggi untuk menyelesaikan masalah ini *it still cannot solve it*. Masalah ini masih tidak boleh diselesaikan sebab orang yang mengambil rasuah itu, dia rasa lebih gembira melihat jenayahnya lebih besar, jumlah yang dia akan terima pun lebih besar, jadi *how are we going to solve this?* Jadi ini bukannya cara untuk pengadu.

Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Bagan Serai mengatakan tadi bahawa dengan pemindahan baru ini, kita akan memberikan elaun kepada saksi-saksi. Elaun ini bukan satu penyelesaian Tuan Yang di-Pertua sebab walaupun kita memberikan elaun, kalau mereka tidak berani untuk keluar, bagaimanakah kita hendak menyelesaikannya? Apa jaminan yang kita boleh berikan kepada mereka selepas mereka datang untuk menjadi saksi? Mereka yang terlibat ini bukan penjenayah-penjenayah kecil, ini satu sindiket yang lebih besar, amat berbahaya sekali.

Selepas mereka membuat laporan, macam-macam boleh berlaku. Apakah jaminan yang boleh diberikan kepada mereka? *It's not the allowance, allowance* itu kecil sahaja, terima elaun kecil tetapi mendedahkan diri atau keluarga mereka kepada satu masalah yang begitu serius dan keadaan yang begitu bahaya sekali? *Do you think they are come out?* Itu pun kita kena fikirkan.

Kita juga mengatakan bahawa kalau mereka tidak keluar untuk memberi kesaksian akan dikenakan hukuman kepada mereka. *I think that is not the solution, we must think of* bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah di peringkat agensi penguat kuasa. Kita mesti memberikan keyakinan kepada rakyat Malaysia bahawa kalau kita keluar untuk membuat laporan polis, keselamatan kita dan keluarga akan terjamin. Saya rasa bukan sahaja sekadar rakyat biasa, di kalangan Ahli-ahli Parlimen sendiri pun keselamatan akan terancam.

Tadi Yang Berhormat Bagan Serai ada mengatakan bahawa beliau ada pergi berjumpa dan dengan mata sendiri telah melihat bagaimana mereka mencucuk dan sebagainya. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai, adakah Yang Berhormat Bagan Serai membuat laporan polis? Di kawasan ini berlaku banyak aktiviti jenayah terutamanya pengedaran dadah, penagihan dadah dan sebagainya.

Adakah Yang Berhormat Bagan serai pada masa itu telah memberitahu kepada pihak polis dan juga kepada agensi penguat kuasa bahawa kegiatan-kegiatan seperti ini berlaku?

Mungkin Yang Berhormat Bagan Serai juga takut tentang keselamatan dirinya sebab ini adalah satu risiko yang sangat tinggi. Saya rasa kita kena bersetuju dengan perkara ini. Kita bukan bermain dengan gengster-gengster yang kecil, ini adalah sindiket yang terlalu besar dan mungkin mereka juga mempunyai senjata-senjata yang berbahaya, kita tidak tahu.

Jadi bagaimana kalau kita sebagai wakil rakyat sendiri tidak berani keluar untuk membuat pendedahan seperti ini, bagaimanakah pula dengan rakyat biasa? Ini adalah satu perkara yang saya rasa Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kena fikir masak-masak supaya masalah ini dapat dibendung. Jika kita dapat menghapuskan rasuah di semua peringkat bawah sehingga ke peringkat atas, apabila pegawai-pegawai penguat kuasa tidak mahu mengambil rasuah, kalau mereka tahu bahawa aktiviti pengedaran dadah berlaku di sesebuah kawasan, mereka turun, tangkap dan bersihkan kawasan itu, saya rasa masalah ini boleh dibendung tanpa perlu berpanjangan berpuluh-puluh tahun.

■1510

Tapi saya nampak ada masalah. *I can see there is something wrong* dalam penguatkuasaan. Jadi perkara itu kita perlu telitikan dan saya minta kepada Menteri Dalam Negeri supaya kalau hendak selesaikan masalah ini bukan sekadar meminda undang-undang ini tetapi kita perlu ada *political will* untuk menyelesaikan masalah. Kita perlu ada dalam beberapa tahun lagi kita tak mahu ada gejala dadah dalam negara kita. Macam mana kita hendak selesaikan masalah itu bersih habis-habis macam mana. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

3.10 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang untuk berbahas dalam perbahasa Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 2015. Sebelum saya mulakan perbahasan saya ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan ketua cawangan dan ketua kampung daripada Parlimen Segamat, sebelah Parlimen saya.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan jenayah boleh diibaratkan sebagai barah dalam kehidupan masyarakat kita pada hari ini. Walaupun berbagai-bagai cara serta langkah yang telah diambil untuk mengatasinya namun ia merupakan sesuatu yang dilihat agak mustahil untuk kita selesaikan jika sekiranya ia tidak dapat dibendung dengan baik. Ini termasuklah hari ini apabila kita membicarakan kes berkaitan dengan dadah iaitu salah satu jenayah yang paling besar di dunia pada hari ini. Dadah seperti yang kita ketahui menjadi musuh nombor satu negara dan ia akan kekal sebagai musuh yang utama.

Justeru saya mengalu-alukan pindaan rang undang-undang yang kita akan buat bersama hari ini untuk memastikan usaha-usaha untuk memerangi dadah ini sebagai musuh utama mengikut peredaran masa. Ini kerana jelas usaha yang kita lakukan melalui undang-undang

sebelum ini dilihat kurang berjaya, kurang memberikan kesan sebenarnya dalam membanteras masalah berkaitan dengan pengedaran dan juga penagihan dadah di dalam negara kita.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Sekijang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Baru nak mula, belum cukup panas lagi.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Takut tak cukup masa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Macam ucapan Yang Berhormat Sekijang tadi macam tak yakin bahawa kita boleh mengawal dadah. Sebab tak ada ubat sudah.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Itu sahaja?

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Betul macam itu atau ada ubat sebenarnya. Kalau tak ada ubat, saya hendak bercakap selepas ini supaya boleh bagi ubat itu.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Ini masanya selepas saya hendak bagi pada Yang Berhormat Pasir Mas untuk berucap. Dia bukan soal tak percaya Yang Berhormat, dia sebenarnya kita minta supaya kementerian memperhalusi dengan baik supaya undang-undang yang ada ini perlu kita perkasakan dan itulah yang sebenarnya yang dibawa oleh pihak kementerian pada hari ini berkaitan dengan undang-undang yang dibahas sama-sama pada hari ini. Boleh jawab begitu, tetapi patutnya bukan saya jawab, Yang Berhormat Menteri yang jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) ini telah lama dikuatkuasakan sudah melebihi 30 tahun sejak ia mula-mula dikuatkuasakan pada tahun 1984. Ia terpakai dalam tempoh masa lima tahun sahaja, kemudian lima tahun berikutnya ia memerlukan satu resolusi dari Parlimen untuk melanjutkan penguatkuasaan undang-undang ini. Untuk rekod, sepanjang tempoh sejak ia mula kita perkenalkan akta ini telah mendapat enam kali resolusi dari Parlimen. Maksudnya enam kali dia minta untuk dibawa di Parlimen dan berlaku perubahan.

Angka ini jelas menunjukkan bahawa masalah dadah dan pengedaran ini masih berleluasa dalam masyarakat negara kita. Dalam tempoh 30 tahun sudah enam kali resolusi ini pelbagai langkah-langkah lain turut diambil oleh pihak berkuasa dalam memerangi jenayah. Kita mempunyai ADB iaitu Perlucutan Harta 1988 dan juga Rawatan dan Pemulihan 1983. Ini bermakna banyak usaha yang telah kita lakukan dalam tempoh tersebut namun ternyata ia masih lagi belum mampu mengatasi masalah berkaitan dengan dadah ini.

Selari dengan peredaran masa dan ditambah dengan teknologi baru selepas itu kita tidak begitu berjaya mengatasi masalah dadah jenis tradisional seperti heroin dan juga ganja disebut oleh rakan-rakan tadi. Kini muncul pula dadah jenis sintetik seperti syabu, *ecstasy* dan *ice*. Perkembangan ini memaksa kita untuk terus menambahbaikkan sistem dan peruntukan undang-undang sedia ada dengan cara dan pendekatan yang berbeza dan perlulah lebih baik dari sebelum ini.

Justeru saya sangat menyokong Tuan Yang di-Pertua agar undang-undang ini dijadikan undang-undang bersifat kekal atau *permanent law* bagi memastikan undang-undang ini terus dikuatkuasakan tanpa perlu lagi mendapat lima tahun, lima tahun resolusi di peringkat Parlimen. Memandangkan permintaan terhadap bekalan dadah tidak dapat dihentikan dan dilihat tidak mempunyai penghujungnya, mula-mula ganja selepas itu bila sudah hebat sikit main syabu, *ecstasy* dan *ice*. Jadi, eloklah jika ia timbul pada penghujungnya dan kita kekalkan undang-undang yang ada pada hari ini.

Kita perlu terima hakikat adalah sukar bagi kita untuk membanteras gejala dadah ini 100% dan kita perlu sedar bahawa masalah dadah ini bakal membawa keburukan lain seperti jenayah kecurian, rasuah, salah guna kuasa selain bakal terus merosakkan generasi-generasi baru yang bakal menerajui kepimpinan negara kita. Memandangkan undang-undang ini sebuah undang-undang pencegahan, keputusan menjadikan ia bersifat kekal dilihat sebagai satu langkah yang terbaik dalam usaha kita semua memerangi masalah ini kerana dadah telah terbukti mempunyai elemen evolusinya tersendiri. Selalu berubah-ubah.

Tuan Yang di-Pertua, individu yang terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah boleh dikenakan dua tindakan, pertama perintah tahanan dengan dihantar untuk menjalani rawatan pemulihan akhlak. Keduanya perintah sekatan iaitu menjalani kehidupan seharian dengan bebas tetapi bersyarat. Saya sentuh dahulu berkaitan dengan perintah sekatan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian berapakah jumlah individu yang menjalani perintah sekatan buat masa ini. Sejauh manakah mereka ini benar-benar mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan kepada mereka dan apakah langkah-langkah yang diambil kementerian untuk memastikan mereka benar-benar mematuhi syarat sekatan tersebut.

Saya bertanya kepada pihak kementerian kerana bimbang jika ada individu-individu terbabit melanggar apa-apa syarat yang ditetapkan ke atas mereka. Kita sedar tidak mudah untuk memantau individu terbabit secara dekat selama 24 jam sehari. Saya risau disebabkan perkara tersebut syarat-syarat yang ditetapkan tidak dipatuhi oleh mereka. Melalui pindaan pada kali ini, kerajaan mencadangkan agar individu di bawah perintah sekatan dipasang dengan alat peranti elektronik atau EMD yang mana mereka yang memakai alat ini akan dikesan kedudukan mereka dan akan memudahkan tugas polis dalam proses pemantauan.

Teknologi ini sememangnya telah digunakan di banyak negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan juga Australia termasuklah negara jiran kita di Singapura. Sememangnya ianya terbukti membantu pihak berkuasa bukan sahaja bagi kes berkaitan dadah malah untuk jenayah-jenayah yang lain juga. Kajian yang dijalankan di luar negara telah membuktikan bahawa pesalah yang memakai alat ini adalah 94.7% dilihat tidak akan melakukan kesalahan-kesalahan berulang atau baru berbanding mereka yang tidak dipakaikan EMD ini. Orang-orang ini dikatakan takut dan bimbang apa-apa kesalahan yang mereka lakukan sangat mudah diketahui dan dikenal pasti melalui sistem ini. Ini jelas EMD ini sangat praktikal dan berkesan sebagai sebahagian daripada langkah-langkah pencegahan.

Namun begitu seperti yang saya katakan tadi masalah jenayah seperti dadah ini ada evolusi dia. Saya bimbang akan tiba masa dan ketikanya alatan ini juga tidak akan dilihat begitu efisien. Kita kena maklum penjenayah dadah ini sangat licik di samping dengan aktiviti penghasilan dadah yang lebih moden saya tidak terkejut jika proses pemantauan melalui EMD ini kelak akan dapat diatasi oleh penjenayah-penjenayah ini mungkin mereka boleh *hacked* sistem sedia ada dan sebagainya kita minta pihak kementerian supaya dapat pantau dan kaji betul-betul alat EMD ini supaya ia benar-benar berkesan untuk diguna pakai dalam kes-kes seperti dadah ini. Oleh yang demikian saya berharap pihak berkuasa dapat memastikan teknologi ini memang benar-benar dapat membantu pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua untuk pemulihan, untuk perintah tahanan ini individu yang terbabit perlu menjalani modul latihan di pusat pemulihan akhlak di empat pusat pemulihan di seluruh negara. Sekali lagi saya hendak mendapatkan kepastian tentang jumlah terkini pelatih-pelatih yang menjalani latihan di pusat ini mengikut jantina dan umur serta apakah langkah susulan yang diambil bagi memastikan pelatih yang selesai menjalani rawatan pemulihan akhlak tidak lagi kembali melakukan kesalahan-kesalahan yang sama. Saya lihat mereka yang dikenakan perintah tahanan ini bukanlah dikenakan hukuman, sebaliknya proses tahanan mereka ini lebih dilihat sebagai proses membawa mereka ke arah yang baik dan betul.

■1520

Apabila bercakap tentang jalan yang betul dan jalan yang benar, kita tidak boleh lari dari persoalan agama. Ini bermakna modul-modul bersifat keagamaan dan kerohanian haruslah lebih banyak diterapkan. Akan tetapi apa yang menjadi persoalan saya ialah kita tahu ramai yang menjalani rawatan ini datangnya dari pelbagai latar belakang kaum dan agama. Saya yakin elemen agama Islam sememangnya dijadikan asas dalam memberi latihan kepada tahanan beragama Islam.

Cuma saya kurang pasti, adakah modul pemulihan ini turut melibatkan penekanan unsur agama lain selain agama Islam kepada mereka yang bukan beragama Islam? Kalau ada, saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kementerian tetapi jika masih belum dilaksanakan, saya ingin mencadangkan agar modul tersebut disulamkan juga dengan ajaran agama-agama lain kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Kita berbalik kepada asas Rukun Negara yang pertama iaitu '*Kepercayaan kepada Tuhan*'. Elemen keagamaan sebenarnya sangat berkesan dan mujarab, baik dari segi lahiriah mahupun dari segi rohani. Saya yakin jika unsur agama diberi penekanan yang lebih, proses agar mereka kembali ke pangkal jalan akan dapat dicapai kerana orang yang percaya kepada Tuhan sudah tentu tidak akan melakukan banyak lagi kesalahan-kesalahan. Akan tetapi sebagai norma manusia kesilapan mereka tidak mungkin dapat dielakkan tetapi sekurang-kurangnya kita dapat mengurangkan kejadian-kejadian jenayah ini.

Selain dari unsur elemen keagamaan, apakah elemen-elemen lain yang turut dijadikan asas dalam modul pemulihan yang dijalankan oleh pihak kementerian? Kebanyakan mereka yang disabit dengan kesalahan mengedar dadah ini menjadikan wang yang diperoleh dari kerja

mereka sebagai mata pencarian terutamanya yang mengedar secara kecil-kecilan ini. Walaupun mereka sedar kesan buruk jika ditangkap, tetapi hasil yang mereka peroleh sememangnya lumayan dan ini dijadikan alasan dan jalan pintas bagi mereka untuk mengatasi masalah kesempitan hidup. Inilah yang diusahakan oleh kumpulan-kumpulan *king pin* ini. Mereka menjejak orang-orang yang memang ada masalah berkaitan dengan kewangan untuk membantu mereka mengedarkan dadah.

Justeru saya ingin mencadangkan agar tahanan di pusat pemulihan akhlak diajar dengan kemahiran-kemahiran yang pelbagai mengikut minat mereka. Bermakna kita tawarkan kepada mereka beberapa bidang kemahiran yang mereka sendiri suka dan yakin untuk mereka boleh lakukan. Ini kerana apabila mereka melakukan perkara yang mereka suka, bermakna perkara itu datang dari hati dan bukan kerana terpaksa. Selepas mereka keluar kelak, sekurang-kurangnya mereka ada perkara yang mereka boleh lakukan dan mampu menjadi mata pencarian bagi mereka. Maksudnya kita ajar bidang-bidang berkaitan dengan kemahiran supaya mereka tidak terjebak semula dalam jenayah dadah seperti yang sebelum ini.

Selain daripada itu, kempen kesedaran masyarakat turut perlu dipergiatkan terutamanya dalam menekankan kepada orang ramai agar memberi peluang kedua kepada mereka yang menjalani rawatan pemulihan akhlak. Persepsi negatif serta pandangan serong yang masyarakat sering timbulkan adalah antara punca utama kenapa mereka yang pernah terlibat dalam jenayah berkaitan dadah ini selepas keluar dari pusat pemulihan mereka akan terlibat semula dalam jenayah dadah. Oleh yang demikian, saya berharap pihak KDN melalui agensi-agensi berkaitan, lakukanlah apa-apa yang patut, terangkan kepada orang ramai, beritahu mereka pesalah-pesalah ini mampu berubah dan bertanggungjawab bagi memastikan mereka tidak kembali kepada kesalahan lampau.

Untuk kawalan sempadan dan imigresen, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Malaysia yang bersempadan dengan negara Thailand yang merupakan pembekal terbesar dadah di rantau ini selain dari berdekatan dengan Laos dan Myanmar, dipanggil segi tiga. Sememangnya satu cabaran buat pihak berkuasa dalam menangani masalah penyeludupan dadah. Rangkaian *network* antara pembekal dan pengedar melalui sempadan negara sememangnya bukan satu rahsia.

Kita tidak boleh salahkan 100 peratus kepada pihak berkuasa yang menjaga kawalan sempadan kerana negara kita sememangnya mempunyai kawalan yang sangat luas dan mudah untuk dibolos. Akan tetapi itu bukanlah alasan untuk kita tidak memantapkan lagi sistem kawalan sempadan kita. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah ini? Seperti yang saya katakan sebentar tadi, masalah penyeludupan ini bukanlah satu rahsia, bermakna juga perkara ini telah lama menjadi masalah kepada negara kita.

Selain daripada itu, pada bulan Mac yang lalu seramai 15 orang rakyat negara kita telah ditahan oleh pihak berkuasa Thailand kerana cuba menyeludup keluar dadah yang bernilai THB300 juta atau kira-kira RM34 juta menggunakan kereta api. Sebenarnya penyeludupan menggunakan kereta api ini adalah cara yang paling mudah bagi penyeludup membawa masuk bekalan mereka kerana kawalan dan pemeriksaan yang tidak begitu ketat dan sangat mudah

untuk dilepasi kerana tidak perlu melalui sekatan jalan raya di kawasan berdekatan sempadan jika menggunakan kenderaan seperti kereta. Saya berharap tiada lagi pemeriksaan secara rambang dilakukan sebaliknya perlu diwujudkan satu SOP khas bagi menjalankan pemeriksaan ketat dan menyeluruh ke atas kereta api yang keluar masuk antara Malaysia dan juga Thailand. Tindakan mereka yang ditahan baru-baru ini jelas telah memalukan negara kita.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang *drug lord* – ini ramai juga sentuh tentang *drug lord* tadi atau *kingpin* yang menjadi dalang utama sindiket pengedar dadah di Malaysia. Oleh sebab itu saya tanya tadi, adakah *kingpin* ini menggunakan orang-orang dalam juga untuk terlibat apabila masuk ke dalam negara kita? Saya dimaklumkan ramai *kingpin* telah ditahan oleh pihak berkuasa tetapi sukar mereka ini disabitkan kesalahan kerana kekurangan bukti dan saksi penglibatan mereka dalam aktiviti pengedaran dadah di negara ini.

Golongan ini tidak melakukan kerja-kerja terbabit sebaliknya mereka akan mengupah orang lain untuk menjalankan kerja mereka. Ini samalah seperti yang pernah dilakukan oleh Pablo Escobar dulu, mereka ini sangat licik dan sukar untuk mendapatkan bukti penglibatan mereka. Memandangkan *kingpin* ini sukar untuk disabitkan kesalahan kerana kekurangan bukti, walaupun hasil risikan jelas menunjukkan mereka adalah dalang utama pengedaran dadah, saya ingin mencadangkan agar mereka ini kalau betul dapat dikesan terlibat, dihalang masuk terus dari negara kita. Tidak kiralah dia hendak guna visa pelajar, visa pelancongkah, tahu sahaja mereka ini memang terlibat dengan dadah, kita jangan benarkan langsung mereka hadir ataupun masuk dalam negara kita. Jangan beri peluang mereka untuk jejak kaki ke bumi Malaysia ini.

Sebagai penutupnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mencegah itu lebih baik daripada merawat. Pindaan akta ini satu keperluan mendesak memandangkan usaha-usaha yang kita jalankan selama ini masih belum mampu mengatasi masalah jenayah dadah ini. Saya berharap dengan peruntukan yang lebih baik di bawah akta ini, kita semua untuk memerangi jenayah dadah akan dapat dicapai seterusnya menjadikan negara kita jauh lebih baik tanpa najis dadah ini. Sekian, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 2015.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya berhasrat untuk menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada jam 4.30 petang nanti Yang Berhormat ya. Jadi tidak semua boleh dipanggil. Mana yang sempat dipanggil, yang lain itu minta maaf lah ya. Yang Berhormat Padang Serai.

3.28 ptg.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada rang undang-undang ini, ia adalah satu rang undang-undang yang tidak panjang, hanya enam fasal tidak termasuk tajuk ringkas. Akan tetapi pada peringkat dasar ini, perlu kita melihat apakah kesan besar yang dibawa oleh rang undang-

undang ini? Itu dapat dilihat dari fasal 2. Fasal 2 membatalkan apa yang dinamakan sebagai *sunset clause* daripada Akta **Dadah Berbahaya** (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 itu. Bermakna, tidak lagi perlu ada kelulusan ataupun daripada Majlis ini untuk akta tersebut terus berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang timbul adalah ini, sebab kita ada *sunset clause* itu adalah supaya Parlimen boleh terus mengawasi wujudnya Akta *Dadah Berbahaya* (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 tersebut dan juga untuk menunjukkan bahawa akta tersebut yang drastik yang membenarkan tahanan tanpa bicara itu hanya bersifat ataupun mempunyai ciri sementara, *temporary* dan bukan berkekalan dalam sistem kehakiman jenayah kita, dengan izin, *criminal justice system* kita. Akan tetapi pada hari ini kita lihat bahawa *sunset clause* ini akan dibatalkan dan saya tidak dapat lihat apakah sebab yang munasabah mengapa *sunset clause* ini perlu dibatalkan.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian majlis ini kepada apa yang dinyatakan oleh Menteri apabila membentangkan rang undang-undang ataupun undang-undang, Langkah-langkah Pencegahan khas dalam tahun 1985 iaitu pada masa itu Dato' Radzi Sheikh Ahmad dan izinkan saya membaca Tuan Yang di-Pertua mengenai klausa *sunset clause* ini. Beliau menyatakan seperti berikut.

“Peruntukan supaya rang undang-undang itu luput dengan sendirinya selepas lima tahun melainkan dibaharui oleh Parlimen adalah gambaran kepercayaan jawatankuasa bahawa mana-mana undang-undang yang melanggar kebebasan asasi dan kedaulatan undang-undang tidak patut wujud selepas kegunaannya tidak diperlukan lagi dan apabila keadaan dan sebab-sebab memaksa yang lain semasa ia diperkenalkan dahulu tidak lagi dibenar. Ini adalah satu mekanisme yang sedia ‘inbuilt mechanism’ yang mendedahkan rang undang-undang tersebut kepada penelitian orang ramai secara berterusan selama tempoh lima tahun.

“Ini akan memberi peluang kepada rakyat dan wakil-wakil mereka menyemak keberkesanan rang undang-undang itu dalam masa lima tahun. Rang undang-undang ini tidak akan dilanjutkan tempohnya jika didapati telah digunakan sebagai senjata untuk disalahgunakan dengan sewenang-wenangnya akibat dari bantahan orang ramai yang akan disuarakan melalui wakil-wakil mereka di Parlimen. Had masa lima tahun akan menanam rasa peri mustahaknya disegerakan di kalangan semua yang berkenaan terutamanya agensi-agensi penguatkuasaan dalam usaha mereka menentang ancaman dadah.

“Ia juga sentiasa menjadi peringatan kepada pihak-pihak berkuasa tentang penguatkuasaan yang perlunya cekap dan berkesan dan lebih penting lagi adil dan saksama oleh kerana prestasi mereka akan diukur apabila tamat lima tahun itu. Pada pandangan jawatankuasa ini adalah selari dengan galakan pemimpin negara dengan pendekatan yang lebih liberal dan terbuka mengenai isu dan masalah penting negara.”

Tuan Yang di-Pertua, ini yang disebut oleh Menteri apabila membentangkan pada bacaan kedua dalam tahun 1985. Jelas sebab-sebab yang kukuh telah diberikan mengapa

perlunya *sunset clause*. Saya tidak lihat daripada apa yang dibentangkan oleh Menteri pada hari ini. Apakah sebabnya, sebab-sebab yang diberi dalam tahun 1985 itu tidak lagi terpakai pada hari ini. Apakah yang telah berubah pada hari ini tahun 2016 yang menyebabkan apa yang dinyatakan oleh Menteri pada masa itu tidak lagi terpakai. Sebab-sebab yang diberi itu adalah amat jelas. Tuan Yang di-Pertua, masalahnya adalah bahawa jika *sunset clause* dikeluarkan seperti saya sebut tadi, ia akan menanamkan *spirit* tahanan tanpa bicara ke dalam sistem keadilan jenayah negara kita. Jadi saya harap Menteri dapat memberi satu penjelasan yang lebih munasabah dan jelas dan boleh terima mengapa klausa ini tiba-tiba dikeluarkan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ini juga menunjukkan bahawa sekali lagi kuasa yang sepatutnya berada pada majlis ini. Majlis ini untuk mengawasi kesahan dan juga operasi Akta 1985 itu sedang diambil daripada majlis dan diberikan kepada eksekutif.

Ini adalah sesuatu yang tidak boleh diterima kerana Tuan Speaker kita perlu ingati bahawa akta ini amat drastik kerana masalah dadah ini walaupun serius adalah jenayah biasa dan di dalam jenayah biasa kita telah gubalkan satu undang-undang yang membolehkan tahanan tanpa bicara. Itulah sebabnya Parlimen pada masa itu perlu ada *sunset clause*. Tetapi pada hari ini *sunset clause* telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan bahawa kita semua di Dewan ini memang bersetuju dengan satu perkara iaitu masalah dadah adalah amat serius dan kesemua tindakan yang perlu dan boleh diambil, perlu diambil tetapi perbezaan di sini adalah apakah cara yang terbaik untuk melakukan tindakan terhadap masalah dadah ini. Saya menyatakan bahawa ini bukan jawapannya memberi kuasa begitu banyak kepada eksekutif dan mengeluarkannya daripada pengawasan Parlimen.

Point yang kedua Tuan Speaker yang adalah *related*. *Second and final point* adalah ini juga kita lihat apabila kita melihat kepada klausa 4 dan sebagainya ada perubahan kepada proses *inquiry* dan sebagainya. Proses *inquiry* ini adalah berkaitan dengan perintah di bawah seksyen 6 Akta ibu iaitu perintah untuk tahanan tanpa bicara bagi dua tahun. Tuan Speaker saya masih belum lihat apakah statistik, apakah bukti yang menunjukkan bahawa tahanan tanpa bicara ini adalah efektif dalam mencegah penyeludupan ataupun *drug trafficking* di negara ini. Apakah bukti dan statistik *that this is working*. Walaupun undang-undang ini sudah ada sejak tahun 1985, masalah penyeludupan dadah ini masih berleluasa dan masih serius dan kita hari ini diminta untuk meluluskan akta ini tetapi tidak ada statistik yang jelas.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai setuju dengan saya bahawa hukuman gantung mati pun tidak ada *effect*. Sebenarnya tidak ada dalam realiti menunjukkan bahawa oleh kerana transaksi yang banyak atau jika didapati oleh mahkamah bahawa orang itu salah dan perlu gantung sampai mati, tidak ada *effect* untuk menurun atau mengurangkan sepatutnya kerajaan patut akur bahawa beberapa kerajaan negeri yang lain. Kerajaan di luar negara telah berpendapat daripada analisa bahawa sebenarnya jika perlu menggantung diri sebenarnya *life sentence* adalah lebih efektif bukan gantung yang senang dibuat oleh kerajaan.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, tidak ada kesemua *studies* di seluruh dunia mengenai keberkesanan hukuman mati itu menunjukkan bahawa tidak ada bukti bahawa mengenakan hukuman mati itu akan mencegah jenayah serius. *This has never been proven*, dengan izin. Sebab itu ia juga perlu dikaji semula kerana boleh menyebabkan dengan izin, *miscarriage of justice* yang boleh menyebabkan nyawa diambil tetapi kita tidak boleh kembalikan terdapat keterangan selepas itu yang menunjukkan bahawa sabitan itu adalah tidak benar atau ada masalah di dalam sabitan tersebut.

Tuan Speaker, banyak negara-negara di seluruh dunia mempunyai masalah yang serius dan lebih serius daripada negara kita masalah penyeludupan dadah dan sebagainya. Tetapi kita tidak lihat mereka mengamalkan sistem tahanan tanpa bicara. Amerika Syarikat umpamanya mempunyai masalah yang besar berdekatan dengan Amerika Selatan, Columbia dan sebagainya, tetapi mereka tidak mempunyai 'undang-undang tahanan tanpa bicara'.

Tetapi kita pula menggunakan undang-undang tahanan - Tuan Yang di-Pertua, saya yang jelas adalah jikalau ada undang-undang seperti ini adakah ianya sebenarnya menolong kita atau membantut percubaan kita untuk mengambil tindakan atas *drug trafficking* ini. Saya rasa *the other way around* kerana adanya undang-undang seperti ini ia boleh menyebabkan pihak penguat kuasa terlalu *reliant* ataupun bergantung ke atas *option* tahanan tanpa bicara dan mengurangkan keberkesanan mereka dalam menggunakan taktik penguatkuasaan yang biasa yang tidak menggunakan sistem tahanan tanpa bicara itu.

Jadi apa yang kita sebenarnya perlukan adalah *resource* dan latihan dan *facility* yang lebih lagi bagi pihak penguatkuasaan, pihak polis dalam kes ini pihak polis terutamanya supaya masalah dadah ini boleh dibanteras, itu yang diperlukan.

■1540

Bukan undang-undang seperti ini yang begitu drastik, *draconian* dan juga bercanggah dengan Bahagian II Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, apa undang-undang yang kita gubal di sini perlu mengingati dengan izin, *the rule of law* dan *the rule of law* ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sesuatu yang boleh diperlekehkan seperti kita sering dengar. Ini adalah sesuatu yang amat penting di dalam negara demokrasi seperti ini. Ia telah ditulis ke dalam Perlembagaan Persekutuan kita apabila kita merdeka. Ini negara demokrasi dan Bahagian II Perlembagaan Persekutuan mengutamakan hak asasi setiap rakyat negara ini, Bahagian II. Sebab itu Bahagian II Perlembagaan dah ada hak asasi dan mana-mana undang-undang yang tidak menghormati hak asasi di dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang yang tidak menghormati ataupun tidak mengikut prinsip *rule of law*.

Sebab itu apabila kita dihadapi dengan undang-undang seperti ini, kita perlu teliti dan pastikan kita tidak meluluskan undang-undang seperti itu. Undang-undang ini telah diluluskan di bawah fasal 149, fasal yang sepatutnya digunakan untuk keadaan yang benar-benar menggugat keselamatan negara, *terrorism* dan sebagainya tetapi telah digunakan untuk undang-undang yang biasa. Jadi jika dapat saya *summarize* Tuan Yang di-Pertua, bantahan kita adalah atas

prinsipnya adakah sepatutnya undang-undang tahanan tanpa bicara ini dikekalkan seperti ini? *Sunset clause* dibatalkan dan sebagainya. Adakah ia sesuatu yang sepatutnya kita lakukan? Adakah ia menurut *spirit* dan juga *letter*, dengan izin Perlembagaan Persekutuan? Jawapannya tidak. Itu bantahan secara prinsip.

Yang kedua, bantahan daripada segi *utilitarian*, adakah ia sesuatu yang berkesan? *Does it work*, dengan izin. Itu pun tiada statistik yang menunjukkan bahawa undang-undang seperti ini berjaya akhirnya. Jadi atas alasan-alasan ini Tuan Yang di-Pertua, saya meminta supaya kementerian menimbang semula rang undang-undang ini kerana walaupun hanya beberapa klausa yang *tinkering* dengan undang-undang tersebut selain daripada undang-undang *sunset clause* ini tetapi prinsip yang timbul daripada undang-undang ini adalah prinsip yang amat besar iaitu tahanan tanpa bicara.

Kementerian perlu dan kerajaan perlu menimbang kembali sama ada tahanan tanpa bicara ini berkesan, sama ada *sunset clause* ini boleh dibatalkan dan membuat satu keputusan yang sewajarnya. Saya rasa jika undang-undang ini diluluskan seperti ini, ia tidak membawa apa-apa *benefit* ataupun manfaat kepada rakyat negara ini tetapi sebaliknya ia boleh menyebabkan kesan yang tidak baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan.

3.43 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk turut membahaskan akta pindaan iaitu Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) dan pada saya, kerajaan dan kementerian amat prihatin melihat betapa dadah masih ancaman nombor satu negara. Daripada awal-awal lagi saya menjelaskan dan bertanya apakah benar dadah ini masih menjadi ancaman, masih menjadi musuh utama negara kita dan jelas saya walaupun mungkin ada pihak-pihak rakan-rakan kita ada keraguan dengan pindaan akta ini dan kita juga melihat bahawa hukuman gantung sampai mati juga tidak menakutkan pengedar-pengedar daripada membawa masuk bahan-bahan dadah berbagai-bagai jenis ke negara kita.

Malaysia, saya lihat menjadi negara transit ataupun menjadi negara untuk mengeluarkan bahan-bahan dadah bermacam-macam jenis dan ini telah menjebak belia-belia kita yang mungkin mereka tidak ada pegangan yang kuat, jadi mereka terjebak dengan penagihan dadah lebih-lebih lagi dadah jenis syabu iaitu di lapangan terbang di negara kita sama ada lapangan terbang KLIA, mana-mana lapangan terbang menjadi sasaran pengedar-pengedar dadah untuk membolosi pasaran di negara kita.

Mungkin banyak permintaan dan di Sabah khususnya di Sandakan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meletakkan harapan supaya pihak penguat kuasa menggunakan apa juga akta yang ada sebab kita gubal akta di Dewan ini dengan hasrat, harapan dan tujuan iaitu untuk memastikan rakyat belia kita ini selamat daripada menagih dadah tetapi mutakhir ini kalau di Sandakan ini Tuan Yang di-Pertua, pengedaran dadah jenis syabu ini lebih mudah daripada kita

mencari ikan di pasar, mencari dadah jenis syabu mudah sahaja. Dia sudah ada kod dia. RM10 dia punya nilai begini, RM20 jumlah dia begini. RM100 jumlah dia lain.

Saya bertanya di mana letaknya penguatkuasaan kita, di mana letaknya pihak polis, di mana letaknya AADK dan sebagainya? Kenapa membiarkan? Kenapa akta kita terlalu longgar? Pada saya akta kita longgar sebab terlalu ramai penagih. Mungkin penagih-penagih ini tidak dilaporkan tetapi kalau di Sandakan, kalau dikumpulkan mungkin ada satu ribu, dua ribu, tiga ribu orang belia-belia kita yang telah menjadi penagih dan mereka ini menjadi ganas. Menjadi pencuri, menjadi macam-macam.

Jadi saya bertanya, sebab pihak polis kita berperang di Sandakan ini tidak ada juga. Jadi tidakkah boleh dikerahkan semua anggota kita untuk memerangi mereka yang menagih dadah ini? ESSCOM pada saya, dia memerangi pengganas daripada *Philippine border* tetapi yang tidak mengawal *border* ini masih ramai. Jadi kenapa masih ramai belia di Sandakan, di Kinabatangan, di Beluran dia menjadi penagih sebab benda ini mudah ditemui. Kenapa begitu mudah datang ke Sandakan, dari mana sumber dia? Bermakna ada tempat-tempat mereka boleh membolosi, membawa bekalan ini dari negara luar. Persoalannya bagaimana? Kenapa kita tidak ketahui? Sedangkan kita katakan bahawa sempadan kita telah diperketatkan, sukar untuk musuh-musuh ataupun mana-mana pihak yang membawa masuk apa juga jenis bahan-bahan bekalan untuk termasuk dadah tetapi bekalan di pasaran di Sabah kalau ada RM10 boleh jadi penagih sudah. Susah lagi cari goreng pisang, Tuan Yang di-Pertua. Senang cari dadah di Sabah ini. Jadi saya tidak tahu.

Saya sudah cakap ini lima enam tahun yang lalu, tidak ada tindakan. Seharusnya AADK mewujudkan satu akta. Mana-mana didapati suspek dia penagih, tidak payah bicara. Tangkap dia hantar terus pergi pemulihan. Kalau tidak, penjara dia sampai satu tahun bukan lagi tahan dua minggu tanpa bicara.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lama tak jumpa kawan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kinabatangan. Saya setuju apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, tindakan tegas perlu diambil tetapi Yang Berhormat boleh bersetuju tak dengan saya bahawa fokus kita ataupun polis macam seolah-olah hanya kepada penagihan, penagih-penagih sedangkan *report* yang diberikan tempoh hari ada penagih yang berulang, penagih yang baru dan sebagainya.

Jadi ini menunjukkan bahawa kita memerlukan kepada peperangan terhadap bukan sahaja pengedar kecil tetapi pengedar dan pembekal besar. Ini yang masih tak dapat dilihat keberkesanan yang dilakukan oleh pihak-pihak keselamatan kita. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perlu dilihat kembali institusi pasukan polis ini diwujudkan satu pasukan elit bagi memerangi pembekal-pembekal besar ini seperti mana yang wujud dalam sektor perjudian?

Sektor perjudian ini diwujudkan satu pasukan elit untuk memerangi perjudian wang tanpa lesen ini. Jadi adakah Yang Berhormat boleh bersetuju?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya bersetuju Yang Berhormat Pokok Sena sebab dadah masih jadi musuh nombor satu negara kita. Saya lihat bagaimana di Mexico iaitu mereka tubuhkan satu pasukan elit memerangi *kingpin* ini, pengedar nombor satu tetapi di negara kita tidak ada apa-apa cuma kita kuatkan akta serta undang-undang tetapi tidak berjalan.

■1550

Jadi buat apalah kita lulus balik undang-undang, tukar itu, ubah ini tetapi tidak ada *go through* dia, tidak ada ikatan yang mutlak. Jadi, macam penat kita buang masa berbahas di Dewan ini meluluskan akta yang sebegini. Kita lihat macam mengerikan tetapi *towards the end* masih ramai lagi yang menagih dadah. Ini bermakna kerajaan perlu melihat kalau kita kurang kepakaran bagi memulihkan mereka-mereka yang menagih berulang kali ini kita belajar dari negara lain. Kita pergi negara-negara yang telah berjaya memulihkan penagih dadah mereka.

Akan tetapi di negara kita ini saya tidak tahu sama ada kita tidak ada peruntukan kah, tidak ada cukup *main power* kah, ia terus berleluasa. Pokoknya tidak ada henti dia dan kita tidak tahu bila berhenti, bertambah ada, berulang-ulang. Di pusat serenti saya tanya, ada keluarga saya juga saya masukkan enam bulan keluar, "*Oh! Dia kata tidak ada guna. Sana senang, dia dapat macam-macam barang dapat*".

Bermakna ada sindiket yang tidak betul. Kita lihat Menteri yang menjawab ini kita lihat masalah ini sebagai satu masalah yang serius. Kita lihat penguat kuasa kita pusat serenti kita adakah betul-betul berkesan atau mereka juga, kita lihat polis-polis kita. Ini sebab saya juga tidak menuduh tetapi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana bersetuju dengan saya. Yang Berhormat sudah bersetuju tadi bahawa perlu ada pasukan elit khas untuk memerangi pengedar dan pembekal-pembekal besar ini. Seperti yang disebut oleh Menteri di KDN ini di sini antara ucapan Menteri pasukan elit dalam perjudian ini diwujudkan kerana berlaku kebocoran maklumat bila sampai kepada peringkat ibu pejabat polis kontinjen di peringkat negeri dan juga daerah dia akan bocor. Jadi menyebabkan pasukan elit itu hanya wujud di Bukit Aman.

Jadi, bersetuju atau tidak dengan saya bahawa KDN juga harus melihat kepada proses transformasi dan reformasi pasukan polis itu sendiri. Bermakna kita ada masalah dengan pasukan polis kita ini sehingga Menteri membuat pengakuan di Dewan ini berlaku kebocoran di peringkat IPK dan juga IPD apabila ada operasi kalau hendak dijalankan oleh peringkat negeri ataupun di peringkat daerah terhadap perjudian. Samalah bagi saya, bahawa berkemungkinan

seperti Yang Berhormat sebut tadi bahawa akan berlaku kebocoran-kebocoran ini. Jadi bersetuju tidak bahawa perlu kepada satu *reform* terhadap pasukan polis itu sendiri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena saya memang tidak menafikan sebab di mana-mana juga agensi kita di negara ini apabila terlalu ramai maka di situlah ada satu dua orang yang ada kepentingan. Mereka berkepentingan itu mengambil apa juga jalan untuk memastikan bahawa mereka tidak boleh dikesan rangkaian-rangkaian mereka ini. Kerajaan perlu sebetulnya sudah sampai masanya kita mungkin ini sebagai satu amaran daripada Allah iaitu di mana pihak berkuasa perlu mungkin melihat secara total, secara mutlak.

Kalau kita benar-benar ingin melihat negara kita ini bersih daripada dadah yang boleh mengancam masa depan anak bangsa kita yang boleh meruntuhkan akhlak dan menghancurkan masa depan negara kita. Maka kita harus bermula daripada hari ini, daripada sekarang ini. Kita tidak boleh lagi berlengah, tidak boleh bertanggung dengan apa cara sekalipun kita harus perangi musuh utama negara ini.

Saya meminta sekali lagi saya minta daripada pihak kementerian supaya di Sabah khususnya di Sandakan turunlah, pihak berkuasa periksalah mana-mana. Kalau boleh buatlah siasatan rambang siapa yang penagih. Saya sebetulnya kalau diminta saya boleh bagi nama satu-satu, kita tangkap sahajalah pedulilah. Kita menyalahi hak asasi manusia pun tidak apalah, yang penting mereka ini boleh dipulihkan. Ini sebab hancur rumah tangga, hancur masyarakat, hancur segala-galanya hancur. Bagaimana kita hendak mengharapkan anak bangsa kita ini bangkit, bangun membangun negara kalau mereka juga jadi penagih.

Jadi pada saya sudah tiba masanya pihak kementerian melihat daripada semua sudut daripada kepolisiannya dia, daripada dasarnya. Bukan hanya kita diperkuatkan dengan akta-akta. Akta sudah cukup kuat tetapi tidak berkesan. Hukum gantung, gantung sudah banyak, tidak juga orang takut sebab ada kepentingan yang menguntungkan. Tidak ada juga kita tangkap yang raja dadah berbahaya tidak ada. Kalau di Mexico, banyak dia perangi betul. Jadi cuba kita buat di sini kenapa tidak boleh. Kita wujudkan pasukan elit yang boleh menghidu, mengesan siapa sebenarnya pengedar nombor satu dadah di dalam negara kita ini. Ini sebab yang ditangkap ini yang ikan bilis, tangkap-tangkap dia akan timbul lagi ikan bilis satu. Jadi tidak putus begitu sahaja, berterusan.

Jadi saya mahu minta akta ini mudah-mudahan dapat memperkukuhkan hasrat kita, yang penting hasrat kita itu, niat kita itu untuk memerangi dadah itu memang ada. Jangan kita tidak ada niat tetapi niat yang baik pun kalau pelaksanaan kita tidak baik, maka tidak baiklah jadinya. Tuan Yang di-Pertua saya menyokong akta ini supaya dapat diperkuatkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan dengan pindaan kepada seksyen 1 akta awal. Yang Berhormat Menteri ada di dalam Dewan saya minta supaya Yang Berhormat melihat balik kepada seksyen 1 akta yang asal. Akta yang asal seksyen 1 bahagian III, IV dan V itu penting. Bahagian III itu menyatakan bahawa kalau tidak ada resolusi daripada dua-dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara, maka ianya undang-undang sedemikian hanya berkuat kuasa untuk lima tahun. *So that seem to be the interpretation even.*

Persoalan saya ingin bangkitkan ialah ini, pada sesi dahulu Dewan yang mulia ini telah pun meluluskan ataupun memanjangkan akta ini untuk lima tahun lagi. Jadi *for intends and purposes* Yang Berhormat Menteri, undang-undang ini ada tarikh apabila ianya akan luput. Itu adalah akibat daripada tindakan kedua-dua rumah ini tidak, *the both* Dewan tidak melanjutkannya lagi. Jadi persoalannya adalah ini, bolehkah undang-undang ini di mana kami sekarang mengeluarkan seksyen 1(3) itu. Bolehkah undang-undang ini terus berkuat kuasa selepas daripada itu? Maksudnya bolehkah Dewan Rakyat hanya satu Dewan apabila mengeluarkan seksyen 1(3) maka tidak ada kuasa lagi untuk tarikh itu dipanjangkan oleh kedua-dua Dewan. Bukankah itu bermaksud bahawa selepas pindaan ini apabila tarikh itu sampai maka akta ini luput?

Untuk menjawab soalan itu kemungkinan Menteri hendak lihat kepada seksyen 7 dalam pindaan ini. Seksyen 7 menyatakan saya baca bahasa Inggeris Tuan Yang di-Pertua, *if I may. "The amendment to section 1 of the principal Act in section 2 of this Act shall not affect the operation of the resolution passed under subsection 1(4) of the principal Act before the date of coming into operation of this Act", which has not expired on the date of coming into operation of this Act. So 7(1) quite clears the resolution of the date limit.*

Now (2) "Notwithstanding the effective period specified in the resolution referred to in subsection (1), upon the expiry of the said resolution, the principle Act shall continue to remain in full force and effect as amended in this Act".

Ini adalah apa yang diputuskan oleh Dewan ini, *just this particular House, not both Houses.* So, persoalan yang saya ingin bangkitkan kepada Menteri adalah ini, bukankah apa yang sekarang kita lakukan akan mempunyai kesan bahawa akta ini akan luput pada tarikh yang telah pun ditetapkan. *That is the first question.*

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang penting adalah untuk saya menyatakan dengan jelas bahawa kami semua faham bahawa terdapat masalah besar dengan dadah di Malaysia. Perlu untuk kami melaksanakan tindakan yang kuat supaya kita dapat mengatasi masalah ini. Tuan Yang di-Pertua apa yang juga penting adalah untuk kami faham bahawa sekiranya Parlimen terus meluluskan undang-undang di mana undang-undang itu tidak menjurus kepada fokus ataupun isu di sebalik masalah ini. Saya rasa masalah ini tidak boleh diselesaikan.

■1600

Saya ambil daripada apa yang disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Saya amat setuju dengan apa yang beliau bangkitkan. Beliau katakan bahawa tidak payah kita ada, atau tidak guna kita ada undang-undang di mana peruntukan itu semua ada, tetapi ianya tidak berkesan, efektif. Saya hendak bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua. Kita ada dua undang-undang yang kepada saya, berfokus kepada isu dadah. Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952 itu adalah akta pokok di mana seseorang itu kalau beliau adalah memiliki atau beliau adalah seorang yang menagih dadah itu, maka tindakan boleh diambil. Kita lihat bagaimana dalam undang-undang tersebut terdapat banyak *presumptions* digunakan, Tuan Yang di-Pertua. *The presumptions create a problem* kerana apabila ada *presumptions*, pihak polis ini tidak mahu menyiasat kes-kes untuk mendapat tahu siapakah pengedar sebenar, siapakah *kingpin* di belakang semua sindiket pengedaran.

Apa yang mereka lakukan, mereka tangkap ikan-ikan bilis seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan, saya setuju dan ianya berhenti di situ. Tidak ada tindakan supaya mereka-mereka di sebalik atau di belakang sindiket-sindiket ini ditahan. Oleh kerana undang-undang yang sedia ada melalui Akta Dadah Berbahaya yang diluluskan oleh Dewan ini. Cukup untuk mereka tangkap, selepas mereka tangkap, mereka dianggap sebagai penagih dan undang-undang akan terikat dan terpakai terhadap mereka. *So, the problem is* Dewan yang mulia ini meluluskan undang-undang yang menyebabkan masalah ini menjadi masalah yang lebih teruk. Oleh kerana kalau semua perkara dianggapkan pihak polis tidak perlu siasat, tangkap sudah dianggap sebagai penagih dengan *a conviction*. *There is no need to investigate*. Itu pertama, itu masalah dengan akta pokok diluluskan, dengan *Dangerous Drugs Act*.

Kita lihat kepada undang-undang yang kedua iaitu undang-undang ini *Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act*. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas). Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini, bukankah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju dengan saya, *lets just raise three points to start of it*. Nombor satu, ada ramai daripada mereka yang ditahan, yang bukan menjadi pengedar-pengedar sebenar. Mereka juga ikan bilis. Kita tahan dia, kita letak bersama dengan semua ikan jerung yang ada dalam pusat tahanan itu. Yang Berhormat Menteri, *when they go in there, they are actually small time drug peddlers*. *But, when they come out, they are kingpins*.

So, bukankah kita sekarang ini adakan satu tempat yang dikatakan tempat *rehabilitation* tetapi sebenarnya mereka di situ untuk dua tahun. Apa yang mereka buat? Mereka bersama dengan semua sindiket. Sindiket, ketua-ketua sindiket yang ada di dalam situ, *that is how they get their people together*. *That is how they build their networking system*. Selepas dua tahun, ada 10 orang di situ, mereka dapat kawan, mereka dapat tahu semua geng dia, *networking* dan sebagainya bila dia keluar, *those people are still used*, itu pertama. Untuk menjawab soalan itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang, *a direct question*. *Tell us what programmes you have in there? I want the* Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang beritahu,

bila berdiri nanti, *from morning till evening, 8 o'clock in the morning to 8 o'clock at night. Give us what is the daily timetable of this people in there? There is no timetable*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mereka di situ sahaja ditahan. Tidak ada sebarang tahanan ataupun tindakan untuk *rehab*.

So, we in this Dewan, kita difahamkan ada *rehabilitation* dan sebagainya. Diminta untuk sokong rang undang-undang, walhal *the reality is* mereka semua ditahan, ada ramai daripada mereka, *I will come to that point later on, who are actually not even involved. So, tell us*, apakah yang dilakukan *morning till night*. Nombor *three*, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ada suatu sistem di mana tahanan dibuat berdasarkan kepada *statement* yang diberikan kepada pihak polis. *Statement* itu tidak dikaji. Tidak ada peluang pada pihak di mana *statement* itu diberikan, *that means the person against him, the statement is made, he has no opportunity of defending himself*. Jadi, apa yang berlaku adalah kita ada orang yang sebenarnya tidak ada sebarang kaitan dengan kes dadah, *who are also put in there. At the end of the day, they are also then recruited to carry on this big, big drug dealing syndicate outside*.

So, bukankah ini satu sistem yang menjadikan keadaan lebih teruk? Soalan yang keempat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu kepada Dewan yang mulia ini, berapa ramai daripada pegawai-pegawai yang dalam pusat-pusat khidmat itu yang telah pun ditangkap oleh kerana mereka juga jual dadah kepada orang-orang di dalam sana dan juga ditahan di bawah undang-undang ini kerana mereka juga *supply* dadah ke dalam tempat-tempat pusat yang dikatakan *rehabilitation centre* ini, memang ada. *So*, bukankah ini menunjukkan bahawa dalam tempat itu bukan sahaja ada jerung-jerung yang besar, mereka ada juga barang-barang mereka di sana, *supply there*. *So*, bagaimana kita boleh menyatakan bahawa ini adalah satu sistem yang berjaya? Kita ketepikan dahulu isu-isu berkenaan dengan *fundamental liberties*. *That is the fourth question* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Nombor lima, saya hendak tanya berkenaan dengan masalah rasuah. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita faham suatu sistem yang membenarkan seseorang itu dibawakan ke hadapan muka pengadilan, maka dia dibawa ke hadapan pendaftar ataupun dibawa ke hadapan majistret. *So, for example, if the person is arrested Mr. Minister, what happen is*, dia dibawa ke hadapan majistret. Dalam seminggu ke dua minggu, dia dibawa ke hadapan majistret di mana beliau ada peluang untuk membuat aduan sekiranya ada tekanan dibawa terhadap beliau. Ada pegawai-pegawai yang meminta daripada dia wang *in exchange for his freedom*. *Under the 60 days when they are there*, Tuan Yang di-Pertua. *You know how many people actually are subjected to all sorts of threats? They request for money*. Akan tetapi oleh kerana kita tidak benarkan mereka, satu keadaan di mana mereka boleh berhadapan dengan majistret atau pendaftar, *and they have no opportunity to defend themselves*. Ini bermakna bahawa kegiatan rasuah itu, kegiatan salah guna kuasa itu diperketatkan. *That means you build a system whereby people actually detained, they are kept in silence for 60 days or how many days under different acts, they are not given access to anyone*.

Dalam masa itu, *outside* macam-macam berlaku. *So, how does the system guarantees that* orang yang sebenarnya ditangkap, ditahan 60 hari itu, apakah hasil siasatan itu? *Is it not a system that actually makes things worst?* Saya datang kepada *point* terakhir saya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita lihat kepada hak-hak asasi manusia.

Of course, tidak ada sesiapa yang hendak menyokong satu rang undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa bicara. Akan tetapi saya minta di sini, bukankah kita boleh datang ke sini, ke Dewan ini, cari satu jalan di mana tahanan itu ada tetapi mereka diberikan peluang untuk didengari di mahkamah. *In other words, detain them, but give them a right to trial.* Berikan mereka satu ruang di mana mereka boleh hadir di hadapan majistret. Boleh ada di hadapan hakim, bawa aduan supaya aduan mereka didengar dan keputusan dibuat berkenaan dengan aduan itu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, *since you are here today, I will tell you* apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi *is very true.* Apakah keberkesanan sistem kita? *Now, lets look at our current system, police force.* Kita ada banyak pegawai polis. Tuan Yang di-Pertua, saya peguam, saya beritahu, saya lihat mereka tiap-tiap hari di mahkamah, *many of them work very hard. They really put their lives on the line, I know. At night - operasi, morning - in court, evening - back in the office getting their files ready.*

Jasa mereka saya tahu tetapi di antara mereka terdapat golongan-golongan mereka yang salah gunakan kuasa, yang bertindak seolah-olah mereka sangat berkuasa. Tidak ada siapa yang boleh menyoal mereka. *These are the people that you should act against and one of these person is your IGP. [Ketawa] What kind of IGP do you have?* Bukan satu kes, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berapa kes dia disaman? Disaman. Kes Kugan, beliau disaman, menang. Kes Aminurrashid, beliau disaman, menang. Akan tetapi bila diminta supaya PDRM ini *at least have some humility. Go to the parents and say, "This has happened, we apologize, minta maaf or we feel for you, we appreciate, we understand", say something. But, you know what they do? "Tidak perlu maaf." Who is this IGP?*

IGP juga bertanggungjawab kepada rakyat. Kita boleh sokong pasukan polis, boleh, *but he must behave himself.* So, ini persoalan yang saya ingin bangkitkan. Kita tulis surat kepada IGP, *you will not get an answer, you know that? Because he is IGP, what? All he has to do is just Twitter and everybody is arrested. I want you to answer that as well, bolehkah?*

■1610

Bolehkah seorang IGP duduk dalam bilik dia, Yang Berhormat Beluran macam ini tangkap orang ini dan siasat dia? Boleh? *I won't allow that to happen, I will defend him.* Tidak boleh. *I think it's an abuse of process, but you see we talk about it. We laugh about it. But when we walk out this Dewan, Tuan Yang di-Pertua it continues to happen. The Minister came, Menteri datang dua minggu lalu, Yang Berhormat Pokok Sena bangkitkan isu ini. Kita semua setuju ada masalah, dia kata don't worry, don't worry kita akan duduk bersama, committee dan macam-macam.*

Yang Berhormat Kota Bharu *suggested committee. I tell you one thing, you can carry on with your committee but if the ministry does not put its foot down and change the people that you have in the force especially the heads, nothing will change, we can pass as many acts as we want. The drug menace problem in this country will carry on and the problem still lies with the government of the day. I want answers from you, Mr. Minister, terima kasih.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, 19 minit Yang Berhormat. Tuan Pengerusi bagi dua orang Yang Berhormat. Boleh ambil 10 minit, seorang ambil 9 minit. Yang Berhormat Setiu.

4.11 ptg

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdiri saya di sini untuk memberi faham kepada mereka yang tidak berapa hendak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat berbahas rang undang-undang.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya, rang undang-undang. Sebab itu saya kata sekarang ini kita merujuk kepada 36(1) Peraturan Mesyuarat yang selalu diingatkan oleh Tuan Yang di-Pertua, kita kena - kalau pindaan setakat pindaan itu sahaja kita bercerita, tidak lebih daripada itu. Bermakna sekarang kalau kita dengar seolah-olah macam sudah lebih daripada pindaan. Kita bercerita pasal bukan akta asal, kita bercerita tentang pindaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang itu memang betul 36(1) mengenai perkara-perkara yang dipinda sahaja boleh dibahas.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Pindaan sahaja, kena faham. Jadi kita tengoklah tujuan asal akta ini adalah untuk pencegahan, Langkah-langkah Pencegahan 1985, jelas yang ke atas mereka yang terlibat dengan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pengedaran dadah memiliki ke atau menghisap ke atau memang *trafficker* ke semua ini termasuk dalam maksud mereka yang terlibat dengan pengedaran dadah. Jadi kia lihatlah satu persatu.

Yang saya hendak rujuknya kepada fasal 3 pindaan seksyen 4. Kalau dahulu pegawai penyiasat dia seoranglah yang merekodkan *statement*, yang menangkap, menghantar pun dia, dia seorang yang buat kerja. Tetapi dalam akta kita yang baru dia boleh mengarahkan sarjan ke atas untuk merekodkan apa-apa kenyataan ataupun *statement* daripada mereka yang ditangkap. Jadi mengurangkan beban tugas dan boleh kita dapat melicinkan lagi urusan siasatan itu.

Keduanya fasal 4 pindaan seksyen 5 iaitu pertambahan kepada seksyen (3B). Kalau dahulu tidak ada elaun, sekarang diberi elaun dan sesuai pula dengan fasal 5 tambahan kepada 5A iaitu saksi wajib hadir, kalau tidak hadir kita boleh denda dia tidak melebihi RM2000 atau penjara tidak melebihi enam bulan. Jadi dia kena selaras. Bila kita bagi elaun dan kita kena bagi syarat, kena hadir bila minta. Makna penambahbaikan bukan kita panggil sebagai reformasi tetapi transformasi daripada yang sudah baik kepada lebih baik. Jadi kalau transformasi ini dia boleh menjadi *transformer*, kalau reformasi tidak boleh jadi *reformer*. Dia macam itulah lebih kurang.

Kita lihat pula kepada fasal 6 pindaan seksyen 6 dia tambah subseksyen (3A). Pihak polis kalau dahulu tidak perlu hendak hantar ke tempat di mana dia ditahan di sekatan di kawasan-kawasan kampung biasalah dia hantar. Jadi sekarang ini dia kena - boleh dah. Polis perlu mengiringi subjek hingga ke tempat sekatan. Makan sekurang-kurangnya masa hantar itu, orang kampung ke tempat komuniti setempat itu boleh mengetahui bahawa orang yang dihantar itu adalah seorang tahanan yang ada kes dengan pihak polis dan sebagainya.

Maknanya orang kampung tahu. Ini bukan orang sesaja datang ini, pindah dari satu tempat ke satu tempat. Jadi lebih baik memberitahu kepada orang kampung ini adalah sebenarnya mereka yang terlibat dengan pihak polis, dadah dan sebagainya. Yang jahat, hendak bagi tahulah macam itu lebih kurang.

Tetapi kalau lebih baik lagi kita jangan hantar sahaja, kalau saya boleh bagi cadangan kepada pihak kementerian, kalau kita boleh pinda lagi selepas ini kita tambah lagi sedikit, kita kata, hantar bukan hantar sahaja beritahu dengan ketua kampung, dengan orang-orang kampung di situ ini adalah mereka yang ditahan di bawah sekatan dan maknanya biar orang kampung semua tahu, kalau setakat hantar macam itu, mungkin seorang dua sahaja yang tahu dan kita boleh pinda selepas ini, kena serah kepada komuniti setempat, lebih baik pada saya.

Fasal 6 juga perenggan pindaan seksyen 6 perenggan (ha) dengan (hb) mengehadkan subjek ini dengan jaringan komunikasi sebab kita faham kalau mereka ada komputer ataupun telefon canggih-canggih sekarang ini macam-macam sudah OPPO, memang canggihlah makna mereka boleh berhubung dengan kawan-kawan mereka yang lain. Ini kira lebih baik kalau kita sekatan mereka dalam keadaan-keadaan tertentu maka mereka boleh guna dan kita boleh kesan juga penglibatan - manakala kita kawal mengawal dengan lebih efisien lagi. Kita jangan biarkan mereka.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu bangun Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya belum habis lagi.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, setuju tidak OPPO itu telefon canggih Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Dia ada saham OPPO itu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu, sebagai bekas hakim, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Setiu, OPPO kalau di Jelebu dia panggil 'APPA'? Setuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Setiu tentang kebimbangan sesetengah pihak bahawa pindaan rang undang-undang ini akan membatalkan *sunset clause* itu. Hujahnya atas prinsip *liberty*.

Jadi hendak minta pandangan Yang Berhormat Setiu walaupun di bawah undang-undang 1985 itu ada memperuntukkan atau memberi kuasa untuk penahanan tanpa bicara itu

dalam kes-kes ini. Tetapi saya melihat bahawa peruntukan itu sebenarnya satu peruntukan yang menjadi senjata terakhir kepada pasukan keselamatan. Tetapi dia bukan menjadikannya sebagai peruntukkan utama dalam tindakan pihak polis dalam menangani isu dadah. Tetapi pihak polis mempunyai kaedah-kaedah dan pendekatan yang lebih daripada itu.

■1620

Soal *intelligence* misalnya, soal kepakaran misalnya. Cuma *weapon* terakhir itu tadi merupakan kes-kes yang tidak boleh diselesaikan dengan cara yang biasa. Apakah ini merupakan sesuatu yang difikir wajar atau sesuatu yang dikatakan tidak mempunyai prinsip *liberty* yang dibimbangi itu. Sebab saya yakin dan percaya bayangkan dengan peruntukan yang ada di mana pihak polis berkuasa dibenarkan menahan tanpa bicara, kes dadah dan pengedaran dadah masih tidak boleh dibanteras, bayangkan kalau peraturan ataupun kuasa ini tidak ada. Ini samalah macam harimau tidak ada gigi.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Jadi, maknanya kemungkinan secara analogi mudahnya, kemungkinan pengedaran dadah dan penyalahgunaan dadah lagi teruk daripada apa yang kita hadapi hari ini. Jadi, bagaimana agaknya ulasan dan pandangan Yang Berhormat Setiu di mana wajarnya undang-undang ini diteruskan dan wajar *sunset clause* ini juga dihapuskan. Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya bersetuju sama sekalilah. Memang setuju dan minta dimasukkan dalam ucapan saya. Sebenarnya saya belum sampai lagi ke situ pun. Belum sampai lagi. Jadi saya akan terangkan lah. Sedikit sebanyak saya akan terangkan berkenaan dengan *sunset clause* tadi. Sebenarnya kita kena lihat keadaan sekarang. Sekarang penduduk semakin ramai. Mereka yang terlibat dengan dadah ini pun semakin ramai. Kita mungkin berasakan dahulu perlukan *sunset clause*. *Sunset clause* zaman dulu, kita memikirkan mungkin kita boleh hapuskan *heroin, morphine, ganja* pada masa itu.

Tapi bila perkembangan semakin maju, semakin berkembang, jadi maknanya mereka lebih menumpukan kepada dadah-dadah yang baru, dadah-dadah sintetik yang memberi perangsang, disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor. Apa yang dirangsang, saya tidak tahu apa rangsangannya, tapi kalau *viagra* itu kita tahulah merangsang apa. Tapi kalau dadah sintetik ini, apa yang dirangsangnya, mungkin banyak, terlampau banyak. Jadi mereka lebih suka.

Samalah juga, dia bukan setakat suka kepada dadah, orang yang suka kepada benda baru. Banyak setengah orang suka kepada benda baru. Kalau dulu sudah rasa elok duduk dalam satu parti, elok saja. Rasanya oh sudah baik, semuanya baik. Tapi akhirnya hendak rasa, hendak ubah selera kepada yang baru. Maka ubahlah kepada yang baru. Tapi yang susah ada juga yang dia rasakan dulu masih baik tapi hendak juga kepada yang baru. Ini susah ini. Macam tengah-tengahlah. Jadi mereka namakan dia sebagai harum manis. Itulah yang, hijau di luar, dalamnya merah. Ini yang payah. Jadi benda yang kepada benda baru ini, inilah.

Jadi kita kena lihat kepada faktanya bahawa sebab perlunya kepada *permanent clause* ini supaya kita dapat melihat kepada masalah yang ada sekarang. Sampai bila kita boleh banteras dengan keadaan-keadaan yang ada sekarang. Dengan undang-undangnya, kemungkinan mereka boleh. Maksudnya lari daripada undang-undang, ditangkap boleh dilepaskan kemudian dengan cara mudah. Bermacam-macam.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Setiu, jiran sebelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Menghadap sebelah ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Setiu tentang terdapatnya banyak kes pengguna ataupun pengedar-pengedar dadah yang tegar terlepas begitu sahaja daripada hukuman kerana mereka berkemampuan untuk menggunakan peguam-peguam yang hebat, peguam-peguam yang mengenakan caj yang tinggi.

Jadi, perkara-perkara ini kita lihat bahawa benda ini berjangkitan. Jadi kita tahu, semua orang tahu, pihak peguam pun tahu siapa *kingpin* nya, siapakah pengedar tegar kerana merekalah yang membela mereka ini. Apa pandangan Yang Berhormat Setiu tentang perkara ini dan bagaimana kita boleh menerapkan nilai-nilai moral kepada peguam-peguam yang dikatakan penyangak ini. Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini pun satu hal lagi yang bermasalah. Kalau saya jawab soalan dia ini, akan adalah orang mengatakan saya tidak siuman. Yang Berhormat Ipoh Barat selalu menyebut macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan Yang Berhormat. *Unparliamentary* panggil orang tidak siuman.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak, saya tidak kata. Maksudnya saya dikatakan tidak siuman. Yang Berhormat Ipoh Baratlah yang selalu cakap. Jadi, tidak apalah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia sendiri mengaku Tuan Yang di-Pertua. *That's his standard*. Kalau itu sudah kelas dia, kita bagilah, pengakuan sendiri, *please*.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya tidak kata dia tidak siuman tapi lebih kurang macam itulah. Cuma saya hendak kata sekarang apa yang soalan tadi, betullah. Kalau maknanya kita kadang-kadang lebih menitikberatkan kepada tangkapan, menitikberatkan kepada penahanan, tapi akhirnya tidak pernah dikisahkan tanggungjawab sebagai seorang rakyat. Tidak ada, walaupun siapa dia, terutama peguam.

Peguam ini kadang-kadang ada sindiket tahu. Dia kalau jenayah ada sindiket di sini. Kalau dadahnya ada sindiket, kalau judinya ada sindiket. Jadi dia ada di mana dia hendak sasarkan. Peguam mana yang dia tahu. Kalau ini terjadi maknanya akhirnya dengan kelemahan undang-undang yang kita ada kadang-kadang, dengan adanya teknikal-teknikalnya, maka mereka lepas dengan mudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, masa jadi hakim ada tegur peguam tidak Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya tidak pernah tegur, makna saya memang baiklah pada masa itu. Tapi sekarang saya menjadi tidak...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Sekarang jadi jahatlah, tidak baik.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: ...Marah kepada peguam-peguam...

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Atau dulu ada saham dengan peguam.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya menjadi agak agresif sekarang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Memang sah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Belajar, belajar sedikit sebanyak. Saya rasa Yang Berhormat Puchong boleh sahkan. Masa saya di atas, saya tidak pernah marah pun kepada peguam tapi di sini saya marah kepada pembangkang. Jadi akhirnya....

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya sahkan memang apabila Yang Berhormat Setiu menjadi hakim itu, dia ini lain sikit. Masa itu dia tidak marah orang dan sebagainya. Saya hendak sahkan. Tapi bila jadi Ahli Parlimen, nampak kepakaran, kebijaksanaan dia sebagai hakim itu tidak ada lagi..[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, pengamatan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapi masih kawan saya. Saya dengar itu yang dikata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, pengamatan saya Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tapi kalau hendak marah, marah peguam daripada semua sebelah sana, jangan marah peguam pembangkang saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia, Yang Berhormat Setiu masa dua tahun pertama yang dulu...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Puchong, kita saya hendak gunakan kepakaran sekarang, saya rasa saya gunakan kepakaran...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu, masa dua tahun pertama duduk Parlimen pun ada sifat-sifat hakim. Ada, tapi lepas itu saya tengok sudah mulai macam ahli politik lah ya.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Betul, betul. Kena cari *political mileage* kena ada. Macam mana yang dia orang carilah. Jadi kalau kepakaran, ini salah satu kepakaranlah, saya guna ini. Antaranya makna saya terikat dengan undang-undang, peraturan dan saya terikat kepada undang-undang yang sedia ada dan kepada pindaan-pindaan. Jadi saya menggunakan kepakaran saya yang telah lalu. Terima kasih, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu, sedikit juga, 4.30 petang.

4.28 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya kena *rush point-point* yang penting. Pertama sekali, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri lah, saya pun agak *sympathize* dengan dia berkenaan dengan keadaan yang kita harus membela satu undang-undang yang bukan membela kepada hak asasi manusia. Sebagai seorang tokoh pembela hak asasi manusia, terpaksa membela undang-undang ini. Saya ingin hanya ingatkan dalam semua undang-undang kita, kita ada dua jenis undang-undang. Undang-undang yang *permanent*, undang-undang yang ada *sunset clause*. Ada *sunset clause* tidak ada maknanya.

Maksudnya dari awal, bila undang-undang ini dibuat, dia tidak bersifat kekal dan kita harus faham dia bermula daripada Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana hukum mati secara mandatori telah digunakan dan kita juga masih menunggu kerajaan yang telah janji untuk hapuskan mandatori *death sentence* ini untuk dilaksanakan. Tapi tiba-tiba langkah-langkah khas pula kita bincang. Kalau kita harus ingat, langkah-langkah khas itu dibuat dengan *sunset clause* bermaksud dari awal dia ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini salah satu daripada legasi...

■1630

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat lima minit selepas usul 18(1) nanti. Sambung 5 minit selepas usul 18(1) sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab ya. *Just 5 minute* Yang Berhormat ya.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M.18(1)

KES PENCULIKAN DI PERAIRAN PULAU LIGITAN, SEMPORNA

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang jam telah pun 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan untuk dibahas pada petang ini. Sekarang, saya mahu mulakan perbahasan ini. Pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Silam sila kemukakan.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seperti lazimnya Yang Berhormat Silam kita bagi 5 minit untuk pihak sebelah sini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

4.30 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mencadangkan di dalam usul ini. Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia 1963 telah menyerahkan tanggungjawab keselamatan negeri Sabah kepada Kerajaan Persekutuan. Maka, kestabilan dan keselamatan perairan Sabah yang begitu luas memerlukan komitmen dari Kerajaan Pusat.

Kita maklum bahawa kawasan *double bay* di Pantai Timur Sabah merupakan kawasan yang sering kali menjadi ancaman kepada pihak musuh. Perkara ini juga turut berlaku sebelum kejadian Tragedi Tanduo itu sendiri di mana pihak pengganas dan lanun ini sering kali melakukan kegiatan mereka di Pantai Timur Sabah.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada 23 September 1985, Chartered Bank di Lahad Datu telah diserang oleh sekumpulan Lanun dari Selatan Filipina yang bersenjatakan *M16, carbine, machine gun, rocket launchers, hand grenade* dan melakukan tembakan rambang sehingga menyebabkan kematian 21 orang dan melarikan wang berjumlah RM200,000.

Pada 23 April 2000, satu kumpulan yang diterajui Abu Sayyaf menculik 21 orang di Pulau Sipadan. Mereka yang diculik dibawa ke kem kumpulan itu di Pulau Jolo di mana kesemua mereka ditahan selama enam bulan dan yang terbaru kejadian culik di perairan Pulau Ligitan dan banyak lagi insiden rompakan dan penculikan yang telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah gagal menunaikan tanggungjawabnya menjaga keselamatan negeri Sabah yang termaktub dalam perjanjian Malaysia 1963 dan dalam Perlembagaan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, kita maklum selepas tragedi hitam insiden Tanduo Lahad Datu pada 1 Mac 2013, kerajaan telah menubuhkan ESSCOM atau Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah yang merupakan kawasan kawalan keselamatan yang meliputi 1,733.7 km kawasan Pantai Timur Sabah bermula dari Kudat sehinggalah ke Tawau. Tujuan ESSCOM dan ESSZONE diwujudkan adalah bagi menguatkan lagi kawalan keselamatan maritim di bahagian Timur Sabah susulan dengan krisis pencerobohan Tanduo dan menghalang sebarang kegiatan pengganas berlaku di perairan Sabah.

Fungsi dan peranan ESSCOM juga adalah memastikan dan mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan kesejahteraan hidup, kesihatan awam dan memelihara kawasan-kawasan perairan di Sabah. Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah berbelanja berbilion-bilion ringgit demi memastikan kawasan perairan Sabah terutama kawasan ESSZONE bebas daripada ancaman jenayah luar, namun ianya masih belum dapat menjamin secara sepenuhnya keselamatan di kawasan itu.

Perlu untuk difahami, semenjak wujudnya ESSCOM ianya telah banyak membantu kawasan ini terutama dari aspek keselamatan. Kita maklum bahawa jenayah luar sentiasa mengintai peluang untuk menceroboh masuk ke kawasan perairan kita dan melakukan jenayah seperti penculikan. Terdapat banyak kes yang telah digagalkan oleh pihak keselamatan ESSCOM terhadap cubaan masuk menganas, menyeludup barang dan kes dadah.

Perkara ini telah banyak membantu daripada aspek kesejahteraan rakyat di kawasan Sabah. Adalah tidak adil untuk kita menggelar ESSCOM ini sebagai agensi yang tidak berfungsi dan meletakkan sepenuhnya beban kepada ESSCOM dalam mengawal keselamatan di Sabah. Seterusnya menghukum ESSCOM untuk memastikan tidak ada berlaku sebarang jenayah di kawasan ESSZONE.

Apabila menyentuh soal keselamatan ianya merupakan satu perkara yang terlalu kompleks kerana ianya melibatkan pelbagai pihak yang perlu kerjasama dan penyelesaian dan menyelesaikan isu ini. Soal integriti, pihak berkuasa terutama pihak polis dan ESSCOM perlulah ditingkatkan agar tidak berlaku pembocoran maklumat kepada pihak lain. ESSCOM ini berdepan dua ancaman keselamatan iaitu ancaman yang datang dari luar dan ancaman dari dalam.

Ancaman dari dalam bukan sahaja dari kalangan pendatang tanpa izin yang menjadi tali barut penceroboh bersenjata dan penjenayah rentas sempadan tetapi juga musuh dalam selimut yang terdiri daripada kakitangan awam yang terlibat dengan amalan rasuah dan salah laku yang memudah cara kemasukan parti atau pun pendatang tanpa izin dan aktiviti penyeludupan di ESSZONE.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini saya juga sering menegaskan betapa pentingnya aset dan kelengkapan infrastruktur yang cukup bagi memastikan pihak musuh gerun dan takut untuk melakukan pencerobohan di kawasan Pantai Timur Sabah. ESSZONE meliputi kawasan sepanjang 1,733.7 km dan keluasan sekitar 100,000 km persegi termasuk 486 buah pulau.

Kawasan yang meliputi ESSCOM melibatkan kawasan perairan yang luas dan kawasan pesisir yang panjang. Selain itu, banyak kawasan berpayau yang dijadikan pintu masuk oleh penceroboh. Di Sandakan sahaja terdapat 32 lorong tikus yang menjadi pintu masuk penceroboh. Selain itu, kawasan sempadan antarabangsa yang terletak berhampiran dengan kita misalnya di Kampung Tanjung Labian terletak kira-kira setengah jam atau 40 minit dari sempadan. Perkara ini juga menjadi cabaran besar kepada ESSCOM dan mengawal selia keselamatan di Pantai Timur Sabah dengan infrastruktur yang masih tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah mempertingkatkan tahap keselamatan di kawasan ESSZONE, namun saya kira terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah oleh kerajaan dalam meningkatkan lagi tahap keselamatan di negara kita. Disebabkan faktor geografi dan keluasan perairan di Sabah, kerajaan perlu untuk meningkatkan kawalan perairan dengan memperbesarkan saiz anggota marin dan maritim di kawasan perairan Sabah.

Selain itu juga, pihak berkuasa perlu menjalinkan kerjasama dengan negara jiran Filipina dalam menyelesaikan isu penculikan yang sering kali berlaku di kawasan perairan kita.

Kerjasama ini perlu dilihat sebagai satu kerjasama keselamatan dalam memastikan kedua-dua negara ini bebas daripada ancaman jenayah rentas sempadan.

Pihak berkuasa Malaysia perlu mengadakan satu perjanjian dengan Kerajaan Filipina dalam mendapatkan hak pengejar atau pun *hot pursuit* bagi memastikan pihak keselamatan kita dapat mengejar dan memintas penjenayah atau pun penganas yang telah menceroboh perairan negara kita. Dengan adanya *hot pursuit* ini, pihak keselamatan kita akan mendapat kuasa untuk memasuki sempadan negara Filipina apabila berlaku kes pencerobohan atau pun penculikan di sempadan perairan Malaysia dan Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tidak akan wujud dengan baik sekiranya tiada jaminan keselamatan dan keselamatan juga tidak akan wujud tanpa ada pembangunan yang baik. Maknanya, keselamatan dan pembangunan mesti bergerak seiring.

■1640

Maka, saya juga ingin meminta kepada kerajaan untuk memastikan pembangunan di kawasan Pantai Timur Sabah ini terus dipertingkatkan dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus dipelihara. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Silam, boleh minta..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak apalah Yang Berhormat, kita tak cukup banyak masa. Nanti ada peluang Yang Berhormat.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kepada pihak kerajaan terutama agensi ESSCOM dan Polis Diraja Malaysia berusaha sedaya-upaya untuk menyelamatkan mereka yang terlibat dengan insiden di Pulau Ligitan. Kita tidak mahu perkara buruk berlaku kepada mereka kerana ini bukan sahaja menjejaskan imej ESSCOM dan PDRM tetapi turut menjejaskan nama baik negara kita di mata dunia. Akhir sekali saya mencadangkan agar usul ini dapat dibahas dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sibu. Selepas Yang Berhormat Sibu, Yang Berhormat Semporna.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibu, sekejap, sekejap, Yang Berhormat Sibu lima minit, Yang Berhormat Semporna pun lima minit dan Yang Berhormat Kinabatangan juga lima minit. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Sila.

4.46 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat sedih kerana kebelakangan ini dua penculikan yang berlaku di Sabah adalah melibatkan rakyat dari Sarawak. Kali ini ada empat rakyat dari Sarawak telah diculik oleh penganas. Tahun lepas

ada juga satu rakyat dari Kuching bernama Bernard Then juga diculik, selepas itu dia dibunuh dengan kejam.

Tuan Yang di-Pertua, perairan Pantai Timur Sabah telah menyaksikan peningkatan insiden penculikan secara serangan pantas dari selatan Filipina semenjak serangan oleh Putera Sulu di Lahad Datu pada tahun 2013. Tahun lepas, kami sudah menyaksikan satu penculikan yang melibatkan dua orang rakyat Malaysia di Restoran Ocean King dan insiden itu juga dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini tetapi pada masa hari ini, kami masih menyaksikan penculikan sebegini berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 April 2016, enam orang lelaki rakyat dari Sarawak bernama Wong Teck Kang (31 tahun), Wong Hung Sing (34 tahun), Wong Teck Chii (29 tahun) dan seorang lagi Johnny Lau Jung Hien (21 tahun) berasal dari Sibul Sarawak telah diculik oleh lapan orang penculik yang bersenjata di kawasan perairan Ligitan.

Tuan Yang di-Pertua, salah seorang dari empat lelaki tersebut iaitu Wong Teck Kang, isterinya baru melahirkan seorang anak pada 12 belas hari yang lalu dan dia belum lagi berkesempatan untuk melihat anak baru dia. Kes penculikan ini sekali lagi menimbulkan perasaan kebimbangan terhadap isu keselamatan rakyat Malaysia di kawasan Pantai Timur Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun kerajaan memperuntukkan berbilion-bilion ringgit untuk ESSCOM tetapi apa yang dibayangkan tidak membayangkan wang yang dibuang oleh Kerajaan Malaysia tidak menjamin keselamatan Pantai Timur Sabah.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kapar, tak cukup masa Yang Berhormat Kapar. Lima minit sahaja bagi.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Biar saya habislah, biar saya habis. Tak cukup masa ya. Jadi saya harap, masalah ini, kali inilah perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini merupakan kali yang terakhir kami membahaskan kes penculikan di Pantai Timur Sabah. Saya tidak mahu tiap-tiap tahun di dalam Dewan yang mulia ini kami akan membayangkan kes penculikan macam ini. Kita mesti mencari penyelesaian untuk menyelesaikan masalah macam ini.

Tadi saya dengar apa yang di cakap oleh Yang Berhormat Silam. Saya boleh buat satu kesimpulan di sini, kegagalan ESSCOM untuk menjalankan tugas mereka kebanyakan adalah berpunca daripada kegiatan rasuah dan menyalah guna kuasa. Banyak penyalahgunaan kuasa berlaku di kalangan pasukan penguat kuasa. Sabah selalu menyatakan bahawa pasukan penguat kuasa bukan tangkap orang, bukan tangkap pengganas, tetapi tangkap wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila gulung.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tangkap wang, cari wang, cari wang, cari makan, bukan untuk menjamin keselamatan di Pantai Timur tetapi mencari makan. Jadi, saya harap untuk menyelesaikan masalah ini saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab haruslah meletakkan jawatan dia.

Beberapa Ahli: Wah! [*Dewan riuh*]

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Kalau tidak, tiap-tiap tahun penculik macam ini akan berlaku lagi. Dia mesti bertanggungjawab, Yang Berhormat Menteri mesti bertanggungjawab. Biarkan Menteri baru untuk mengambil alih jawatan ini.

Seorang Ahli: Menteri baguslah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, cukup masa Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya memang harap kerajaan mempertimbangkan cadangan saya supaya Menteri yang bertanggungjawab letakkan jawatan dan biarkan orang yang lebih sesuai memegang jawatan ini supaya kes penculikan di Pantai Timur Sabah tidak akan berlaku lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Semporna.

4.46 ptg.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk saya berucap pada kali ini walaupun masanya agak singkat lima minit sahaja. Saya agak kesal kerana ini merupakan satu perkara yang amat menyentuh tentang keselamatan, kedaulatan negara kita. tidak mencukupi hanya kita bincang ataupun bahaskan sebagai satu usul.

Saya ingat sudah sampai waktu dia, *it must be a white paper on this issue*. Menyeluruh kerana kejadian ini bukanlah satu kejadian yang saya lihat ia merupakan kejadian yang sekali selepas itu tak timbul. Dari tahun 2012 sehingga tahun 2016, ada sembilan kejadian berlaku di Pantai Timur negara kita di negeri Sabah dan membabitkan bukan hanya hartanya, manusianya, nyawanya terkorban dan sebahagian besar yang terkorban di kawasan saya sendiri di Parlimen Semporna. Lebih daripada lapan orang yang meninggal dunia walaupun kejadiannya di Tandoan, di Silam tetapi yang banyak terkorban di kawasan saya dan yang berlaku pada hari ini juga ialah di kawasan pesisiran Pantai Timur di kawasan Parlimen Semporna yang bukan hanya membimbangkan saya.

Saya amat kesal, saya nyatakan. Perkara ini pun saya bangkitkan semasa saya menjadi Jemaah Menteri. *It cannot be taken for granted when there is a question on* dari segi kedaulatan negara kita, dari segi keselamatan negara kita. Kita perlu ambil tindakan dengan serius tentang perkara ini. Persoalan yang kita sebut tentang peralatan, perbelanjaan. *Enforcement of law is very crucial*. Ini mesti perintah berkurung. Sudah sampai ke kawasan perairan Tawau. Sudah enam jaminan petang ini *pi* dah. *Can you imagine*, ada setengah-setengah macam dulu kejadian, ada pelanggaran bot penumpang di kawasan saya. Berlaku di sebelah malam dan perintah berkurung. *How can it happened? It is a question of enforcement of law here. Involves a survival of the people. [Tepuk] For Malaysian.*

Jadi, saya berharap sungguh ya, saya ingat dari segi peralatan-peralatan ini, saya tahu kita ada belanja banyak. Saya tahu belanja banyak tak cukup. *But how effective you install the system*, dengan izin. Contohnya ada radar di Danawan itu. Ada radar yang kita ada simpan di Danawan. Kenapa ia tak berfungsi? *Why it was not detected* bila kejadian ini berlaku seumpama bila MH370 hilang, radar yang ada di Danawan. Saya tahu, *I was* Timbalan Menteri Pertahanan. Saya tahu kenapa tak dapat *detect* perkara ini. *[Tepuk]* Kita tak boleh hanya kata, *'there must be usul, kita perlu bincang'*. *This is one of the another case* yang berlaku ini. *It's not only embarrassing, it's not* dari segi sudut masyarakat nyawanya terkorban, kedaulatan negara dipersoalkan. Ini yang saya sebutkan.

■1650

Usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen Silam, saya ucap terima kasih banyak oleh kerana perkara ini cukup penting. Persoalan dari segi kerjasama dengan negara jiran kita. Kalau kita sanggup kerjasama dengan Angkatan Tentera Timur Tengah, hendak berbalah, hendak berperang dengan ISIS, *for Gods sake, this is our country. Our people comes first. [Tepuk]* Ini penting kepada kita. Kita boleh kerjasama. Takkan kita tidak boleh kerjasama dengan Kerajaan Filipina? *Enough is enough.* Perlu bagi kita untuk melahirkan kerjasama dengan Kerajaan Filipina. Pertanggungjawaban Kerajaan Filipina. Saya minta Kementerian Luar Negeri *discuss this thoroughly.* Kementerian Pertahanan.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Perkara ini bukan perkara yang kecil, yang perlu diambil penekanan dengan serius oleh pihak pemerintah kerana membabitkan nyawa manusia. Kita doakan agar empat orang daripada Sarawak itu, takkan ada kejadian membabitkan nyawa mereka. Saya bimbang. Saya bimbang kerana sebelum itu adapun sudah potong kepala dia.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Ya, Yang Berhormat Semporna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Semporna, setujukah bahawa bekerjasama dengan Kerajaan Filipina mungkin susah sebab Kerajaan Filipina masih menuntut Sabah dan itu juga adalah satu isu yang patut kita bincangkan dalam *white paper*. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya amat setuju kerana perkara ini sudah lama. Daripada semenjak negara kita merdeka, penubuhan Malaysia. Berbangkit tentang tuntutan Kerajaan Filipina. Ligitan, di mana tempat berlaku kejadian ini dan Sipadan. Masa saya bertugas di Kementerian Tanah dan Koperasi, waktu itu pada tahun 90-an. Kita heret negara jiran kita, Indonesia ke Mahkamah Antarabangsa kerana mereka menuntut bahawa Sipadan dan Ligitan merupakan tanah mereka dan *we won. The court case* yang ada di peringkat antarabangsa. Ini prinsipnya bagi kita untuk membolehkan kalau berbangkit. Kadang-kadang saya dengar suara bahawa *there's no question to be ask about* dari segi kedaulatan negara kita, persoalan tuntutan Sabah tetapi masih berbangkit seperti di Kongres di Filipina. Ahli Parlimen, Senator Filipina membangkitkan perkara ini. Sampai sekarang.

Why not once and for all, bawa sama ada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun Mahkamah Antarabangsa supaya padamkan, jangan generasi mendatang menghadapi masalah yang sama. Kita tidak mahu zuriat, anak-anak kita dan cucu kita berhadapan dengan masalah seperti tekanan yang diberikan kepada kita. Rakyat Malaysia, 'Oh, the state of Sabah belongs to us'. Sudah ada *commission* sudah. Sudah ada pungutan suara yang dilakukan pada tahun 60-an. Saya masih kecil pada masa itu. Saya hadir di Padang Pekan Daerah Semporna. *When people were asked by Cobbold Commission*. Kita hendak masuk kerana membentuk Malaysia tak? Kita hendak merdeka tak? Dipersoalkan dan dipertanya terhadap rakyat Malaysia yang berada di negeri Sabah.

Saya berharap sungguh persoalan tentang perkara ini seperti yang saya katakan kerjasama dengan Kerajaan Filipina bukan hanya tentang tuntutan, *but they must be responsible for this issue*. Bayangkan kalau rakyat Malaysia yang melanun, merompak, kita akan menjadi hambatan masyarakat antarabangsa. Kenapa ini negara jiran kita seakan-akan "*No, no, no, just put it aside. This is a small issue, because we still want to claim Sabah. Part and parcel of our country*". No, tidak boleh. *Once and for all* kita kena selesaikan masalah ini.

Peralatan, saya sebutkan tadi. Sistem yang ada. Seperti juga yang kita bincang tentang masalah undang-undang *drugs* tadi yang diperbahaskan. *Can you imagine?* Saya dengar. Ini orang kampung bukan seorang. Datang ke rumah saya. "*Dato' Seri, kami buat laporan, kami yang kena tangkap*". Saya bimbang kalau suara-suara seumpama ini, kalau seorang tidak apa. Saya ucap jutaan terima kasih kepada pasukan keselamatan sama ada polis ataupun tentera. Akan tetapi saya bukan hendak menuduh mana-mana pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang penting kepada kita, *the way forward*. Satu, *there must be a white paper on this issue*. Perlu kita lahirkan untuk bagaimana *once and for all* supaya nyawa manusia, kedaulatan negara jangan kita gadaikan. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Lima minit ya.

4.54 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin melontarkan pandangan saya berhubung dengan keselamatan sempadan negeri Sabah. Kerajaan memang fokus. Saya tahu, ke arah untuk memantapkan keselamatan persempadanan melalui ESSCOM dan kita telah diyakinkan oleh kerajaan bahawa sempadan yang dikawal ini selamat. Jadi, rata-rata rakyat Malaysia di Sabah amat yakin. Akan tetapi dalam keyakinan yang kita yakin itu, percaya itu, tiba-tiba berlaku lagi penculikan selepas dua bulan yang lalu. Memang benar. Sudah berapa kali kekerapan. Ia seolah-olah dirancang

dengan rapi dan baik. Persoalannya, rakyat Sabah tanya, di mana ESSCOM? Di mana penguat kuasa? Di mana wang berbilion-bilion yang diberi itu?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini perkara serius Yang Berhormat Shah Alam. Cukuplah Yang Berhormat Shah Alam berdemo di jalan raya. Jangan bawa di Dewan ini. Ini soal rakyat. Jangan memperlekehkan nyawa rakyat Malaysia di Sabah. *[Tepuk]* Kita berbincang soal nyawa. Yang Berhormat berbincang soal lain.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak ada peluang hendak bagi. Saya hendak teruskan. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tidak memperlekehkan. Tarik balik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tidak kenapa cakap begitu?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kerana betul. Duit yang berbilion-bilion. Duit rakyat ada dalam akaun Najib. Itu betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ajar ketamkah?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak dinafikan. Ia hakikat. Sepatutnya duit itulah yang digunakan untuk menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah, duduklah. Duduklah pengacau. Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan beli barang-barang masa dekat luar negara yang berjuta-juta. Cincin dan barang kemas. RM55 juta daripada...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada *class*. Duduklah!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Shah Alam, jangan ambil kesempatanlah Yang Berhormat Shah Alam. *This is not-* Yang Berhormat Shah Alam, jangan ambil kesempatan cari publisiti murahanlah. *This is not...*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mengapa tidak digunakan untuk menjaga keselamatan rakyat Sabah? Saya tidak anggap ini perkara main-main.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Shah Alam tidak menghormati rakyat Sabah kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak pandai berubah. Tidak tahulah. Tidak ada petunjuk langsung. Hendak kuasa pun agak-agaklah. Biarlah rakyat yang menilai. Tunggulah pilihan raya. Jangan hendak rampas kuasa orang macam ini. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Siapa hendak rampas kuasa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini semua tuduhan-tuduhan tidak berasas, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Rakyat sudah bosanlah tengok perangai macam ini. Tidak ada.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila Yang Berhormat Kinabatangan ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau *you* buat macam ini, pilihan raya rakyat tolak lagilah. Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal pokok.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pilihan raya Barisan Nasional yang kena tolak tahu? 52% yang menyokong kita. 48% sahaja yang undi Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduklah! Syok sendiri sahajalah. Bagaimana fungsi ESSCOM itu sendiri? Memberi jaminan bahawa jamin selamat tetapi dengan senang lenang, lapan orang penyamun, perompak daripada selatan Filipina. Dia seolah-olah macam *pickup* satu *team* yang mudah sahaja. Selepas itu dia minta *ransom* lah. Minta bayaranlah. Bayar, dua bulan dia akan culik lagi. Jadi, tidak ada makna, inti pati kita untuk mengawal keselamatan itu tidak ada. Saya juga dapat maklumat bahawa ESSCOM akan meminta untuk membina bangunan mereka di Beluran lebih kurang RM300 juta.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya meminta kerajaan...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak cukup masa, Yang Berhormat. Lagi dua minit sahaja, lagi dua minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak cukup masa.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sikit sahaja, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Melihat kembali perkara ini, lebih baik wang itu ditumpukan kepada *operational* ataupun untuk mencegah daripada kita di ceroboh lagi. Kebimbangan saya sebab dengan adanya pencerobohan demi pencerobohan, ia tidak ada jaminan langsung tentang keselamatan rakyat Malaysia di Sabah ini. Di Sandakan, di Kinabatangan. Bila-bila kita boleh kena tawan. Bila-bila kita boleh kena culik. Jadi, bayangkan kalau kita wakil rakyat ini kena culik, apa yang berlaku? Yang Berhormat Shah Alam sudah tentu ketawalah sebab dia mana ada simpati punya.

Jadi oleh kerana itu, saya juga ingin ESSCOM melihat masih ada lebih kurang 100 hingga 200 anggota ESSCOM ini yang tinggal di khemah. Tidak ada rumah. Sudahlah tinggal di khemah, tandasnya satu biji, dua biji. Satu buah, dua buah. Berebutlah. Ini seharusnya yang di fikir tetapi saya tidak tahulah. Yang Berhormat Menteri tolonglah. Turun tengok sebab saya dimaklumkan perkara ini memang berlaku.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan. Boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak cukup masa, Yang Berhormat?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju supaya *high time*, dengan izin, kerajaan untuk menghantar kapal perang dia ke sempadan Filipina. Oleh kerana saya difahamkan Kerajaan Indonesia telah menghantar lima buah kapal perang, dua jet pesawat untuk membebaskan sepuluh orang tahanan warga Indonesia yang sedang ditahan oleh Abu Sayyaf. Kedua, *high time* kerajaan untuk meminta kerjasama *United Nations* iaitu Filipina dan juga negara-negara lain untuk kita menyelesaikan kes ini seperti mana *United Nations* menyelesaikan kes di Somalia.

■1700

Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju jika kita tutup sempadan perairan kita dengan Filipina dan kita isytiharkan ia sebagai zon keselamatan supaya kita boleh tembak mana-mana kapal ataupun bot-bot yang masuk ke perairan kita sebagai satu jalan untuk memusnahkan *once and for all* kes-kes penculikan ini?

Ketiganya, saya fikir kapal selam yang ada di Sepanggar itu macam tidak berbaloi kerana kita menunggu perang untuk menggunakan kapal perang sedangkan rakyat kita...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Eh, berbaloilah, komisen sudah dapat. Mana tidak berbaloi, komisen sudah dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Sepanggar, masa Yang Berhormat Sepanggar.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Ini kerana saya berpendapat *high time* untuk kita menggunakan kapal selam ini sebagai kapal rondaan di sempadan kerana ia tidak dapat dilihat seperti mana yang berlaku di negara-negara yang mempunyai kapal selam. Kita tidak boleh lagi bertolak ansur dengan kumpulan Abu Sayyaf ini yang kita anggap sebagai pengganas. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Ya, saya gulung. Ada empat cadangan daripada Yang Berhormat Sepanggar dan saya nampak semuanya memang relevan. Kalau perlu kapal perang kita diletakkan di situ, tambahan pula di Semenanjung ini tiada perang yang kita hadapi untuk...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Kinabatangan, minta pandangan. Sibu sini.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Sudah habis masa.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sedikit sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Habis sudah masa, Yang Berhormat.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kalau masalah ini tidak diselesaikan, negeri Sabah akan jadi ATM *machine* kepada pengganas dari selatan Filipina? Adakah Yang Berhormat bersetuju? Ini kerana, kalau ini berlanjutan, memang lebih banyak pengganas akan datang untuk menculik orang Malaysia untuk mendapatkan tebusan.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Okey, Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya mencadangkan pada hari ini, gunakanlah apa juga kekuatan yang ada untuk memastikan bahawa keselamatan rakyat Malaysia di Sabah itu terjamin. Kita tidak mahu lagi berulang kali, berulang kali kita diberi jaminan bahawa keadaan terkawal tetapi tiada kawalan langsung. Jadi, rakyat ketawa dengan kita, masyarakat antarabangsa pun mempertikai kewibawaan kita. Negara Malaysia punya tahap itu sudah macam *down* sebab kita bila-bila boleh dibolosi oleh mana-mana pihak. Bukan dari tentera Filipina yang betul, dia cuma daripada pengganas yang membolosi keselamatan kita. Bayangkan kalau ada negara lain yang cuba menyerang kita. Apakah akan berlaku, Yang Berhormat?

Jadi oleh kerana itu, saya meminta kerajaan menggunakan apa juga kekuatan yang ada untuk memberhentikan aktiviti penculikan ini dan menjamin keselamatan rakyat Malaysia di Sabah seperti rakyat negara Malaysia di seluruh negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.04 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap termasuklah Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Kinabatangan dan juga pencelahan-pencelahan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Semua perkara yang telah ditimbulkan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Akan tetapi, saya tidak bersetuju dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sibu. Yang Berhormat Sibu telah bercakap bohong dalam Dewan ini yang mengatakan berbilion-bilion ringgit, dengan itu Menteri kena berhenti. Awaklah berhenti. Takkan saya hendak berhenti? *[Disampuk]* Saya marah sebab dia sebut seolah-olah rakyat tidak tahu. Rakyat sudah tahu perkataan juta dan juga bilion sekarang tetapi dia kata kita sudah bagi berbilion-bilion ringgit, selepas itu Menteri kena berhenti.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Bukan itu sahaja tetapi masalahnya setiap tahun pun berlaku.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Apa dia bilion? Apa benda yang berbilion itu, saya mahu tanya. Apa benda yang bilion itu?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Berbilion ringgit sudah dibelanjakan untuk menubuhkan ESSCOM ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Apa yang dibelanjakan berbilion ringgit? *You* sebut satu persatu.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, yang belanja berbilion ringgit itu ESSCOM, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ini perkataan bilion adalah satu pembohongan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: ESSCOM, ESSCOM.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat kalau mahu tanya saya, tidak mengapa tetapi kalau Yang Berhormat sebut bilion...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Boleh jelaskan berapa jumlah wang yang sudah dibelanjakan oleh kerajaan untuk ESSCOM pada tahun 2013 sampai sekarang, berapa sudah dibelanjakan? Sila beri penjelasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, itu Yang Berhormat kena tanya kepada saya. Sekarang ini saya bertanya kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat dapat angka bilion itu daripada mana? Berbilion-bilion ringgit kerajaan kena belanja, selepas itu kena berhenti. Yang Berhormatlah berhenti, bukan saya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Menteri, boleh? Menteri, sedikit Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya tidak belanja macam itu ya.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Menteri adalah orang yang bertanggungjawab. Setiap tahun ada perkara macam ini berlaku, bagaimana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Duduk sekejap.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Menteri, boleh sedikit?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya kasi peluang untuk Menteri menjelaskan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, sekarang saya hendak jelaskan tetapi saya hendak sebut supaya rakyat yang sedang memandangi ini tidak keliru bahawa perkataan berbilion, selepas itu suruh orang berhenti dengan benda mudah sahaja. Dengar dahulu fakta ini, Yang Berhormat. Yang Berhormat Sibu, dengar dahulu ya.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh Menteri, sedikit?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Bukit Katil, duduk dulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, masa untuk Usul 18(1) ini satu jam. Masa 30 minit untuk Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya kira banyak fakta yang Yang Berhormat Menteri hendak sebut.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Okey, banyak fakta yang akan saya timbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Selepas habis saya baca ini, Yang Berhormat boleh timbulkan, *no problem*. Akan tetapi, sebab saya terpaksa menyatakan di peringkat awal ini tentang Yang Berhormat Sibul, tentang kenyataan Yang Berhormat Sibul yang menyebut kita belanja berbilion-bilion tetapi tidak buat kerja, selepas itu suruh Menteri berhenti. Jadi saya terpaksa bagi penjelasan awal sebelum...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul]: Menteri mesti berhenti bukan kerana berbilion ringgit tetapi kerana tidak boleh menyelesaikan masalah macam ini. Setiap tahun berlaku, tahukah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena dengar fakta ini sebelum bercakap. Tahukah? *[Disampuk]* Ya Yang Berhormat Lenggong, ada apa? Tetapi Yang Berhormat Lenggong, bagi saya baca dahulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak, Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Sibul kena perincikanlah sebab apabila dia buat tuduhan macam itu, nanti persepsi rakyat akan buat pelbagai andaian. Jadi saya bersetuju Yang Berhormat Menteri, kalau betul Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Sibul perincikan, jangan main tuduh-tuduh. Itu yang saya maksudkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya setuju. Okey, terima kasih Yang Berhormat Lenggong, tepat sekali.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sibul, cukuplah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul]: Okey, jangan lari tajuk. Berikan penjelasan kepada perkara ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jangan tunjuk jari dekat saya. Awak duduk dan dengar sini.

Tuan Yang di-Pertua, fakta kes. Berikut merupakan fakta kes penculikan di perairan Pulau Ligitan, Semporna. Kejadian berlaku pada 1 April 2016 jam 6.15 petang berhampiran sempadan perairan Filipina-Malaysia. Sebuah kapal tunda MV MASFIVE 6 yang berlayar dari Manila menuju ke Tawau telah dirampas di luar perairan Pulau Ligitan Semporna oleh sekumpulan lelaki bersenjata. Terdapat 10 kru kapal pada waktu kejadian iaitu empat orang warganegara Malaysia— Wong Teck Kang, Wong Hung Sing, Wong Teck Chii dan Johnny Lau Jung Hien— tiga orang warganegara Myanmar dan tiga orang warganegara Indonesia. Hanya warganegara Malaysia sahaja yang ditahan manakala warganegara lain dilepas.

Berdasarkan siasatan, kru yang dilepaskan telah menyatakan penculik bercakap dalam bahasa Tagalog. ESSCOM telah menerima maklumat ini pada jam 8.30 malam. Kejadian berlaku pada jam 6.15 petang dan kita dapat maklumat ini 8.30 malam.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah segera yang diambil selepas insiden. ESSCOM telah mengambil tindakan segera iaitu membuat pengesahan dengan ejen *vessel* di Tawau. Kedua, mengatur gerak aset udara dari Pangkalan Tawau dan Sandakan iaitu Pangkalan Laut Tun Azizan ke lokasi kejadian dan melakukan pencarian sepanjang sempadan Timur Laut Pulau Ligitan. Ketiga, mengatur gerak bot-bot pemintas ke Timur Laut Ligitan dan meneruskan atur gerak aset udara dan aset laut sehingga sekarang bagi meneruskan usaha-usaha pencarian.

Modus operandi *Kidnap for Ransom Group* (KFRG) telah merubah sasaran kepada *vessel-vessel* yang bergerak perlahan atau yang mempunyai *low freeboard*. Ini jelas menunjukkan bahawa inisiatif pengukuhan keselamatan oleh ESSCOM di pusat peranginan, tempat-tempat tumpuan pelancongan, sangkar ikan dan laluan-laluan yang berisiko berkesan memaksa kumpulan *Kidnap for Ransom Group* ini mensasarkan *softer target* iaitu kapal dagang.

Tempat-tempat yang kita sebutkan sebagai tempat sasaran mereka pada masa yang lepas sekarang telah ditukar kepada tempat yang mereka rasa tidak ada kawalan yang—kawalan kita ketat tetapi kawalan yang mungkin jauh daripada kawasan yang kita bagi perhatian kerana melibatkan orang awam.

■1710

Inisiatif yang akan dilaksanakan sebelum kejadian ialah meningkatkan kewaspadaan pasukan keselamatan yang diatur gerak dengan diadakan satu mesyuarat khas keselamatan antara agensi pada 1 April 2015 yang dipengerusikan oleh Setiausaha Keselamatan negeri Sabah. Mengeluarkan *net tax* maklumat perkapalan di perairan ESSZONE oleh Jabatan Laut Sabah pada 1 April 2016 dengan memberi amaran kepada kapal-kapal yang melalui kawasan perairan ESSZONE mengambil langkah keselamatan tambahan ke atas kapal-kapal.

Yang berikutnya ialah mengadakan perolehan maklumat risikan di ESSZONE dan juga penyusunan semula atur gerak aset-aset di kawasan ESSZONE. Inisiatif yang dilaksanakan selepas kejadian mengadakan perbincangan dengan pengusaha-pengusaha *resort* di Semporna, mengadakan projek *meeting* bagi menentukan tindakan yang perlu diambil dalam masa terdekat dan mengemas kini SOP sedia ada. Memberi *routine advisory* kepada syarikat-syarikat yang menghubungi ESSCOM. Meningkatkan kewaspadaan di kawasan perairan ESSZONE.

Dengan itu kita telah mengesyorkan beberapa perkara berikut mewujudkan mekanisme kerjasama keselamatan antara Malaysia, Filipina dalam menangani isu-isu jenayah rentas sempadan melalui pewujudan *high level committee* atau *boarder committee*, menyelaraskan laluan di kawasan perairan ESSZONE di antara semua pihak yang berkaitan, mengenakan penangguhan sementara ke atas aktiviti *barter trade* dengan Filipina Selatan. Import daripada penangguhan mampu mewujudkan kesedaran. Penyelarasan laluan *vessel* di kawasan perairan ESSZONE antara semua agensi dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan.

Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah (JKKN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah mengadakan mesyuarat khas khususnya untuk membincangkan situasi di Timur Sabah. Mesyuarat ini telah diadakan pada jam 3.30 petang 4 April di Seri Gaya, Kota Kinabalu semalam. Mesyuarat ini telah memutuskan perkara-perkara berikut;

- (i) Bahawa semua aktiviti perniagaan, tukar barang atau *barter trade* di semua pelabuhan *barter trade* seluruh Sabah digantung atau dihentikan serta-merta secara sementara;
- (ii) Bahawa kesemua aktiviti perdagangan secara *transshipment* di kawasan ESSZONE termasuk perdagangan petroleum dan gas di gantung serta-merta secara sementara;
- (iii) Bahawa cadangan pelaksanaan feri penumpang antara Kudat dan Palawan Filipina ditangguhkan. Walaupun ini sepatutnya dijalankan akan dimulakan pada 1 Mei 2016 tetapi berdasarkan keadaan sekarang ditangguhkan;
- (iv) Bahawa tindakan penguatkuasaan sepenuhnya terhadap semua perkara yang menyalahi peraturan dalam aktiviti pelayaran, perdagangan akan dikuatkuasakan oleh semua agensi mengikut perundangan berkuat kuasa bagi semua agensi di Timur Sabah.
- (v) Bahawa pelaksanaan perintah berkurung akan berkuat kuasa sepenuhnya termasuk mengambil tindakan tegas kepada siapa sahaja ataupun bot-bot dan *vessel-vessel* yang melanggar arahan pihak berkuasa di ESSZONE. Tindakan-tindakan tegas ini akan telah dilaksanakan serta-merta untuk mengukuhkan keselamatan di Timur Sabah oleh semua agensi mengikut kuasa perlindungan semasa.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab apa yang persoalan yang telah ditimbulkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Saya hendak tanya di bawah peraturan mesyuarat ini apakah boleh saya menjawab beberapa perkara.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Menteri, boleh sedikit.

Tuan Manivannan a/I Gowindasamy [Kapar]: Menteri. Boleh, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, silakan Yang Berhormat Kinabatangan. Akan tetapi kalau sebut perkataan Menteri berhenti dan berbohong berbilion ringgit saya tidak akan benarkan. Faham tidak Yang Berhormat Sibuh?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tadi Menteri belum jawab lagi bagaimana untuk membanteras masalah pasukan keselamatan mengambil rasuah dan menyalahgunakan kuasa?

Tuan Manivannan a/I Gowindasamy [Kapar]: Menteri, boleh sambung?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Tidak ada tindakan daripada SPRM.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Sibu saya ucapkan terima kasih. Yang Berhormat Sibu sebut nama orang yang terlibat dalam rasuah. Kalau perlu Yang Berhormat cakapkan di luar sana dan menuduh bahawa orang ini ambil rasuah. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat ada bukti Yang Berhormat boleh maklum pada kita dan tanpa kita memberi maklumat kepada orang yang memberi rasuah tadi kita akan ambil tindakan macam-macam cara yang telah Parlimen cadangkan kita telah ambil tindakan. Kalau sekiranya berlaku rasuah Yang Berhormat boleh maklumkan bahawa orang ini mengambil rasuah. Kita tidak akan bagi tahu maklumat orang, tidak akan keluarkan maklumat orang yang memaklumkan bahawa kejadian rasuah berlaku.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Menteri, rasuah ini, tentang rasuah.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Kalau ambil rasuah tadi. Boleh kah melaporkan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi kalau Yang Berhormat ada bukti, dengarlah sini, hendak tanya seorang-oranglah. Bagi ikut peraturan sikit. Tidak ada disiplin langsung puak-puak ini, seorang-orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Semporna Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Sibu bila dah tanya soalan duduk saya akan jawab. Saya bagi tahu ESSCOM ditubuhkan untuk menghalang pencerobohan di peringkat awal. Bila berlaku kejadian di Tanduo kita menghalang pencerobohan dan pencerobohan tidak berlaku lagi yang berlaku sekarang ini ialah jenayah rentas sempadan seperti Yang Berhormat Silam sebut. Sekarang ini kita kena tangani dengan sebaik mungkin dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab – nanti saya jawab *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, tidak bolehlah macam ini Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Disampuk]* Sekarang ini ialah benda yang berlaku kapal yang lalu tadi ialah di luar radar Pulau Denawan. Radar ini *coverage* kita 37 kilometer dan kejadian yang berlaku di luar kawasan liputan radar Yang Berhormat. Yang Berhormat kena ambil angka itu barulah boleh kita sebut dan ini kita kena ingat bahawa orang yang cuba membuat penculikan ini dia cari jalan supaya di ruang yang boleh mereka dapatkan rakyat Malaysia yang ini – sekarang ini dia bukan ambil orang daripada Sabah tapi diambil orang daripada Sarawak. Kemungkinan sahaja di mana-mana sahaja krew yang lain dilepaskan. Yang Berhormat kena ingat bahawa soal keselamatan soal kita bersama. Rakyat Malaysia kena lihat kenapa rakyat Myanmar, kenapa rakyat Indonesia dilepaskan tapi rakyat Malaysia seolah-olah berharga tinggi kepada mereka.

Jadi ini perkara-perkara ini perlu ditangani bersama bukan kritik macam ini Yang Berhormat cukup habis begitu sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri, Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, yang lain duduk Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat Semporna.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Cuma saya hendak tanya sikit apa yang jawapan – boleh Tuan Yang di-Pertua dengan izin ya. Saya hendak tanya pasal jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung kait dengan pertamanya tadi radar ada disebut dia luar lingkungan radar yang ada. Itu kita letak di Pulau Denawan. Saya maklum tentang adanya radar tetapi kita sudah tahu bahawa *the borders of forest*, kawasan ini memang persempadannya cukup luas dan tidak ada tempat yang boleh di *cover* oleh radar ini.

Sepatutnya pihak yang berkuasa, saya sedar bahawa ini bukan di bawah jagaan pihak polis atau *marine police* yang kawasan jauh daripada Ligitan ini adalah di bawah tentera laut TLDM dan juga APMM. Dua badan yang di pertanggungjawaban tentang perkara ini dan kenapa perkara seumpama ini kita tidak tahu menahu secara terperinci dia. Laluan *vessel-vessel* seumpama ini bila kapal ini datang kapal ini milik daripada Miri dan dia ambil, saya difahamkan sama ada kayu balak ataupun arang batu saya tidak tahu *is yet to be justified* sama ada arang batu ataupun kayu balik. Sudah kita tahu benda ini akan dibawa ke negara Filipina tapi kita ada *stock* dari segi pengawalan dia. Laluan ini memang sudah kerap kejadian seperti apa yang Yang Berhormat Sibu sebutkan. Akan tetapi, kita beranggapan jaminan setiap kali berlaku jangan bimbang selamat keadaan ini dan beberapa kali saya cakap ini berbuih di Parlimen, berbuih dekat Kabinet seingat Yang Berhormat Menteri pun tahu bila saya bangkitkan tentang perkara ini.

Kedua, dari segi mengapa perkara ini berlaku di bawah, bila mana tadi jam enam sampai tidak tahu sudah perintah berkurung pun. Kita sudah tahu perintah berkurung masih berkuat kuasa di kawasan-kawasan ini, *and yet we allowed vessel to passed by. It's that because enforcement* yang kita gagal. Persoalan saya ingat *the cost is not so much* perdagangan dia yang melanun ini bukan orang berdagang. Saya hendak maklum yang melanun ini di beberapa pulau Sitangkai, Sibutu *all these areas* kawasan-kawasan *down south of Philippines* yang berhadapan dengan masalah sosial semenjak tahun 70-an bila *civil war* berlaku masa mungkin Marcos, *they were sidelined by the government of Philippines. This people are deprived* tidak ada kerja dia, yang *barter trade* ini orang yang berniaga tapi baiklah kalau sekiranya itu langkah.

■1720

Akan tetapi saya berharap Yang Berhormat Menteri, jangan bila berlaku kejadian seumpama ini, mesyuarat demi mesyuarat kita lakukan, *once and for all*. Ini kerana membabitkan nyawa manusia, kedaulatan negara kita, kita hendak memaparkan bahawa hari ini pelancong pun sudah bimbang, amaran surat akan diberikan. Saya berharap tidak akan berlaku sesuatu. Semasa saya menganjurkan beberapa program di kawasan itu pada 21 hari bulan – saya sudah mencadangkan banyak cadangan, saya sudah suarakan pertama daripada segi helikopter, penempatannya. Hendak diletakkan di Sandakan, bukan banyak sangat kejadian. Hendak letak helipad di Labuan, berapa kerap sangat di Labuan itu kejadian kes penculikan? Letaklah di Semporna.

Yang Berhormat tahu tidak, semasa saya menjadi Jemaah Menteri dalam senarai ESSCOM, Semporna pun tidak tersenarai sehingga saya suarakan perkara ini perlu dimasukkan kerana penjenayah merentasi sempadan ini bukan hanya menggunakan laluan ini sebagai kawasan penculikan, *drug smuggling, is so rampant in this area*. Anak-anak kita ini di kawasan itu, saya tahu saya Ahli Parlimen sudah lima penggal. Saya tahu kawasan ini anak-anak muda di situ berhadapan dengan masalah sosial *drug* dan *drug* ini datang bukan dari Semporna, datangnya bukan dari Lahad Datu atau Kinabatangan tetapi datangnya dari negara jiran. Kalau kita tidak membanteras keadaan ini, dadah ini dari negara jiran kita yang perlu dibanteras kerana ia membabitkan wang. Ini yang dia hendakkan, wang, *ransom. The moment you pay them, hopefully the life is, we can save* dia punya nyawa dia. Berapa kali kita hendak bayar? Sebagai satu perusahaan mereka. Itu yang saya katakan, *once and for all*.

Kerajaan kita perlu membanteras keadaan ini supaya Kerajaan Filipina perlu dipertanggungjawabkan, jangan hanya *by passing of discussion* di peringkat pimpinan atas antara pihak berkuasa Filipina dengan negara kita, *they must be... on this...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Julau bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sedikit tidak?

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]: Ya.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tidak Yang Berhormat Menteri, memandangkan Ahli Parlimen Lembah Pantai hubungan dia lebih baik dengan Jacel Kiram...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Mungkin kita minta dia untuk kita *delegate* kan dia berunding dengan Jacel Kiram melepaskan orang...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ini sangkaan jahat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab dia baik.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ini sangkaan jahat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: 'Hang pa' ni lari daripada topik ini Yang Berhormat Kinabatangan tetapi rujuk kepada jawatankuasa hak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta jasa baik dia.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada kena mengena langsung [Dewan riuh] ...sampai rakyat kata kerajaan merbahaya lagi baik serah kepada Yang Berhormat Lembah Pantai daripada beri kepada Kerajaan BN yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Apa yang jerit-jerit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat sekalian.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak minta Yang Berhormat bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: *[Menyampuk]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang Berhormat Menteri, soalan. *[Dewan riuh]*

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, jawablah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Pertama sekali saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat Semporna. Beberapa cadangan yang baik ini akan diambil tindakan serta-merta. Yang Berhormat menyebut tentang penempatan helikopter. Yang Berhormat, APMM hanya ada sebuah helikopter dan kita letakkan di Sandakan. Kalau sekiranya kita mendapat kebenaran untuk memindahkan helikopter ke Semporna, tidak ada masalah. Akan tetapi di Sandakan ini kita mempunyai segala kemudahan dan jarak untuk kita pergi ke Semporna dan juga dalam kawasan ESSCOM, boleh dikatakan ia di tengah-tengah, itu sebab kita meletakkannya di Sandakan. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat, saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya mencelah *I think it's enough*. Perkara ini kita sudah tahu, kes kejadian kerap...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Okey.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Di kawasan saya bukan di Sandakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya hendak beritahu kejadian ini, saya hendak beritahu...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: *I must tell you that we, the state government doesn't know much about what happen in that area.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, ini untuk kes khusus. Yang Berhormat dahulu kita pernah terjadi sekali pasal Orkim Harmony, selepas beberapa jam baru kita mendapat maklumat. Ini berlaku pada jam 6.15 Yang Berhormat, kita sudah maklumat jam 8.30 malam. Berlaku 8.30 malam, kita mengambil tindakan serta-merta padahal kawalan kapal-kapal – ada kapal-kapal aset kita yang ada berdekatan tetapi oleh sebab kita tidak mendapat maklumat – kita mendapat maklumat sudah sejam lebih dekat dua jam dan tindakan diambil serta-merta.

Yang Berhormat tahu bahawa pergerakan untuk bot ini digerakkan ke Filipina tidak sampai satu jam. Kadang-kadang sesetengah tempat, setengah jam.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi Yang Berhormat kena mengambil kira benda-benda ini ya.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Bukan tidak mengambil kira.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sebab orang yang...

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ... Yang Berhormat Menteri, risikan yang saya cadang. Risikan perlu dipertingkatkan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya masih ingat dahulu, *the first* insiden penculikan. Seorang pegawai polis berpangkat sarjan, Abdul Jawad nama dia. Saya bersekali dengan Tuan Yang di-Pertua, dihantar oleh Tun Mahathir ke Filipina, *that guy also been kidnapped in Philippine, we went there to nego* dengan Estrada, menteri pertahanannya dan kita maklumkan kita mampu membawa orang yang diculik di situ hidup dan sekarang Abdul Jawad, ketua cawangan di bahagian saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Okey.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ... *But involvement of people who knows better must be intensified*, ini penting.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat beberapa cadangan ini kita akan ambil tindakan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sekarang ini saya hendak maklumkan supaya kita nampak di sini bahawa penculikan ini berlaku dalam pelbagai perkara...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat ini melibatkan *tugboat* di laut dan kita tidak tahu apa akan terjadi pada masa akan datang. Kalau kita mendapat maklumat serta-merta, kita akan mengambil tindakan. Oleh sebab maklumat lambat disampaikan oleh kapal-kapal dagang ini, ini masalah yang kita hadapi.

Kedua, kita menyebut penculikan di kawasan pelancongan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: ...Pelancongan di sangkar ikan. Jadi pendekatan kita ini pelbagai.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tetapi yang ini khusus ialah yang melibatkan kapal dagang dan kalau kita hendak membincangkan tajuk ini, kita beritahu bahawa ini dia kedudukannya, benda itu sudah berlaku jam 6.15, kita mendapat maklumat jam 8.30. Walau bagaimanapun, kita bersimpati dengan keluarga dan kita akan mencuba yang terbaik...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini bukan soal simpati..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: ...Untuk membela...

- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ...Mereka...
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri kena mengakui...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini Yang Berhormat Shah Alam...
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...*You have failed.*
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Shah Alam...
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan telah gagal, ini bukan kali pertama, sudah berkali-kali isu ini telah ditimbulkan. *Don't give us any more excuses.*
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Shah Alam.
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan memberikan alasan lagi.
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Shah Alam...
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Terima hakikat...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Shah Alam...
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Shah Alam...
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Telah gagal untuk menjaga keselamatan rakyat.
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini...
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...sibuk berfoya-foya.
- Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sibu sokong.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini sudah apa ini?
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Apa ini?
- Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Shah Alam telah gagal sebagai seorang Ahli Parlimen, bangun tanpa minta kebenaran. Ini Parlimen apa? Parlimen *Timbuktu* kah?
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kegagalan itu agak kecil berbanding dengan kegagalan Kerajaan Barisan Nasional menjaga nyawa rakyat.
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat mencuri...
- Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Menyampuk masa saya.
- Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *If this was the first time* saya boleh maafkan, *if this is the second time* saya boleh maafkan. Tetapi ini sudah berkali-kali...
- Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Memberikan alasan. Satu alasan demi satu alasan, demi satu alasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Heh ini..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Akui...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Heh Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ... *You are failed.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ini...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akui...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Dengar sini, heh Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta maaf dengan rakyat Malaysia... Bukan sekadar simpati.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Shah Alam mencelah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ... *You have failed.*

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...Saya pun hendak mencelah juga.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ... *The government have failed.*

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Kalau Yang Berhormat Shah Alam dibiarkan mencelah, saya pun mahu mencelah juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Mencelahlah, mencelahlah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akui...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Mencelahlah, mencelah. Yang Berhormat Sepanggar yang terbaik. Kalau puak-puak di sana, saya belum memberikan kebenaran sudah bercakap. Itu pencuri! Perampok!

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa sebenarnya tindakan pihak keselamatan kita seperti ESSCOM, TLDM dan sebagainya amat berkesan kerana ini terbukti bahawa lanun-lanun ini, Abu Sayaff ini telah menukarkan haluan mereka daripada melanun, menculik di darat sekarang ini di tengah-tengah laut? Jadi ini bermakna apa yang perlu ialah sistem perisikan kita di mana kita kena menempatkan di kedutaan kita di Filipina dan juga di Mindanao, *intelligent* kita supaya kita mendapat *advance information* daripada pihak sebelah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepanggar, cukuplah.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...Dan apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju kalau saya katakan ini sebahagian daripada dendam kerana apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepanggar...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...Bakal Sultan Sulu, Datu Amir Bahar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepanggar...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...Telah pun ditahan di penjara di Sabah.

Seorang Ahli: [Menyampuk] Tetapi Sulu komander...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...Mereka mengganas ini untuk membalas dendam. Apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sepanggar ini, mereka bercakap dalam bahasa sempurna, dengan cara yang tertib dan fakta yang betul sebab mereka bersempadan dengan laut. Yang Berhormat Shah Alam ini, laut mana yang ada? Cakap pasal ini. Kita kena lihat...

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Menteri

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, dengar sini ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, dengar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Lanun-lanun sekarang ini telah gagal untuk menculik di tempat-tempat biasa. Pelancongan, di sangkar ikan, di darat sekarang '*depa*' beralih kepada kawasan yang kalau berlaku pergerakan pun mengambil masa.

■1730

Contohnya untuk kita bergerak dari satu tempat ke satu tempat di dalam laut ia agak mengambil masa. Jadi dia cari tempat yang dia rasa *target* yang lebih mudah untuk mereka menculik. Jadi ini menunjukkan bahawa tindakan yang kita ambil sekarang ini berjaya dan tindakan yang berikut yang sewajarnya ialah semua sekali kapal-kapal dagang harus memaklumkan kepada kita serta merta, dia cuma tekan butang sahaja dan kita akan mendapat maklumat dan kita akan bertindak serta merta.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah 5.30 Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali anggota keselamatan kita bersabung nyawa mempertahankan negara. Macam ini kah bahasa digunakan untuk berterima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita faham. Kita tidak menyalahkan anggota keselamatan. Kita salahkan kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat, Menteri. Cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:...Sokongan yang mana sepatutnya. *This is the test.* Kalau ini diiktiraf sebagai satu kejayaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Menteri masa sudah cukup Yang Berhormat, sila duduk. Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri dan semua Yang Berhormat.

Saya persilakan Yang Berhormat Batu untuk menyambung ucapan. Selesai sudah 18(1) ya. 5 minit ya Yang Berhormat.

5.31 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, satu dengan apa yang kita hendak bahaskan adalah satu perkara yang sangat serius ia berkaitan dengan kredibiliti kerajaan yang sebenarnya kerajaan janji adalah hapuskan *mandatory death sentence* tapi akhirnya kita mengukuhkan satu undang-undang yang dianggap sebagai *anti human rights* yang bertentangan dengan perlembagaan dan bertentangan dengan hak asasi manusia.

Saya hendak ingatkan Dewan ini bagaimana undang-undang ini ditubuhkan. Kita ada *Dangerous Drug Act 1952* yang memberi kuasa untuk gantung sampai mati. Sudah tentu dalam tahun 80-an kita sedar bahawa gantung dengan kematian itu tidak berkesan. Kita masih ingat itu zaman Tun Mahathir, yang kita warisi, ini *legacy* yang saya menentang tetapi ada pula orang yang sokong pada waktu itu, ialah menggunakan apa yang di anggap sebagai *though law* untuk berperang dengan masalah dadah. Waktu itu juga kita ingat gantung sampai mati dengan *mandatory death sentence* ini juga mencetuskan masalah diplomatik, kita masih ingat Barlow yang Australia yang kena gantung itu yang menyebabkan kita meluluskan undang-undang ini yang merupakan langkah-langkah khas.

Langkah-langkah khas ini undang-undang ini bersama dengan EO, dengan ISA adalah dianggap sebagai *preventive detention*. Bila *preventive detention* digunakan bermaksud ia bertentangan dengan sesuatu yang sangat *basic* dalam Perlembagaan kita iaitu kita mempunyai hak untuk dibicarakan. *Sunset clause* itu jelas menyatakan perang menentang dadah ini harus diselesaikan dalam lima tahun dan perlu melaporkan kepada Parlimen ini apakah *progress* perang ini. Kita telah saksikan enam kali dewan telah *renew* akta ini dan membenarkan kerajaan berterusan dengan langkah-langkah yang telah bertentangan dengan hak asasi dan juga perlembagaan.

Pada kali ketujuh, kita datang pula hapuskan *sunset clause* ini. Ini bermaksud kerajaan datang ke sini, maksudnya *surrender* lah kata sudah kalah untuk berperang. Kita tidak mungkin berperang dengan dadah selama-lamanya. Maksudnya dengan langkah-langkah ini juga kita tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah dan kita patut, saya setuju dengan rakan-rakan yang lain termasuk Yang Berhormat Bagan Serai dan lain-lain mengatakan kita harus *evaluate* kenapa pengguna dadah ini makin banyak dan tidak berkurangan.

Itulah sebab saya pada satu ketika kita menyokong apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat Pekan, transformasi ini hapuskan EO, hapuskan ISA dan yang tidak kita hapuskan, yang belum kita hapuskan ialah *preventive detention* di bawah akta DDA ini. Saya rasa kita harus

ingat kalau kita katakan yang dahulu itu maha zalim, kalau kita hapuskan *sunset clause* ini menjadilah lebih teruk daripada maha zalim. Sebab waktu itu kita sedar bahawa *this is* kezaliman *and it cannot be continue*. Sekarang ini kita *recognize* kita tidak boleh benarkan.

Saya hendak sentuh satu perkara sahaja, selalu kita kata kita harus menghapuskan dadah ini bersama dengan latihan, dengan meningkatkan akhlak dan juga mengurangkan rasuah. Maaf kalau saya cakap adakah undang-undang ini adakah kita kaji sama ada ianya menjadi punca rasuah. Bila kita memberi pegawai polis yang menentukan, bukan hakim yang menentukan nasib seseorang itu didenda, dipenjarakan tanpa melalui kehakiman. Ini yang menjadikan dadah ini tidak dapat dihapuskan dan masalah penyelewengan ini berterusan. Inilah sebab saya juga ingin tolak pindaan yang telah dikatakan boleh mengarah kepada mana-mana anggota polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan.

Kalau kita kembali kepada EO, *Emergency Ordinance* atau ISA seseorang yang merakam itu harus lebih tinggi daripada inspektor. Ini bukan kerana kita hendak tambah tidak percaya kepada pegawai bawahan, ini adalah kerana perkara ini serius dan bila kita hendak membuat keputusan untuk menafikan hak seseorang itu selama dua tahun hilang kebebasan kita tidak boleh bergantung kepada rakaman percakapan yang hanya setakat sarjan sahaja, inspektor itu adalah *general practice*, kenapa kita turunkan kepada sarjan. Ini bagi saya adalah *recipe for disaster*, ia akan memperbanyakkan lagi rasuah.

Akhir sekali saya hendak tegaskan dan ingin dapatkan bila kita lakukan perintah tahanan dua tahun tanpa melalui sistem kehakiman, selalu kita buat kesilapan. Saya ingin dapat penjelasan daripada Menteri berapa *court case* yang kita kalah sebab orang *sue* kerajaan setelah *wrongly for lonely detention*. Di antara orang yang dakwa kepada kerajaan ramai yang tidak kemampuan, datang daripada golongan yang miskin, yang bukan jenayah besar dan apakah cara yang patut kita fikirkan, apakah cara *remedy* supaya kita selesaikan untuk memberi keadilan kepada mereka-mereka yang tidak ada suara.

Dengan itu saya sekali lagi tegaskan seorang Menteri yang saya hormat dan Timbalan Menteri yang selalu sebelum menjadi Timbalan Menteri selalu cakap tentang hak asasi manusia, selalu sepentas dengan saya, saya telah berjuang dalam NGO pun lama untuk bertentang dengan *detention without trial* ini. Dan ini salah satu yang masih memalukan negara kita dengan satu undang-undang yang bertentangan dengan Perlembagaan. Saya harap Menteri, Timbalan Menteri dalam kuasanya untuk memberi kebaikan.

Akhir sekali, saya juga ingin tanya bila yang lebih *urgent* lagi sebab Padang Rengas pada suatu ketika bila dia *Minister of law* pernah janjikan hukuman mati di bawah DDA ini secara mandatori itu dihapuskan. Sepatutnya ia menjadi *priority* dan kita patut bahas itu dahulu dan kalau kita berterusan ini menghapuskan *sunset clause* ini sebenarnya kerajaan telah hilang kredibiliti kerana kerajaan telah janji kepada Parlimen dan dunia, dan wakil negara ini itu adalah satu *masher* yang *extra ordinary* yang harus digunakan dengan was-was. Akan tetapi sekarang ini kita datang untuk meminta dewan ini memberi satu *blank cheque* kepada kerajaan. Sekian Terima kasih.

■1740

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.41 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 14 orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada pertanyaan tadi adalah berkisar kepada akta-akta lain dan bukan khusus kepada akta yang dipinda pada hari ini. Memandangkan kita dalam Mesyuarat Jawatankuasa, perkara-perkara seperti... [Disampuk] Ya, sabarlah. Oleh sebab memandangkan perkara ini lebih kurang menyentuh kepada Akta Berbahaya 1992 seperti hukuman mati mandatori ini, tidak perlu saya hendak jawab lebih panjanglah kerana ia bukan perkara yang kita bincangkan pada hari ini.

Tanya soal daripada Yang Berhormat Batu tadi sama ada akta ini— hukuman mati mandatori ini akan dipinda, itu masih lagi dalam perbincangan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, perundangan sahaja tidak mencukupi untuk mengatasi masalah ancaman pendedaran dadah, terutamanya Akta Dadah Berbahaya 1952 yang telah memperuntukkan hukuman mati mandatori di bawah seksyen 39B. Walaupun hukuman ini amat berat tetapi ia masih tidak mendapat pengajaran kepada pengedar-pengedar dadah kerana pengedar dadah ini telah menggunakan konco-konconya untuk membuat pendedaran dan penjualan dadah. Ada pesalah dadah yang dituduh di mahkamah dan disabitkan dengan kesalahan hukuman penjara. Selepas mereka dibebaskan tetapi mereka masih lagi kembali kepada pendedaran dadah kerana ia menjanjikan keuntungan yang lumayan.

Masalah mengenai mendapatkan *conviction* dalam mahkamah juga ialah berkenaan dengan sifat undang-undang itu sendiri iaitu *possession*, maknanya pemilikan dadah itu mesti ada pada tubuh badan. Jadi, kalau hendak tangkap *kingpin* susah kerana kalau dia menggunakan konco-konconya yang akan membawa dadah tersebut. Kalau tangkap konco pun, kalau dadah tersebut tidak berada di atas badan pesalah tersebut, itu pun boleh menimbulkan syak dalam mahkamah yang menyebabkan mereka boleh dibebaskan. Jadi, sebelum sampai ke peringkat mahkamah yang mempunyai masalah-masalah yang tertentu sebab itu kita lebih menumpukan kepada undang-undang pencegahan seperti Akta Antidadah ini, LLPK ini yang digunakan bagi menangkap pengedar-pengedar dadah tersebut jika mereka disyaki terlibat dalam aktiviti tersebut.

Jadi, di bawah undang-undang ini polis akan mengambil keterangan saksi untuk membuka kes fail dan saksi-saksi ini akan dipanggil semula oleh pegawai siasatan KDN untuk memastikan keterangan mereka tepat dan betul. Ini merupakan satu proses lindung jamin yang terdapat dalam akta ini sendiri yang telah dipraktikkan selama 30 tahun ini. Akta ini akan juga

digunakan untuk menangkap pengedar-pengedar dadah yang terlibat di belakang tabir, yang tidak dapat dituduh di mahkamah.

Kebelakangan ini terdapat pengedaran dadah yang melebarkan sayapnya ke luar negara dengan berpakej penggunaan senjata api dan ugutan. Ini perkembangan yang terbaru ya, yang tidak hadir 30 tahun dahulu waktu akta ini digubal. Golongan ini akan ditangkap di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) kerana melibatkan jenayah terancang. Jadi, aktiviti pengedaran dan juga penyeludupan dadah ini banyak terlibat dengan jenayah terancang. Jadi, untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, walau apa pun tindakan perundangan diambil ke atas pengedar dadah, mereka masih akan meneruskan aktiviti mereka kerana perniagaan pengedaran dadah ini menjanjikan pulangan perniagaan yang amat lumayan. Oleh sebab itu KDN mengakui bahawa masalah dadah ini memang susah untuk dibanteras dan ia juga merupakan masalah...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi saya habis dahulu. Ia merupakan masalah yang dihadapi oleh semua kerajaan dalam dunia. Boleh dikatakan bahawa pencapaian Kerajaan Malaysia dalam membanteras dadah ini mempunyai kejayaan yang boleh dibanggakan berbanding dengan negara lain seperti di Barat. Seperti Amerika Syarikat dan sebagainya yang sudah mula untuk menghalalkan *soft drugs*. *Soft drugs* iaitu dadah yang mempunyai kesan yang lembut seperti marijuana, ganja dan sebagainya.

Akan tetapi kita juga kita harus maklum bahawa penagih dadah, dia bermula dengan *soft drugs*. Selepas itu apabila kesan daripada *soft drugs* sudah tidak kuat lagi, mereka akan pindah kepada *hard drugs*. Jadi, nampak ia punya ketagihan itu akan beransur kepada dadah yang lebih berat. Jadi, kalau kita hendak mengamalkan dasar untuk *legalize*, untuk menghalalkan dadah yang bersifat lembut ini juga ia tidak akan membawa kepada kesan jangka panjang yang boleh membanteras penyeludupan dan penggunaan dadah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun. Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan apa yang dinyatakan, tahniah pada tahap ini berkenaan dengan langkah-langkah kerajaan. Memandangkan akta ini adalah bersifat pencegahan. *It is preemptive and its purpose*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk mencegah dan sebagainya. Adakah kementerian ada apa-apa niat untuk— *to tackle the issue, the growing issue of foreigners that are coming in to Malaysia today?*

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada kita semua tahu sebagai peguam yang beramal dalam bidang ini, kita tahu juga ada banyak kes yang melibatkan warganegara-warganegara asing, terutamanya daripada warga Afrika seperti Nigeria juga dari *Middle East* seperti Iran dan sebagainya yang kebanyakan mereka datang sini sebagai *mule*. Sudah kita tahu bahawa modus operandi mereka yang ditangkap di lapangan terbang adalah semua sama. *In some*

circumstances, what are the steps that are taken by the government to prevent such incidences from happening in the future?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor, itu satu soalan yang baik tetapi itu pun terkeluar daripada undang-undang yang kita sedang bincangkan pada hari ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sabarlah, bagi saya habis dahulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Kingpin, kingpin.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya. Antara langkah-langkah yang di pihak kita, KDN buat adalah:

- (i) untuk memastikan bahawa anasir yang tidak baik ini tidak masuk dalam negara kita iaitu menggunakan larangan imigresen;
- (ii) mengadakan hubungan yang baik dengan pihak polis di negara-negara lain supaya kita bertukar maklumat dengan mereka. Supaya kita dapat tahu, dapat mengenal pasti sesiapa yang terlibat dalam aktiviti- orang asing terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah di negara kita dapat dikenal pasti dengan cepat dan dikesan;
- (iii) saya tadi tertarik dengan Yang Berhormat Pokok Sena yang mengatakan bahawa pihak polis tidak bertindak dalam kes dadah ini. Sebenarnya pihak polis ada pasukan *task force* yang bernama STING, *Special Task for on-* saya pun sudah lupa, panjang nama dia. *[Disampuk]* Yalah, fahamlah ya? STING, sejak akhir-akhir ini telah berjaya untuk menumpaskan banyak sindiket pengedaran dadah dan merampas sejumlah kuantiti dadah yang besar dan juga mempunyai nilai tinggi.

Jadi, pihak polis ada melaksanakan langkah-langkah dan terutamanya STING ini ia punya objektif ini adalah untuk mengatasi masalah kononnya ada rasuah dalam pihak polis di peringkat bawah. Jadi, ada *task force* di peringkat atas yang bertindak secara berdikari untuk menjalankan aktiviti membanteras dadah. Sudah jelas sejak akhir-akhir ini terdapat kejayaan daripada segi menumpaskan sindiket dadah yang besar. Kita juga maklum bahawa sindiket dadah sekarang ini ia bersifat antarabangsa, di mana rangkaianannya berada di semua negara di Asian.

Malaysia juga merupakan tempat yang menarik untuk sindiket ini membuat dadah dan sekarang ini dadah sintetik ini begitu senang untuk dibuat. Ia cuma perlu ada *precursor*, inti pati dadah tersebut yang boleh diimport ke dalam negara. Selepas itu, tukang bancuhnya akan diimport daripada negara-negara yang lebih *advance* daripada Malaysia untuk membuat dadah ini. Mereka akan datang ke sini untuk satu tempoh seminggu dua, kerja dia bancuh dadah untuk dibuat di Malaysia dan selepas itu diedarkan ke negara-negara lain di Asia ini, di Asia Tenggara minta maaf.

■1750

Jadi, sebab itu pihak Kementerian Dalam Negeri memang perlukan atau memang pasti bahawa pindaan pada hari ini akan memberikan ruang yang kecil bagi pengedar-pengedar dadah ini untuk dilepaskan. Ini kerana mereka boleh menggunakan pelbagai taktik untuk mengelakkan daripada dihadapkan di mahkamah. Satu, kerana saksi pun selalunya kurang bekerjasama kerana takut nyawa mereka dan sebagainya. Kedua, kalau kita tidak membuat sesuatu untuk membanteras pengedar kecil, pengguna dan akhirnya menjadi pengedar kecil ini di peringkat bawah, *networknya*, bahawa kita tidak akan boleh menumpaskan sindiket yang lebih besar di peringkat antarabangsa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Batu bangun. Yang mana satu, Yang Berhormat?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Puchong dululah. Nak gaduh dulu.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima dengan baik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan hasrat KDN untuk membanteras masalah dadah ini.

Kita berbalik kepada rang undang-undang ini di mana satu daripada perkara yang diminta adalah supaya kita keluarkan keperluan untuk Dewan yang mulia ini untuk meningkatkan atau melanjutkan keberkesanan undang-undang ini untuk tempoh setiap lima tahun dan untuk menjadikan ia *permanent*. Itu menjadi soalan saya.

Kalau kita hendak menjadikan ia *permanent* Yang Berhormat Timbalan Menteri, berbalik kepada soalan saya tadi yang berkaitan dengan masalah-masalah di dalam pusat rawatan ataupun di dalam *rehabilitation center* dengan izin, di mana saya sebut tadi— boleh saya tanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah secara sendiri pergi ke pusat-pusat sedemikian? Apakah yang dilakukan di situ untuk mengatakan kita *rehabilitate* mereka-mereka di situ? Juga, adakah Yang Berhormat Menteri sedar berkenaan dengan fakta seperti mana saya sebutkan tadi, ada banyak *kingpin* yang ditahan di situ dan oleh sebab tidak ada apa-apa yang berlaku di situ, mereka dibiarkan bersama sahaja, maka di *rehabilitation centers itself become a breeding spot for even more person to relate themselves to drug trafficking activities when they are release*. Itu satu.

Nombor dua berkenaan pegawai-pegawai dalam pusat tahanan tersebut yang juga terlibat dengan dadah dan apakah tindakan yang telah pun diambil terhadap mereka? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Mengenai dakwaan Yang Berhormat Puchong bahawa berlakunya sindiket yang dibentuk dalam pusat serenti tersebut, saya belum lagi dapat apa-apa maklumat berkenaan dengan perkara tersebut.

Ingin saya maklumkan di sini bahawa tiap-tiap pusat serenti adalah dimonitor, dikawal selia secara rapi. Segala tindak tanduk tahanan dipantau dan tidak mudah untuk mereka untuk

hendak *bercongregate* dalam pusat pemulihan tersebut untuk membuat aktiviti-aktiviti yang seperti Yang Berhormat sebut tadi.

Saya sendiri telah melawat penjara tetapi saya belum lagi berpeluang melawat pusat pemulihan yang berada di Simpang Renggam atau pun di Machang. Tetapi *insya-Allah*, dalam tempoh terdekat ini, didorong oleh dakwaan Yang Berhormat tadi, saya akan melakukan lawatan mengejut ke pusat-pusat di Machang dan juga di Simpang Renggam ini.

Saya juga hendak maklumkan di sini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak hendak bagi saya habiskan dulu? Kita layan satu sama satu dulu. Yang Berhormat Puchong dulu.

Tadi Yang Berhormat ada bertanya kepada saya apakah program pemulihan yang ada di PPA, pusat pemulihan. Yang Berhormat tadi begitu yakin tadi bahawa tidak ada aktiviti ataupun tidak ada program yang dijalankan di pusat pemulihan tersebut.

Saya hendak maklumkan di sini bahawa dalam tahanan, seseorang itu dikehendaki untuk mengikuti pelbagai program pemulihan seperti Program Pembangunan Insan, Terapi Keluarga termasuk program dari NGO. Di penghujung tahanan tersebut, tahanan akan dinilai oleh Lembaga Penasihat. Jadual dan program yang diikuti adalah seperti jadual ini... [*Sambil menunjukkan dokumen*] Ada. Ini baru satu modul sahaja yang dikenakan kepada mereka yang ditahan. Tak payahlah saya hendak sebut. Kalau Yang Berhormat hendak ini, selepas ini saya akan bagi kepada Yang Berhormat lah jadual tersebut ya.

Program ini khusus kepada pembinaan insan. Maknanya, tujuan kita di pusat pemulihan ini adalah untuk memulihkan mereka, bukan menghukum mereka. Untuk saya, **LLPK** ini mempunyai kelebihan di mana mereka yang ditahan diberi peluang untuk dipulihkan sepenuhnya. Okey.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih. Saya hendak kembalikan isu tadi yang juga Yang Berhormat Puchong sentuh sikit iaitu bila kerajaan kembali kepada Dewan ini, patutnya kita dapat satu laporan penilaian bagaimana undang-undang ini berkesan untuk menangani masalah pengedaran dadah ini. Selama ini, ini kali ketujuh yang kita sepatutnya bincang dan akhirnya yang diminta ialah untuk menghapuskan *sunset clause* ini. Kalau undang-undang itu betul-betul berkesan, maksudnya kerajaan boleh menunjukkan rekodnya kepada Dewan ini, menunjukkan sebenarnya dengan tidak melalui kehakiman, kita telah berjaya mengurangkan pengedaran dadah ini. Kalau dia tetap meningkat, *then* maksudnya ada sesuatu yang kita harus baiki.

Saya ingin tanya, sama ada kementerian anggap berterusan untuk menafikan hak seseorang itu dibicarakan adalah cara yang *permanent*, adalah cara yang kita boleh selesaikan masalah? Kalau tidak, sama ada, ada cadangan yang lain supaya kita mempertingkatkan cara kita mendakwa supaya pengedar yang betul-betul telah melakukan jenayah ini dapat dihukum dengan keputusan hakim yang sewajarnya? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Berkenaan dengan *sunset clause* ini, saya hendak maklumkan di sini bahawa akta ini sudah enam kali melalui pelanjutan di Dewan yang mulia ini. Dan saya hendak maklumkan di sini bahawa tiada sebarang penyalahgunaan oleh pihak yang terlibat semasa akta ini berkuat kuasa.

Sebagai satu contoh kejayaan program ini— ini juga menjawab soalan daripada Yang Berhormat Puchong iaitu apakah keberkesanan undang-undang pencegahan dalam menangani isu pengedaran dadah. Dari segi statistik, sepanjang tahun 2011 hingga 2015, daripada 3,626 kes yang dikenakan perintah tahanan, hanya 80 kes sahaja yang menunjukkan kes yang berulang. Ini mewakili 2.21 peratus sahaja daripada keseluruhan kes yang merupakan kadar *recidivist* manakala yang berjaya adalah 97.8 peratus. Jadi dalam isu ini, jelas bahawa mereka yang kembali semula ke tahanan ini kerana mengulangi tabiat dadah mereka memang pada kadar yang begitu rendah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, minta sedikit. *Just on that* statistik. Saya agak kita tidak boleh ambil segmen itu sebagai *measure*. Maksud saya, semasa undang-undang ini diluluskan pada tahun 1985, dikata oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu, *we have 500,000 drug user*. So kita harus tahu secara total sama ada *drug user* di kalangan masyarakat kita berkurangan atau tidak. Yang dikatakan tidak berulang, sebab tidak melalui pendakwaan. Mungkin *from the first round* dia kena tangkap pun dia bukan penjenayah. So, dia tidak berulang. Mungkin dia memang *wrongly accused, wrongly detained*. So kita tidak tahu.

Setakat ini, Yang Berhormat Menteri pun tidak boleh buktikan dan saya pun tak berani kata betul atau tidak. Cuma saya rasa kalau yang kena tangkap ini hanya 80 kes sahaja yang berulang, mungkin daripada yang beribu-ribu yang kita tangkap, hanya 80 yang betul-betul kita tangkap orang yang bersalah. Akan tetapi kita tidak boleh buktikan masalah ini, maksud saya ialah kerajaan perlu cara penilaian yang lebih sofistikated daripada angka yang diberi tadi.

■1800

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh saya sambung isu yang sama.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tadikan daripada awal saya sudah cakap setiap tahanan melalui program LLPK ini dia ada prosedur dia bukan mudah sahaja untuk dia, orang itu dituduh selepas itu ditahan. Ya, tadi saya sebutkan tadi dia ada pegawai penyiasat, selepas itu KDN akan hantar pegawai untuk *check* sama ada kertas kerja pegawai penyiasat itu munasabah atau tidak, selepas itu baru dikemukakan kepada lembaga dan lembaga kemukakan kepada menteri. Saya sudah banyak *sign* perkara ini.

Akan tetapi jumlah dia kita tengok ya. Jumlah dia 3,628 orang dalam masa tempoh 4 tahun. Jadi maknanya kita menjalankan siasatan yang rapi dan pasti mereka ini terlibat dalam aktiviti dadah selepas itu baru kita tahan mereka.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: *[Bangun]*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ini satu tanggungjawab yang saya pikul yang saya sendiri mengambil berat. Bukan sahaja saya hendak *sign* apa-apa mengikut perkara-perkara

yang tidak betul ya. Jadi 80 kes saya sebut tadi adalah 80 orang yang kembali semula dalam aktiviti dadah, daripada 3,628 orang tadi. Soal jumlah penagih dadah itu, itu kita belum lagi pasti jumlah keseluruhan yang sebenarnya tetapi apa yang hasil daripada orang yang ditangkap yang melalui sistem LLPK ini kita tahu jumlah yang sebenarnya.

Saya hendak jawab sedikit fasal Yang Berhormat Puchong tadi. Yang Berhormat Puchong mengatakan tahanan 60 hari boleh membuka peluang kepada rasuah dan salah guna kuasa ya. Tadi Yang Berhormat Puchong kata tadi fasal subjek tahanan diugut supaya membayar sejumlah wang sebagai pampasan. Subjek tidak dibenarkan berjumpa dengan peguam dan majistret dan berkemungkinan ada ruang untuk PDRM salah guna kuasa untuk tahan orang-orang ini secara sewenang-wenangnya.

Saya hendak maklumkan di sini *check and balance* kita ada ya. Dalam sistem LPK ini ialah terdapat lindung jamin berkaitan tahanan 60 hari tersebut di mana satu *inquiry* dijalankan oleh pegawai siasatan KDN untuk mendapatkan keterangan daripada saksi-saksi yang telah diarahkan oleh pihak polis. Kedua, peguam dibenarkan kepada tahanan maknanya mereka mendapat representasi di hadapan Lembaga Penasihat. Jadi ada *check and balancenya*.

Ketiga, subjek boleh memfailkan *rate of habeas corpus* bagi mencabar kesahan perintah yang dikeluarkan terhadapnya. Saya hendak maklumkan di sini bahawa dalam masa saya menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri dan mengesahkan tahana ini saya hanya mendapat sejumlah kecil sahaja tahanan yang memfailkan *rate habeas corpus* ataupun mempersoalkan tahanan dia. Sejumlah besar daripada mereka hampir semua tidak mempersoalkan tahanan mereka.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam persoalan yang saya bangkitkan itu ada dua perkara. Nombor satu isu berkenaan dengan tahanan dan isu berkenaan dengan *the safeguards* yang sedia ada semasa satu siasatan itu berlangsung. Persoalan yang saya ingin bangkitkan sekali lagi kenapa kita tidak boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakan satu sistem di mana semasa mereka ditahan dalam 60 hari yang pertama itu, satu sistem atau satu mekanisme di mana mereka boleh dihadapkan terhadap satu majistret misalnya.

Di mana mereka masa itu diberi ruang di wakil oleh peguam. Kalau ada apa-apa aduan mereka boleh buat. Kalau kita ditahan 60 hari, dalam 60 hari itu siasatan kebiasaannya mereka ditahan rapi. Mereka tidak dibenarkan atau diberi *access* kepada sesiapa. Dalam masa itu banyak perkara yang berlaku, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan di situ saya katakan memuncak *the opportunity*, peluang di mana ada insiden rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya.

These are incidents that will never be checked kerana tidak ada *check and balance*. Kalau kita hendak sebut berkenaan dengan *advisory board*. *Advisory board is something that occurs three months after retention*, itu satu. *An advisory board* Yang Berhormat Timbalan Menteri *is not the same as the trial*. Di situ peluang dia terhad dan saya setuju di bawah akta atau skema LLPK itu lain daripada EO. LLPK *we actually have inquiry officers from KDN*.

So, it is slightly different from EO. EO those days, we didn't even have that so that is one step towards and there is no corruption. But the question is mereka juga pegawai daripada kementerian dan segala dokumen yang mereka dapat itu and I think you can confirm this are actually from the police. So, pihak polis yang berkuasa kerana merekalah tahan tahanan itu, mereka yang buat tuntutan, mereka yang salah gunakan kuasa, that is what we say happens selepas itu dokumen mereka sediakan dan berikan kepada inquiry officer.

So, di mana ada atau wujud. Dimanakah wujudnya peluang untuk mereka buat aduan, and most of the people out there are detained and once you are detained again for two years nothing happens. The advisory board doesn't meet every day Sir. I think once in three months then after that they will wait for review. So, that is absolutely no mechanism.

So, saya di sini minta kenapa kita tidak boleh ada satu keadaan di mana kita sekarang negara ini maju. Kita ada facility, kita ada kewangan Jabatan Kehakiman has progressed to such an extent, you and I know Minister when we first started in practice it was different. Now it's different, we have the resources. So, kenapa kita tidak boleh buat satu keadaan di mana perkara-perkara ini tidak berlaku and we can actually see some change the system and these complaints are ruang untuk salah gunakan kuasa ini dikurangkan. Itu persoalan saya, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Puchong, kalau seseorang itu dituduh di mahkamah dijatuhkan hukuman dan dia dijatuhkan hukuman penjara, dia masuk penjara kan. Dia hanya boleh *appeal* nak *parole* dan sebagainya pada waktu tertentu kan. Jadi di sini pun sama juga. Kalau siasatan yang telah dibuat oleh polis selepas itu di *check* oleh pegawai siasatan KDN, selepas itu diperakui oleh *parole board*, bukan *parole board*, *advisory board* yang mendengar representasi daripada kedua-dua *proposal* ini dan juga boleh mendengar apa-apa rayuan daripada pesalah, ini juga boleh menjadi satu *check and balance* dalam sistem yang ada.

Jadi soal mereka hendak dapatkan representasi pada setiap masa itu, itu kita berikan secara berkala lah bukannya...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, no. Maybe you misunderstood me. Ianya cukup berbeza. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua just to get to clarify this. I may not have been as clear before. In a criminal trial ianya berbeza kerana ada wujudnya majistret pada tahap reman selepas itu apabila mereka dipertuduh, ada kes-kes di mana mereka diberikan jaminan than they go to court fight it with lawyers in open court di mana aduan itu dibawa di hadapan hakim. Sebelum satu keputusan dibuat supaya mereka dihukum dan dipenjarakan dan seperti sedemikian.*

After sentence that is a different process altogether but the entire period by which from detention with the police there is check and balance. Itulah yang tidak wujud apabila kita tahan seorang itu tanpa perbicaraan. Di dalam kes ini 60 hari they are arrested, they are kept there. No majistret, tidak ada peluang jumpa peguam, nothing. And in this time is the police yang bawa statement and all that and this is the same police that gives the inquiry officer the statement.

Selepas itu satu keputusan dibuat untuk tahanan. *So, that is where we are saying* kenapa tidak boleh diwujudkan sistem yang sama di mana ada *at least some check and balance these are suggestions that we are making lah. So, at least you can try and find ways that complaint like this will actually be reduced. Perhaps for your consideration, Mr. Minister?*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit *point* agak sama. Saya ingat kita menggunakan *preventive action* ini untuk bukan untuk *rehabilitation. Preventive is to prevent the drug being circulated or trafficked. So,* maksudnya kalau kita *prevent* macam dua minggu atau sebulan atau dalam ISA sudah 60 hari. *So,* maksudnya kalau *this is sufficient to prevent* dia tidak perlulah menjalani hukuman dua tahun. Bila kita bagi dua tahun di penjarakan atau diasingkan, maksudnya kita telah sebagai menjadikan hakim untuk menghukum juga.

■1810

So itulah sebab saya ingat kita harus bezakan. Kita setuju dalam keadaan tertentu. Bukti susah untuk didapati dan kita hendak selamatkan keadaan. Polis bertindak dengan cepat dan perlu mengelakkan sesuatu berlaku. *So, we* tangkap. Selepas itu tangkap mungkin sebab *drugs,* kita tidak *go by normal or* sampai 60 hari, 30 hari. Kita sudah ada dalam undang-undang tertentu yang membenarkan 30 hari dan *Terrorist Act.* Akan tetapi sekarang ini kita anggap seseorang itu yang mengedarkan *soft drugs* pun lebih teruk daripada apa yang ditahan di bawah *preventive order* yang di bawah ini. *POCA, where they have chance to be represented.*

So, saya anggap kita harus fikir semula sebab saya anggap kita sudah sampai satu tahap untuk menyedari bahawa *tough law* dan hukuman untuk mengasingkan seseorang daripada masyarakat itu akan menyelesaikan masalah dadah. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya sambung sikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, ini adalah isu pencegahan. Saya hendak bagi satu cadangan. Ini tentang *team-team* yang menyerbu, hendak menangkap ini. *Raiding officers* ini. Kalau boleh jangan di satu lokasi untuk jangka masa yang lama. Ada yang sampai lima tahun, enam tahun, sepuluh tahun. Mereka sudah kenal sangat siapa *kingpin,* siapa yang mengedar dan sebagainya. Hubungan mereka pun amat rapat. Intim dan sebagainya. Saya rasa dari sudut itu, kalau betul-betul holistik – inisiatif kita secara holistik hendak mencegah, saya rasa benda yang secara praktikal ini perlu dipandang. Bukan sahaja hendak bina akta dari sudut teori tetapi pelaksanaan secara efisien dan efektif tidak ada. *So,* itu adalah satu bahagian yang perlu dipandang secara dalam oleh kementerian.

Lagi satu adalah rata-ratanya *raiding officers* ini tahu mana lokasinya. Mana lokasi-lokasi penumpuan. Ini *I* rasa *they know this* tetapi mengapa pencegahan tidak dilakukan secara sempurna? Dua isu yang saya bangkitkan ini. Satu, *raiding officers, too long in one district and the other thing is* mereka tahu di mana lokasi-lokasi ini. Saya rasa benda ini kalau betul-betul diberi penumpuan secara ikhlas, pencegahan ini saya rasa tidak menjadi masalah yang besar tetapi adakah kerajaan betul-betul mengambil inisiatif untuk melakukan atau tidak? Itu persoalan yang perlu dijawab. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Okey, untuk menjawab tadi Yang Berhormat Kapar, memang pihak polis mengadakan *rotation*. Cuma tempoh masa *rotation* seseorang pegawai di tempat tertentu itu, itu dibuat berkala. Akan tetapi yang tadi yang tadi yang Yang Berhormat kata lima tahun dan sebagainya, saya pun tidak pastilah. Itu saya kena rujuk dengan pihak polis dulu.

Saya telah sebut tadi, *task force Special Tactics and Intelligence Narcotics Group* (STING) ini yang bertujuan untuk membanteras aktiviti dadah ini, memang bergerak daripada ibu pejabat untuk mengadakan *check and balance* dengan pihak polis di peringkat daerah dan juga di peringkat balai.

Tadi Yang Berhormat Puchong dan Yang Berhormat Batu saya rasa mengakui bahawa sudah ada *improvement* dari segi prosedur yang digunakan oleh pihak berkuasa dalam LPK ini sejak 30 tahun dulu. Ada *check and balance*. Cuma *you* hendak *more improvement*lah dari segi yang disebut tadi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tidak, tidak ada *improvement* langsung.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ada.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini akta...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dulu Yang Berhormat Tian Chua pernah ke bawah ISA...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat..

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Menyampuk]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Banyak kemudahan yang diberi kepada tahanan dalam LPK ini tidak terdapat dalam tahanan ISA dulu. Jadi itu sahaja sudah merupakan satu pembaikan. Cadangan-cadangan lain itu kita boleh pertimbangkan pada masa-masa yang akan datang jika sesuai.

Saya rasa saya hendak teruskan kepada jawapan daripada Yang Berhormat Marang.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, atas isu *sunset clause* tadi, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri masih belum menjawab persoalan yang ditimbulkan tadi iaitu apakah justifikasi sekarang untuk membatalkan *sunset clause* iaitu mengambil pengawasan ke atas akta tersebut daripada Dewan dan memberi kepada eksekutif? Apakah justifikasinya? Semasa berbahas peringkat dasar tadi, saya ada membaca petikan daripada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa membentangkan dalam tahun 1985 dan justifikasi jelas yang diberi supaya tidak ada apa-apa salah guna kuasa. Apa yang telah berubah sejak tahun 1985 apabila Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad menyatakan seperti itu dan sekarang mesti ada sebab mengapa ia dibatalkan. Itu persoalan pertama.

Persoalan kedua ialah kita masih belum mendengar apakah justifikasi untuk tahanan tanpa bicara bagi kes-kes dadah seperti ini? Apakah bukti secara statistik bahawa tahanan tanpa bicara bagi dadah ini telah berjaya untuk mengurangkan masalah ini dan mengapakah kita perlu

mengamalkan sedangkan ada banyak negara di seluruh dunia menghadapi masalah lebih besar tetapi tidak mengamalkan tahanan tanpa bicara? Itu dua persoalannya. Terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri, atas isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Star, Yang Berhormat. Yang Berhormat Alor Star, Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Boleh izinkan atas isu *sunset clause*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang dibangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Padang Serai, yang paling asas dalam pindaan akta ini adalah untuk menghapuskan *sunset clause* dan *sunset clause* ini dimasukkan dengan tujuan yang jelas iaitu setiap lima tahun kerajaan harus membawa balik perkara ini kepada Parlimen untuk membuat keputusan sama ada hendak melanjutkan akta ini atau tidak. *It is an essential safeguard*.

Bersetujukah Yang Berhormat Menteri ini adalah satu *safeguard* dan kenapakah kita hendak serahkan, hendak hapuskan *safeguard* ini, berikan kuasa ini seluruhnya kepada pihak polis *to decide on all the aspects*? Semua aspek penahanan dan sebagainya sebab akta ini melibatkan tahanan, *detention orders* tanpa bicara di mana ia boleh disalahgunakan dan akta ini memang telah pun menyekat hak-hak asasi yang telah pun dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan kita.

So, adalah amat mustahak kenapa dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan jelaskan kenapa hendak hapuskan *safeguard* ini, *sunset clause* dalam pindaan ini? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Alor Star dan Yang Berhormat Padang Serai. Saya telah menerangkan tadi bahawa dadah ini merupakan musuh nombor satu negara dan ia sudah menjadi masalah yang *permanent*. Setelah 30 tahun, nampaknya sudah jadi masalah *permanent* dan gejala ini berlaku di seluruh dunia. Seperti yang saya katakan tadi, apabila timbul masalah jenayah rentas sempadan, kita perlu menganggap ini sebagai satu ancaman keselamatan kepada negara. Tambahan, ia melibatkan anak-anak muda kita. Kebanyakan yang ditahan itu anak-anak muda yang berusia sekitar 20 tahun lebih yang menjadi masa depan kita yang perlu kita lindung daripada anasir seperti dadah ini.

Saya hendak bawa tadi isu mengenai Yang Berhormat Batu katakan tadi. Apakah guna dipisahkan mereka daripada keluarga mereka dan tempat mereka? Selalunya dadah ini kalau ikut dia punya ciri-cirinya adalah disebabkan oleh pergaulan, kawan dan sebagainya. Jadi kalau ada mereka terlibat dengan dadah, kalau mereka masih lagi diletakkan di dalam komuniti mereka, mereka akan kembali semula. Sebab itu kita ambil cara untuk pemulihan, kita pindahkan mereka ke tempat lain, kita rawat mereka, kita pulihkan mereka, selepas itu baru kita pulangkan mereka balik ke tempat yang mereka berada dulu.

Yang Berhormat Shah Alam, *you* tidak ada tadi. *You* hendak tanya apa?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak tanya boleh? Sekarang boleh? Ini kerana bergantung kepada jawapan yang disampaikan. Bila jawapan itu kurang memuaskan, adalah timbul soalan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya pun boleh, diberi pilihan untuk tidak jawab. Panjang sangat Yang Berhormat ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh atau tidak saya tanya kerana jawapan tadi tidak tepati dengan...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tadi tidak puas hati dengan Yang Berhormat Arau tadi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ringkas sahaja, ringkas sahaja, ringkas sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, baik terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar soalan yang ditanya dan saya mendengar jawapan yang diberi.

■1820

Saya rasa jawapan itu tidak menjawab soalan. Soalannya ialah kenapa dibenarkan ataupun hendak digunakan pendekatan *detention without trial*, ditahan tanpa perbicaraan. Betullah kalau semua yang bersalah, yang dikatakan bersalah dan sebagainya maka kita hendak tahan dan sebagainya, itu kita tak timbulkan. Persoalannya ialah kita tangkap orang tanpa perbicaraan dan ada kemungkinan dalam keadaan-keadaan yang sebegitu orang-orang yang tak bersalah yang akan ditahan. Dengan izin, *that possibility is always there*. So, itulah sebabnya perlu ada perbicaraan supaya tidak berlakunya kezaliman. Kalau orang yang tak bersalah ditahan lepas itu dicampurkan pula dengan orang-orang yang benar-benarlah pengedar dadah dan sebagainya, maka dia terdedah kepada satu perkara yang baru. Dahlah kita melakukan kezaliman, kita memungkinan ianya tersebar luas lagi. Daripada orang yang sebelum ini tidak terlibat, tiba-tiba akan terlibat kerana pendedahan yang dapat daripada sumber-sumber ini.

Lalu persoalan yang dikemukakan ialah kenapa tahanan tanpa perbicaraan dan bukti bahawa pendekatan yang seperti itu telah berjaya di negara-negara lain yang disebutkan juga menghadapi masalah yang seperti ini. Itu yang Menteri tak jawab.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, sedikit ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kerana dengan logik Menteri sahaja Menteri kata, *sunset clause* itu perlu ada dan kerana dadah itu menjadi musuh nombor satu di Malaysia. Saya hendak tanya Menteri, dulu 20 tahun yang lalu dadah sudah menjadi musuh nombor satu di Malaysia. Sekarang, *what makes you think that taking the sunset clause away* akan menyelesaikan masalah dadah ini? *It doesn't make sense because* pada saya Tuan Yang di-Pertua, *insanity is doing the same thing again and again and expecting different result*, ini tidak. So, can you please justify kenapa kita perlu *take away the sunset clause*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya dah sebutkan tadi, kejayaan dia saya dah sebut berapa statistik dia. Soal dadah ini memang ia akan berterusan, *it will become permanent. That's why* tadi saya cakap, *then we make the law permanent*. Kita pinda *sunset clause* tersebut.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak, bukan. Soalnya sekarang ini kita hendak cari satu penyelesaian yang lebih kepada pemulihan dan AADK ini merupakan satu cara yang telah berjaya, untuk sayalah, untuk kerajaan juga. Jadi cukuplah ya soalan mengenai *sunset clause* ini.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Setiu hendak tanya sedikit, penjelasan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini berkenaan dengan *sunset clause* dengan hendak tukar kepada *permanent* ini. Persoalan saya sekarang, selama enam kali kita buat ini, asasnya kita hendak buat supaya maknanya kita hendak *review* setiap lima tahun apa kejayaan-kejayaannya tetapi sehingga enam kali kita buat, setakat ini adakah masalah pengedaran dadah ini menurun ataupun semakin berleluasa. Kita lihat jumlah macam permintaan bagi dadah ini berhenti ke tidak sebab kita dalam berhampiran dengan *Golden Triangle*. Maknanya mudah masuk daripada Laos, daripada Thailand, daripada Burma. Jadi adakah itu satu kepentingan kita menjadikan undang-undang ini sebagai *permanent* atas alasan-alasan yang saya bagi tadi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dulu kita jauh daripada *Golden Triangle*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak, saya dah terangkan tadi. Dulu 30 tahun dahulu kita menghadapi masalah penyeludupan dadah ke dalam Malaysia, sekarang ini dia masuk Malaysia dan juga kita jadi tempat untuk hendak memproses dadah dan sebagainya. Jadi, risikonya lebih tinggi dan undang-undang ini memang dah ada kejayaan dia daripada segi jumlah kadar rendah mereka yang kembali semua kepada aktiviti tersebut dan sebab itu daripada segi itu kita pinda sahaja *sunset clause* ini dan kita jadikan akta yang *permanent*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Just a little bit.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dahlah. Berpusing-pusing semula balik dah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bila *our, when our fourth father make this law, they said that* kalau berjaya...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak, tak. *Time change, time change.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Then you're telling me that it's successful, then we continue.* Itu tak logik.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak, tak. *At the time the nature of the drug trade, the nature of the drug consumption, the nature of the drug itself is different from what it is today. That is why I'm saying that now to coop with this ever changing nature of the drug and also the drug industry itself, this law will be there permanently anyway.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *But the whole world dah kata detention without trial is outlaw, is outlaw* sekarang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak, *there is no need*. Lima tahun akan datang, kita akan bincang perkara yang sama dan sekarang ini kalau negara-negara lain di dunia pun sudah mula untuk hendak ke arah menghalalkan dadah, setengah-setengah negara, adakah Yang Berhormat Batu setuju dengan cadangan tersebut?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *We look at the scientific evidence* lah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *No, no. You agree or not? We government, we have the very clear stand...*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Our stand is, we are going to follow science rather than follow the time.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau berdialog tak bolehlah Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Menteri, Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia sorang, sorang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya masa tinggal sejam sahaja lagi hendak gulung ini. Tolonglah ya, hal ini nanti karang panjang lagi ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit, sedikit Menteri.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sedikit, sedikit.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tadi dah bagi peluang dah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sedikit, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bagus sudah duduk.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak pergi kepada menjawab. Oh Yang Berhormat Marang tak ada ya?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia *no point* pasal *goes around and round and round*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *You* yang pergi *round and round*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak ada alasan, tak ada hujah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bagi Setiu tanya sikitlah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Parit Sulong pun tak ada, hendak pergi kepada...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini Yang Berhormat Shah Alam memang tak faham ini.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Hah?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Shah Alam tak faham ini, saya hendak bagi tahu Yang Berhormat Shah Alam. Mana yang lebih zalim ini? Mana yang lebih zalim kita membiarkan orang yang terlibat dengan dadah, pengedaran dadah dan sebagainya, mana lebih zalim membiarkan mereka bercampur di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan jemput Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: ...Dengan orang awam daripada kita letakkan dia berasingan. Mana yang lebih zalim?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak ada siapa kata benarkan dia orang bebas. Buktikan kesalahan. Kita tak kata biarkan dia bebas.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mana lebih zalim?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini Yang Berhormat Setiu ini faham kah?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Macam mana hakim boleh tahu orang itu tak bersalah bila dia...

[Dewan riuh]

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau dahulu maha zalim, sekarang lebih zalim kerana menahan tanpa bicara.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kena bicara, jangan tak dibicara.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Itu maksudnya tetapi saya hendak kata mana yang lebih zalim kalau kita membiarkan mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dah cukup-cukuplah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak ada bukti jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bolehlah Yang Berhormat Menteri, cukuplah ya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini semua berdasarkan risikan maka kita susah hendak buktikan di mahkamah.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Batu duduklah ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bicarakanlah. Ini macam mana bekas hakim boleh tak setuju dengan proses perbicaraan?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi kita tak boleh buktikan di mahkamah, kita buat secara ini. Macam Yang Berhormat Shah Alam tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup-cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hakim, bekas hakim.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masalahnya *you* bercakap daripada perasaan, saya bercakap daripada segi fakta.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *You don't even support, you don't even defend.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, balik kepada Menteri lah ya Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kita kena ingat, kita kena ingat itu hakikat sampai sekarang, masalah Yang Berhormat Shah Alam ini tak faham.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Macam mana hakim macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu duduk Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebab Yang Berhormat Batu cakap maha zalim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu, cukuplah Yang Berhormat Setiu.

[Dewan riuh]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Orang kata bicarakan, bukan orang kata benarkan bebas.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Siapa lagi zalim? Saya kata Yang Berhormat Batu lagi zalim hendak biarkan berkeliaran di luar. Yang Berhormat Batu zalim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu, duduk. Ya, cukuplah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Boleh saya ambil saya punya *floor* balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah itu Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ramai lagi yang akan terjebak dengan dadah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masyarakat kita akan rosak kerana dadah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri boleh teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam tak payah bangunlah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sekarang tak berlaku tak apalah, berlaku esok tahulah macam mana.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Setiu katakan tadi, betul dia kata.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Backup* betul tu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Daripada kita biarkan penagih dan pengedar dadah ini di luar...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tangkap dan bicarakan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...Bersama dengan rakyat jelata...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita tak kata biarkan, siapa kata biarkan?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...Lebih baik kita masukkan mereka dalam pusat tahanan walaupun mereka bercampur dengan orang yang...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri, siapa yang kata biarkan? Tak ada orang kata biarkan, orang kata bicarakan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu lebih baik daripada membiarkan mereka di luar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tangkap dan bicarakan. Didapati bersalah, tahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya dah terangkan prosedur tadi macam mana.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu proses.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya nak kata ini bukan undang-undang *punitive*, kita bukan undang-undang *punitive*, sekarang undang-undang pencegahan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya kepada Menteri.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kena faham itu Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya faham, Yang Berhormat Setiu ini tak faham. Memang patutlah pencen daripada jadi hakim, proses pengadilan pun tak faham.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: ...Ini kita pisahkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hendak pisah apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Control, control.* Tan Sri kata *control your emotion ya control.* Duduk, duduk, duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri, saya hendak tanya satu sahaja. *Nothing about this one,* Menteri. *Perception* masyarakat, masalah dadah sekarang ini ialah ianya berlaku oleh kerana yang selalu yang kena tangkap adalah ikan-ikan kecil. Pengedar-pengedar yang utama, *they seem to be off the hook.* Yang tangkap pengedar-pengedar kecil, penagih. Mana *the kingpins of the drugs industry?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak, yang itu dah dibahas Yang Berhormat. Ramai bahas isu itu tadi.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dah banyak kali terangkan dah, dia pusing-pusing sahaja.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang pengedar kecil banyak dekat kampung ini, dekat kawasan saya banyak ini, di kawasan luar bandar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu, Menteri jawab Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okeylah, untuk kali yang terakhir, saya hendak mengatakan di sini ..

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Hendak kata *kingpin, kingpin.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, soalan Yang Berhormat Shah Alam tadi kan? Kenapa ada tahanan tanpa bicara. Tadi soalan Yang Berhormat Padang Serai pun sama ya. Okey, punca kuasa dia daripada perkara 149. Itu punca kuasa di mana kerajaan boleh buat perkara tersebut kerana atas dasar keselamatan. So seseorang itu boleh ditahan tanpa bicara bawah....

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita bukan tanya punca kuasa. Orang tanya lain, awak jawab lain.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tak habis jawab lagi, duduk dulu. Duduk dulu, saya hendak jawablah ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Orang tanya lain, Menteri jawab lain. Ada siapa yang tanya punca kuasa?

■1830

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dengar jawapan dulu, dengar jawapan Yang Berhormat ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jawapan itu tak betul itu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk dulu. Duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia ini bukan berdebat ya, dia menjawab soalan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, tadi Yang Berhormat kata ikan bilis kena tangkap, *kingpin* tak kena tangkap. Okey, saya nak tanya Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan tanya, jangan tanya Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jangan tanya, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau tanya, dia bangun ya. *[Ketawa]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya, okey, okey, okey. Saya tak tanya, saya bagitahu. *[Ketawa]* Saya bagi tahu di sini bahawa *kingpin* dan pengedar dadah susah untuk dituduh di mahkamah kerana saksi enggan hadir untuk memberi keterangan di mahkamah secara terbuka. Oleh sebab itu kita perlukan mekanisme lain untuk menangkap...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: So, maknanya Menteri mengaku bahawa selama ini memang ikan bilis sahajalah yang ditangkap, bukan *kingpin*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: / punya *floor* ini, duduk dulu, duduk dulu, duduk dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *That's admission, that is admission.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Duduk dulu, duduk dulu, saya punya *floor* ini ya. Jadi, untuk keselamatan negara, bagi kepentingan rakyat, salahkah kerajaan hendak mengenakan tindakan seperti tahanan tanpa bicara ini? Memandangkan perkara ini tidak dapat diselesaikan oleh mahkamah kerana keengganan saksi untuk ke depan kerana takut diancam nyawa dan sebagainya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Banyak cara lain.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tak ada, cara itu sahaja.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Banyak cara lain. *Witness Protection Program*, bermacam-macam kaedah. Tak semestinya dibuat tangkap tanpa bicara. Apa jaminan...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, okey, dah, dah. Sudah cukup, cukup. Sudah cukup.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...ia hanya digunakan terhadap *kingpin*?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sudah cukup, saya tak bagi jalan lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa jaminan ia hanya digunakan terhadap *kingpin*?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri mengaku, kita menafikan hak asasi dalam perlembagaan iaitu...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tak bagi jalan dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: ...untuk pastikan...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tak bagi jalan dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak bagi Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, *is it a* pengakuan bahawa...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak jawab Yang Berhormat Ipoh Barat ini. Ini *start* nak bagi Yang Berhormat Ipoh Barat pula. *[Ketawa]* Okey, Yang Berhormat Ipoh Barat. Pergi kepada Yang Berhormat Ipoh Barat yang menanyakan adakah terdapat masalah dalaman sehingga kes pengedaran dadah ini semakin tinggi di Malaysia? Okey, jawapan ini- tiada masalah dalaman dari segi aspek integriti di kalangan anggota penguatkuasaan. *[Ketawa]* Kes pengedaran dadah semakin meningkat kerana sindiket dadah dalam dan luar negara sentiasa mencari kaedah terbaru untuk menjalankan aktiviti ini kerana ia merupakan satu aktiviti yang lumayan.

Kedua, penyeludupan dadah bukan sahaja melalui jalan darat, malah menggunakan jalan laut dan jalan udara. Jadi, ia menyulitkan lagi usaha pihak berkuasa untuk hendak membanteras penyeludupan dadah dengan termasuk membekalkan peralatan terkini dan mencukupi. Ketiga, terdapat individu yang sentiasa sanggup menanggung risiko asalkan mendapatkan habuan yang lumayan. Selepas itu, soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat juga, bagaimanakah...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Bila saya membangkitkan perkara masalah kedalaman ini, sebenarnya tersiar di *all news* bahawa senang untuk mendapat dadah di

penjara, di lokap dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat menafikan sedemikian? Nombor satu. Kalau Yang Berhormat menafikan berita-berita yang sedia ada, yang sedia maklum, saya sendiri tahu kerana pelanggan-pelanggan memberitahunya bahawa boleh mendapat di tempat-tempat tersebut. Soalan saya adalah masalah kedalaman saya bila saya merujuk perkara itu adalah macam mana mengatasi masalah tersebut?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hairan kenapa Yang Berhormat begitu pasti bahawa berlaku pengedaran dadah dalam penjara dan sebagainya. Akan tetapi tak ada orang yang melaporkan dan oleh sebab itu penyiasatan tidak dibuat. Jadi, inilah juga satu...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *This is denial syndromelah.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *I am not denying.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *This is- everybody knows in the country...*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *I am just saying, I am...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No, here Tuan Yang di-Pertua, we are being trap. [Dewan riu] Like what other MPs says, dari kebanyakan orang yang bekerja di penjara dan lokap, they are excellent officers, there are few who make money and spread these drugs. That is the truth.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat cakap tadi, Yang Berhormat menuduh secara...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya tambah kepada ini?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...seolah-olah berlaku perkara tersebut. Akan tetapi kenapa tidak dilaporkan? Kalau tidak dilaporkan, tindakan tak diambil.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya tambah Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jadi, kalau dalam perkara ini biar dia laporkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, saya *just* nak tambah pada tahap ini, *because* saya memang sokong kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. *This is an open secret. The drugs are available in prison. There is no doubt about that. It is better-* lebih baik kita menghadapi masalah *than compare with* mengelakkan masalahnya. *Let's not skip the issue, let's face the issue.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Must clean up the house.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *I cannot skipping the issue. I am just saying, if there are any incidences as you mentioned, it should be reported and therefore an investigation will be taken. That's all.*

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja Menteri, sikit sahaja Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, soalan seterusnya, bagaimanakah *enforcement* dijalankan ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tentang *abuse of power* ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey sekejap. Ini- *No, no, no, listen, listen, listen. I am trying to explain* Yang Berhormat Ipoh Barat, *his questions*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Okay, after that I mean*, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *What procedures we have in the penjara to ensure that such a thing that he accuses of, doesn't happen. Okay, let me-* Nak cakap orang putih sekarang ini. *[Ketawa] Let me tell you what about we have in the penjara* ya. Pihak penjara mempunyai peraturan-peraturan SOP berkaitan dengan penyalahgunaan dadah di dalam institusi penjara. Antaranya adalah pemeriksaan lebih kerap ke atas banduan dan kakitangan penjara, masuk dengan keluar. Jadi, tak boleh masuk dadah dalam penjara dan tak boleh bawa keluar duit. Yang kalau dia kata dia jual dadah dalam penjara. Selepas itu ujian air kencing dilaksanakan dengan kerap kepada banduan dan kakitangan.

Ketiga, sekarang ini di penjara, kita meletakkan *body scanner* di pintu utama untuk mengesan apa-apa bahan yang diseludup dalam penjara atau keluar dan juga ada anjing pengesanan K9 yang ditugaskan untuk menjaga pintu masuk penjara dan juga dalam penjara. Rondaan dibuat dengan anjing K9 ini. Jadi, saya tak faham dari mana maklumat Yang Berhormat yang menyatakan kejadian dadah ini ataupun pengenaan dadah dalam penjara ini berleluasa kerana prosedur dan SOP nya ada untuk mengatasi masalah tersebut.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, saya kesian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mungkin menelan cerita yang benar. *It is an open secret*, semua orang tahu mengenai perkara ini. *In fact*, Timbalan Menteri, *let me go one more step further, which is a common complaint* di kawasan saya. Kalau dia ditangkap dengan disyaki ada makan dadah, *go for urine test. You can substitute a urine test. It is a common phenomena. It is a common thing, five hundred dollars, another urine is given and he escapes. Many people have told me* Yang Berhormat. *I am acting sometimes, but I find it so many cases.* Yang Berhormat, *I pity you, because you do not want to admit* tetapi *we are not saying there are so many officers are* sedemikian.

There are some bad apples. Itu yang menjadi masalah dalam negara ini. Yang Berhormat *must acknowledge*, kita cari jalan untuk macam mana mengatasi. Yang Berhormat *can say*, ya *why don't you* buat laporan? *Easy to say* Tuan Yang di-Pertua. Laporan yang kita selalu buat, *you can go and check under my name* berapa laporan sudah buat? Banyak laporan, penyiasatan atau penyiasatan *nothing happens. Even 1MDB such a big thing, nothing is happening. So, these are small issues we cannot fight.* Yang Berhormat, *this is an open thing in*

this country, di mana kita baca di internet, di surat khabar dan sebagainya, di mana di penjara *easy accessible drugs and all that. We must admit it and find a way to solve it.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja, Yang Berhormat Menteri, sekejap ya. Sikit sahaja. Yang Berhormat Menteri, saya baru terima laporan daripada luar bahawa Yang Berhormat Pandan, baru keluar sahaja, keluar daripada Parlimen telah ditahan oleh polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak berkaitan dengan rang undang-undang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi, saya- berkaitan sikit Tuan Yang di-Pertua, sebab masalah *abuse of power* ini memang berlaku. Apabila seorang Ahli Parlimen keluar sahaja daripada Parlimen, terus ditangkap. *How can you- ya, just barely outside the Parliament, just after the gate*, okay? Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri boleh respons bagaimana boleh memastikan keselamatan Ahli Parlimen Yang Berhormat Pandan. Boleh Yang Berhormat Menteri jawab? Terima kasih. [*Dewan riuh*]

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri, boleh...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya respons senang sahaja. Yang Berhormat tanya soalan yang tidak berkaitan dengan akta ini, saya tak jawablah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, *point of order* itu kalau polis tangkap Ahli Parlimen di luar Parlimen, itu kuasa Speaker itu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Di luar Parlimen dah tak terlibat Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, di luar Parlimenkah atau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita tiada laporan pun.

Seorang Ahli: Tak adalah.

Seorang Ahli: *Outside the gate.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Okay, sorry, sorry.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of order...*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *point of order.*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Belakang, belakang Menteri. sikit ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Which point of order* Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Privileges.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Privileges.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *if I am say something, it is very clear.*

■1840

Bila sesi Parlimen bermula, resolusi yang pertama yang kita ambil adalah untuk mengarahkan pihak polis *not to hinder, not to stop or hinder MP's progressing to Parliament and out of Parliament.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That is traffic* Yang Berhormat.

Tuan M.Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Gangguan lalu lintas.

Tuan M.Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Yes, so this happened.* Saya harap tindakan diambil dengan segera. Yang Berhormat Timbalan Menteri *should be able to get an answer and inform the House. The House is sitting.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That's not fundamental.*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit, sedikit. Saya hendak sedikit penjelasan saja yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi dia kata semua orang tahu apa yang berlaku di penjara dan sebagainya. Saya hendak tahu sekarang ini, Yang Berhormat Menteri tahu tidak benda ini? Sekarang ini Yang Berhormat Menteri tahukah tidak? Maksudnya sebelum diambil tindakan, apa-apa tindakan, adakah kita mendengar daripada yang didengar oleh Yang Berhormat Ipoh Barat ataupun didengar oleh Yang Berhormat Tanjung kah tadi, ataupun didengar oleh Yang Berhormat Shah Alam. Apa yang dia dengar, seolah-olah macam itu. Makna apa *notorious* kepada *public* kita seolah-olah macam kena ambil kisah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya, *of course* dia kena tunjukkan bukti. Maksud saya...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri yang kita sebutkan ini...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Maksudnya sekarang ini kalau ada diberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh ambil tindakan. Tapi sekarang diberitahu di sini.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri yang penting...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sebelum itu ada diberitahu tidak kepada Yang Berhormat Menteri benda-benda macam ini?

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang kita harap adalah supaya Yang Berhormat Menteri boleh menyiasat. Sebab kalau adalah benar bahawa seorang Ahli Parlimen, ditangkap, *ambush* di luar Parlimen itu adalah satu penyalahgunaan kuasa polis yang tidak seharusnya berlaku. So, kita harap Yang Berhormat Menteri boleh siasat dan bahawa Yang Berhormat Pandan akan mendapat segala hak beliau dihormati oleh pihak polis dalam perkara ini.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tengok macam Yang Berhormat-Yang Berhormat pembangkang ini tidak minat lagi hendak bincang, hendak membahaskan usul ini. Boleh saya berhenti tidak?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya lah, *continue* lah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kalau sudah masuk cerita lain, saya berhenti karang.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita hanya hendak *demonstrate* masalah *abuse of law* ini.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Memang tidak ada kena mengena dengan *bill* ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Masalah kita, kita datang ke sini, kita setuju untuk menafikan hak seseorang warganegara untuk mendapatkan perbicaraan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itulah sebab kita rasa itu adalah satu perkara yang sangat serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Apa yang berlaku dalam Dewan, tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua yang berlaku dalam Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya yakin polis juga mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu. Kita tidak tahu apa sebab, saya sendiri pun tidak maklum tentang penangkapan itu. Isu penangkapan itu pun saya tidak tahu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu tadi saya hanya kata Yang Berhormat Menteri di sini mempertahankan satu undang-undang yang menafikan hak asasi dan inilah yang Yang Berhormat Pandan itu hanya sebagai petunjuknya bahawa tidak ada *respect of our basic right and* itu yang kalau Ahli Parlimen pun begitu, apatah lagi banduan-banduan, *suspect of drug traffickers all these things*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Cuma...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang inilah sebab kita tolak pindaan untuk membenarkan *blank cheque* kepada kerajaan untuk menahan seseorang itu...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Batu, ini *floor* saya, minta tolong.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Cuma hanya dia disyaki sebagai pengedar dadah. Ini yang perkara yang kita tolak.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ini *floor* saya. Tolong kita balik semula pada akta ini. Kalau *you* hendak saya jawab ini, saya jawab. Kalau hendak cerita fasal hal lain, saya berhentilah.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Hendak pilih masa satu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak, cuma saya hendak tanya, Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri tanya kita kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita berbahas Yang Berhormat *unless you are on point of order.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *No, because the Minister...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Exactly... the answer is your point of order.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Minister* tanya hendak bahas kah tidak. Kalau boleh tidak saya bangun jawab Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Janganlah begitu Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, dia tanya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tengok itu, putar belit ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri dia tidak bertanya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *You* tanya, *you asked.* *I* panggil Yang Berhormat Johor Bahru baru tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Panggil lah. *You are asking.* *You* tanya hendak sekarang, hendak *carry on* tidak?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *I'm am ready to answer, I am ready to answer because you seemed really interested.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *No, no, you are asking kan, you want me to answer.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi saya jawab, okey. Menjawab soalan Yang Berhormat Ipoh Barat ya mengenai *kingpin*. Adakah *kingpin* ditangkap? Kedua, berapa ramai *kingpin* yang telah ditangkap dan berapakah nilai rampasan hasil daripada tangkapan *kingpin* tersebut. *To your surprise*, ada *kingpin* ditangkap. PDRM telah berjaya menangkap beberapa *kingpin* daripada tahun 2013 sehingga 2015 seramai 79 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya LLPK 1985 dan nilai rampasan berkaitan dengan tangkapan *kingpin* tersebut daripada tahun 2013 sehingga 2015 adalah berjumlah RM173 juta. Ada tangkapan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *So, you are contradicting yourself.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ada kejayaan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you are contradicting yourself.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *You see the figure RM173 million.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Baru saja tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, kita perlukan pindaan ini supaya kita boleh tangkap *kingpin*. *Now you are saying*, sudah tangkap sudah pun *kingpin* tanpa ada pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payahlah macam ini Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *He is contradicting himself*. Baru sahaja tadi dia kata *we need this power* hendak tangkap tanpa bicara, fasal hendak tangkap *kingpin*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dia tanya tadi fasal kejayaan. Saya hendak maklum fasal kejayaan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tapi tadi sudah cerita boleh tangkap sampai 79...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tapi masalah dadah ini akan berterusan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *...without the amendment, so you are contradicting yourself*. Semua kata perlu kuasa ini supaya hendak tangkap.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *You asked about* kejayaan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: So macam mana ini?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya sudah bagi kejayaan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sepatutnya Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab kita tidak dapat tangkap walaupun seorang *kingpin* oleh kerana kita tidak ada kuasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Inilah sebab kita perlukan kuasa ini. barulah...

[Dewan riuh]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kalau menggunakan sistem mahkamah...

Seorang Ahli: Ini Yang Berhormat Shah alam ini mengelirukanlah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *Kingpin* ini tidak mudah untuk ditangkap.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kita cakap dalam masa 5 tahun. Apa ini. Fakta pun tidak betul. Dia sudah tangkap *kingpin*, mungkin ada lagi yang belum tangkap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu, apa jadi Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dah bukan kadang cerita pun melalutlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Menteri, panjang lagi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Kuala Selangor tidak ada, saya tidak jawab.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, *standing order*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, tidak ada saya tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, peraturan mesyuarat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Hendak bacalah ini. Sabarlah, sabar, sabar. 26(1)(p). Baik dengan ini oleh kerana usul berkenaan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku. Tuan Yang di-Pertua, *motion* telah dibawa sebelum kita memulakan persidangan bahawa arahan diberikan kepada Ketua Polis Negara untuk memberikan laluan kepada Ahli Parlimen masuk dan keluar. Soalan saya tentang apa arahan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua itu, adakah arahan Tuan Yang di-Pertua itu boleh dilanggar oleh Ketua Polis Negara. Jadi kita minta *ruling* seperti apa yang berlaku hari ini. Semasa persidangan bermula, semua wakil rakyat di sini sedar bahawa usul berlaku bahawa hendaklah, Tuan Yang di-Pertua kata hendaklah ada arahan kepada Ketua Polis Negara untuk memberikan laluan masuk dan keluar.

Hari ini kena pada Yang Berhormat Pandan, mungkin esok ramai lagi akan kena. Isunya bukan isu Yang Berhormat Pandan, isunya arahan yang telah dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua itu tidak diikuti. Adakah ini bersesuaian dengan apa yang ada dalam *standing order* dan juga usul yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibawa oleh...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dengar dulu. Usul supaya, usul dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Petani...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia ada *point of order*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: ...supaya Ketua Polis Negara kita buat satu *ruling*, Ketua Polis Negara sudah melakukan satu penghinaan Dewan yang mulia sebab melanggar usul yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini setiap pembukaan Parlimen kita bagi arahan melalui Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini adalah keputusan Dewan di mana jalan masuk dan keluar Parlimen ini mesti dipastikan oleh pihak polis sendiri, IGP sendiri supaya Ahli Parlimen tidak dihalang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Kalau itu yang berlaku tadi di luar. Baru Yang Berhormat Pandan keluar, dia diserbu macam dia seolah-olah dia macam orang ISIS kah, orang *terrorist*, diserang oleh beberapa kumpulan polis, 10, beberapa kereta, dikeluarkan daripada kereta seolah-olah dia sebagai penjenayah besar yang sudah cuba melarikan diri dan sekarang dibawa ke Balai Bukit Aman. Adakah Dewan yang mulia ini akan terima tindakan macam ini? Saya tanya pada semua, sana dan sini juga. *Would you treat, would you allow as a Parliamentarian...*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Point of order, point of order.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua *don't forget* hari ini Yang Berhormat Pandan kena, esok mana-mana daripada sini boleh kena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Sudah berucap, cukuplah ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Di sini bukan percaya yang kecil ya. Yang Berhormat Pandan *has said on record, I would say it now*, bila-bila pun dia sanggup berjumpa dengan polis. *He is a Member of Parliament. He can be invited, we had been invited to the balai, we go.* Kita akan pergi, tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia pun sudah bagi tahu. Dia sanggup pergi, ditangkap di balai tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I understood here* Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tetapi ditangkap di luar *gate* Parlimen, itu yang jadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah berucap, cukup ya, *I understood you.* Sudah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So we asked the Speaker's Chair to take this a bit seriously.*

■1850

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah? Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah usul perkara yang sama telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. *First*, kita tidak ada makluman. Saya tidak ada makluman langsung tentang apa yang berlaku di mana berlaku di luar kah, di dalam kah, saya tidak ada makluman. Tidak ada makluman. Sebab itu saya katakan tadi saya yakin kita mempunyai peranan, tanggungjawab, tugas. Kita ada usul. Polis juga mempunyai peranan tugas yang kita tidak tahu. Saya tidak tahu apa yang berlaku dan tentu sekali mereka bertindak atas lunas-lunas peraturan dan undang-undang yang mereka hadapi. Kita tidak tahu, saya tidak tahu. Setakat ini saya tidak tahu di mana berlaku.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, isu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau ianya berlaku di dalam Dewan ini, kita boleh ambil ketetapan terus tetapi tidak tahu di mana berlaku.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, isu dibangkitkan *this is your domain.* Kompaun ini ialah *domain* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You don't understand me.* / dah bagi tahu.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *I do* tetapi isunya sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada makluman.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul tidak ada makluman *is* satu *save* tetapi adakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dan satu lagi saya katakan kita mempunyai tugas dan tanggungjawab. Polis mempunyai tugas dan tanggungjawab.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Betul tetapi arahan telah diberikan kepada IGP supaya laluan masuk dan keluar Parlimen hendaklah tidak dihalang oleh IGP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, itu melibatkan lalu lintas...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Memastikan jalan raya lancar.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dia *block*.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, kita bangkitkan isu untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar lah, sebentar lah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua buat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya hendak tertib, Yang Berhormat pun tertib lah okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey, boleh. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, kita bangkitkan isu kepada pengetahuan Tuan Yang di-Pertua sekarang. So, kalau boleh bolehkah Tuan Yang di-Pertua tunjukkan apakah langkah-langkah seterusnya Tuan Yang di-Pertua akan buat untuk memastikan Ahli-ahli Parlimen di sini tidak dihalang keluar masuk daripada Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sudah cakap mereka mempunyai tugas. Kita tidak tahu atas urusan apa, kita tidak tahu. *I don't have any information where it is happened. I do not know.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bolehkah Tuan Yang di-Pertua panggil ketua IGP datang untuk memberi keterangan, *explanation because* ini adalah usul yang telah diluluskan oleh Dewan. *It's the highest authority in the country.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, itu melibatkan tidak ada halangan lalu lintas dan sebagainya.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dia yang halang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Dia yang halang Yang Berhormat Pandan keluar Parlimen.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *I think it's off the topic. The Deputy Minister is here, he is Minister of Home Affairs.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *He also has no information.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *he must be in a position to tell us what has happened number one, because the person who has been arrested is a Member*

of Parliament, number satu. Nombor dua, *in the case of the late Karpal Singh when the investigation was done, where people entered yang masuk dalam karangan Parlimen and we took action and all that. We cannot pretend these are matters that kalau kita beri sedikit demi sedikit lama-lama perkara yang besar akan jadi. That is the Deputy Minister, saya harap he will comment because this is current. He is none other than...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tidak suka mahu ulang-ulang Yang Berhormat. *The Minister already commented tadi bahawa dia tidak ada information. Is that true?*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *He must ada information. He is the Minister.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *This is the problem. When he has no information, you said he must have information. This is the problem here.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No. IGP, who is superior. He is the...*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya berada dalam Dewan ini bersama-sama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Mana saya hendak tahu apa berlaku dekat luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Tidak apa, tentu ada jalan tindakan yang boleh diambil. Kalau melanggar peraturan tentu ada jalan, tindakan yang perlu diambil. Sudah habis jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, *can we ask a ruling from you?* Dengan izin dengan hormatnya. Isunya bukan apa yang dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri. *With all due respect with Yang Berhormat Ipoh Barat. The arrest is a fact.* Ada Yang Berhormat juga yang menyaksikan, semua telah disahkan. Itu yang kita beritahu sekarang kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebagai tanggungjawab kita, kita bawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua dan implikasi yang sangat serius susulan daripada tindakan polis tadi. Ini bukan kes yang biasa.

Dia ditangkap dan cara mereka menangkap selepas Yang Berhormat Pandan keluar daripada Parlimen, selepas keluar daripada pintu pagar. Itu isu dia Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Berlaku di luar pagarlah Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I tidak tahu.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: So...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah, tentu ada...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Khususnya dalam konteks kita ada arahan kepada IGP jangan halang mana-mana Ahli Parlimen bila masuk keluar dan buat tugas mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, *to be fair* setakat ini itu yang kita boleh katakan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *This is not about lalu lintas., with all due respect.* Ini bukan tentang lalu lintas masuk keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *We did not know, you don't know what is,* apa sebab ditangkap Yang Berhormat pun tidak ada *information*.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *This is about arahan itu, usul itu yang kita buat tiap-tiap kali di Parlimen is not just ceremonial.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *It's keluar masuk.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Supaya kita buat tugas kita tanpa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukup. Saya katakan tadi bahawa mereka juga ada tugas Yang Berhormat. Kita tidak tahu apa sebab, kita tidak tahu. Kita tidak ada *information*, tidak ada sebab. Berlaku di luar pagar, berlaku di luar pagar Dewan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *But we have brought it to your attention* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya Tuan Yang di-Pertua ambil sesuatu tindakan untuk *the safeguard the sanctity of Parliament*. Ini adalah kuasa Tuan Yang di-Pertua supaya janganlah orang-orang yang tidak— *I mean police* boleh *abuse the power*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I cannot call* Tuan Yang di-Pertua *as one of you suggested to call the* Tuan Yang di-Pertua. *I have to call the IGP and answer. Yeah I cannot do that.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Because that something's already happened.* Takkan kita luluskan usul tetapi kita tidak boleh *enforce* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat. Tentu ada jalan untuk menanganinya...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh Tuan Yang di-Pertua, *you can call because there is a resolution by the House where the resolution of the House addressed to him. You can at least ask him, were you responsible in sending men to arrest...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *That's why I said I do not have any information now. Now, Tuan Yang di-Pertua is listening, tomorrow probably we can make... on this.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Maybe we can adjourn the House to find out the truth.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *No, no. Cannot do that and I will not do that.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Sometimes you must be serious* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I'm very serious.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *What happened to him can happen to any of us.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I'm very serious.* Tidak apa, esok kalau ini berlaku tentu kita minta Tuan Yang di-Pertua untuk buat pernyataan mengenai perkara inilah ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *As a matter of record* lah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tugas saya sekarang ini Yang Berhormat ..

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak sebut *as a matter of record*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tugas saya sekarang ini untuk memastikan kelancaran rang undang-undang ini Yang Berhormat, kelancaran perjalanan Dewan ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita faham tetapi apa yang telah berlaku ke atas salah seorang Ahli Parlimen walaupun daripada pembangkang merupakan satu perkara yang perlu kita ambil berat. Kita semua tahu bahawa Yang Berhormat Pandan sentiasa bersedia kalau dipanggil oleh polis. Jangan pihak anggota keselamatan melayani mana-mana Ahli Yang Berhormat sebagai seorang penjenayah. Sedangkan dia telah berkali-kali menghadirkan dirinya ke balai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: So, kita mengharapkan Tuan Yang di-Pertua maklumkan polis *treat the* Ahli Parlimen *with the respect that is due*. Kita mewakili rakyat. Kalau dipanggil dia tidak datang, itu satu hal tetapi dia tidak dipanggil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tiada *comment* lagi bagaimana Yang Berhormat. Cukup.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sedikit sahaja mencelah Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak boleh mencelah, ini saya punya *floor* ini.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa ini mungkin kita menganggap tangkapan perkara ringan. Apa berlaku kalau sekarang ini berlaku tembak menembak di luar? Mungkin ada sebab Tuan Yang di-Pertua kata berlaku sedemikian. Tidak boleh kata ada sebab. Tangkapan mungkin kita rasa ada sebab polis menangkap. Kalau berlaku tembak menembak mungkin ada sebab. Kita masih duduk di sini. Saya rasa kita tidak berapa ambil *serious*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu senario yang berbeza. Kalau ada bom meletup semua akan keluar Dewan Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tetapi ertinya boleh tangguh lah? Boleh tangguh 15 minit kah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan buat contoh yang macam itu. Seolah-olah kita tidak *respond*, kita tidak prihatin.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ini kita hendak buat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita tidak prihatin. Yang Berhormat ada *reason to* prihatin dan kita pun ada prihatin juga.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sebab kita mengandaikan Tuan Yang di-Pertua biasalah tangkapan. Mana boleh dianggap menangkap Ahli Parlimen ini sebagai satu perkara biasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]; Sebab itu saya kata semua agensi polis mempunyai tanggungjawab. Kita mempunyai tanggungjawab peringkat sini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebab itu saya nyatakan kita tidak ada *information* mengenai perkara ini. Saya cuma mendengar daripada Yang Berhormat tetapi saya yakin esok nanti Tuan Yang di-Pertua boleh buat kenyataan mengenai perkara ini okey.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, saya pun minta sedikit...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, *as a fellow colleague in the House...*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *It's my floor, it's my floor.*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Do your duty to call a police to give some answers to us.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat mengenai perkara ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *As a fellow Parliamentarian...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Panjang lagi Yang Berhormat Menteri?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pada hari ini saya seronok pasal kali pertama saya hendak membentangkan rang undang-undang dalam 12 tahun saya menjadi Ahli Parlimen tetapi sudah dirosakkan oleh pembangkang ini. Jadi, kerana saya berasa kecewa saya hendak berhenti menjawablah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tak kan lah Dewan menunggu macam itu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]; Yang Berhormat Menteri boleh macam ini kah Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Banyak lagi rang undang-undang akan datang. Jangan takut lah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa punya standard Menteri macam ini? Awal-awal rang undang-undang sudah kecewa.

Seorang Ahli: *This is the way you treat us ya.*

■1900

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal 1 hingga 7 dikemukakan kepada Jawatankuasa]

7.00 mlm

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya hari ini saya tidak ingin mengambil bahagian. Tetapi saya berasa dukacita dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana perkara-perkara yang saya bangkitkan secara khusus berkaitan dengan akta ini tidak dijawab. Di antaranya khusus. *You can look at the Hansard* adalah seperti yang telah terjadi kepada Yang Berhormat Pandan kerana perkara yang saya bangkitkan di mana kuasa-kuasa yang sedang dipohon adalah di antaranya *to arrest and this kind of factors*.

Saya ada tanya sedikit, kerap kali pihak polis pada waktu 3 pagi 4 pagi membuat serbuan. Macam hari ini Yang Berhormat Pandan, tiba-tiba tangkap dia. Dia bukan satu anasir jahat. Bukan seorang ISIS. *You can always call him, why don't you exercise that power? Why don't you do that? Why is the police above the law?* Itu yang perlu kita fikir. Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri *you must be hands on*. Hari ini sebenarnya apabila perkara sedemikian, semasa perbahasan saya, saya ada membangkitkan perkara tersebut.

Saya terpaksa membawa perkara yang sama tetapi tambah dengan isu penangkapan Yang Berhormat Pandan. Apa yang terjadi kepada beliau, kemungkinan akan terjadi kepada Ahli Parlimen yang lain. Itu satu asasnya. Walaupun perundangan dipinda dan sebagainya saya ingin tahu apakah perlunya di seksyen 5 iaitu *Public Prosecutor* perlu menghadiri *may appear at the inquiry under paragraph (3C)*. *Is he judge, jury and prosecutor?* Bukankah peranan itu perlu diasingkan?

The investigator is also a prosecutor? The prosecutor subsequently convinces the judge? There is a conflict of interest kerana we got brute majority, kerana ada majoriti di sebelah sana, we pushed you, not resending. What is not good today Yang Berhormat kemungkinan besar *when you sitting one day* di sebelah sini *you* tahu. Ini adalah satu di antara kegunaan *wrong use of power*.

Saya juga ada membangkitkan mengenai 5A. Saya hairan apakah makna dan maksud *Offences for failure to attend to give evidence. On the sentence itself is very easy*. Apakah cara-cara di mana apabila saman diberi pihak-pihak yang berkeenaan boleh mengatakan dia tidak ingin datang untuk memberi *interview* atau dia boleh datang dengan peguam ataupun pihak yang ketiga. Adakah maksud itu yang merangkumi di seksyen 5A ini?

Sunset clause. Sunset clause itu adalah satu yang mustahak. Kenapa dasar yang sangat, *we are becoming more restrictive becoming more difficult* Tuan Pengerusi kerana sebenarnya dalam sistem *transparency and openness*, saya hairan bahawa kerajaan tidak ingin menggunakan *sunset clause* tetapi membawa satu Rang Undang-undang untuk menghapuskan *sunset clause*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai.

7.04 mIm

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bermula dengan fasal 2 iaitu *Sunset Clause*. Kita telah menimbulkan beberapa persoalan mengenai itu, tetapi masih tidak ada jawapan jelas. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai justifikasi bagi tahanan tanpa bicara. Itu lain. Kerana jikalau pun pihak kerajaan hendak menjustifikasikan tahanan tanpa bicara, apa kena mengena dengan *sunset clause* yang merupakan satu pengawasan ke atas undang-undang yang drastik dan *draconian* ini? Sehingga kini tidak ada jawapan langsung mengenai isu tersebut.

Fasal 4 pula *the Public Prosecutor may appear at an inquiry under paragraph (3C)*. Tuan Pengerusi, tidak ada apa-apa hak yang diberikan kepada orang yang ditahan untuk juga menyoal penahanan ataupun menghadirkan diri ke *inquiry* melalui peguam bela dan peguam cara. Tidak ada. Tetapi secara *arbitrary* pihak *Public Prosecutor* pula dibenarkan untuk menghadirkan diri di dalam *inquiry*. So kita lihat keadaan di mana orang yang ditangkap di bawah akta bukan sahaja ditahan 60 hari kemudian kemungkinan dua tahun, tetapi juga dinafikan peguam semasa *inquiry*, tetapi pihak kerajaan pula, pihak *prosecution* dibenarkan berhujah melalui *Public Prosecutor*. Ini adalah tindakan *arbitrary*.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian majlis ini bahawa tindakan-tindakan *arbitrary* seperti ini telah berleluasa di negara ini terutamanya baru-baru ini. Bukan sahaja di luar, tetapi undang-undang yang sejak beberapa sesi yang lain, kesemua undang-undang yang digubal mempunyai peruntukan-peruntukan yang kita tidak pernah nampak atau lihat sebelum ini dalam undang-undang jenayah. Macam-macam. Saya rasa *arbitrary* ini setelah menular, *arbitrariness* yang kita lihat pada hari ini apabila Yang Berhormat Pandan dirampas ditangkap *at the gates of Parliament arbitrariness* yang sama ditunjukkan dalam tangkapan terhadap Yang Berhormat Pandan adalah *arbitrariness* yang sama yang ada dalam Rang Undang-undang ini.

Mode Kerajaan Barisan Nasional adalah *arbitrariness*. Itu dia Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin berhenti untuk menyatakan bahawa nampaknya kawan-kawan kita di sebelah sana tidak lagi faham atau tidak lagi peduli apa yang dinyatakan dalam Perlembagaan

Persekutuan. Tidak lagi mempedulikan apa yang ada dalam bahagian kedua Perlembagaan Persekutuan iaitu hak asasi. Malah, Tuan Yang di-Pertua ada yang memperkecilkan, memperlekehkan hak asasi rakyat negara ini.

Walaupun ia telah diletakkan di dalam Perlembagaan Persekutuan sejak tahun 1957 bukan *western values*, ada di dalam Perlembagaan Persekutuan, kita sendiri walaupun kita berkali-kali menyatakan bahawa ada hak asasi dalam Perlembagaan Malaysia kita yang digubal oleh pemimpin-pemimpin negara kita sendiri tetapi ia diperkecilkan, diperlekehkan. Aah, hak asasi, aah *human rights*, tangkap Pandan di *gates of Parliament*. Inilah *attitude* Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana kita hendak jawab, bagaimana kita berhujah mengenai *provision-provision* seperti ini? Tuan Yang di-Pertua, undang-undang di dalam...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: *Please.*

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya dengar Yang Berhormat bercakap pasal hak asasi manusia ini. Boleh tidak Yang Berhormat bagi tahu di mana yang satu perkara yang betul-betul ada kebebasan mutlak ini? Sebagai Ahli Parlimen saya rasa, sebagai Ahli Parlimen kita ada imuniti. Kita boleh bercakap melainkan jangan ada Akta Hasutan atau perkara tertentu. Dalam Parlimen yang ada imuniti pun kita tidak ada kebebasan mutlak. Sebab itu kita ada peraturan mesyuarat. Macam mana Yang Berhormat ini duk ulang-ulang kata kami ini tidak faham hak asasi mutlak? Boleh Yang Berhormat bagi contoh yang mengatakan kita tidak memahami hak asasi mutlak ini?

Beberapa Ahli pembangkang: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Dia sebut tadi.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih, Yang Berhormat Padang Serai. Saya mendengar apa yang dihujah oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Nampak gaya Yang Berhormat Tanjong Karang ini tidak berapa faham bahasa Malaysia.

■1910

Orang cakap tentang hak asasi manusia, dia cakap tentang hak asasi mutlak dan dibawa tentang soal *standing order* dan peraturan sebagai bukti bahawa tidak ada hak asasi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kembali kepada fasal-fasal 1 hingga 7 Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Orang cakap tidak adalah datang soal hak asasi itu maka manusia itu tidak ada undang-undang dan tidak ada peraturan. Akan tetapi peraturan itu menghormati hak asasi manusia iaitu jangan ditangkap tanpa dibicara. Jangan buat undang-undang yang berat sebelah, yang pihak yang mendakwa boleh datang boleh bawa dengan pendakwa raya, yang dituduh tidak ada pembelaan, tidak ada peguam, tidak ada sesiapa. Inilah soal hak asasi, soal keadilan bukan bererti tidak ada undang-undang. Yang Berhormat Tanjong Karang kembalilah kepada membela undang. [*Ketawa*] Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Boleh mencelah ini boleh bercakap yang Yang Berhormat Shah Alam ini? Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Ini yang Yang Berhormat Shah Alam ini. Masa bila yang Yang Berhormat Shah Alam ini menerima hakikat. Kita dahulu ada ISA, kita batalkan ISA. Kita buat rang undang-undang baru, pun salah juga. Mana ada Yang Berhormat Shah Alam ini menerima fakta. Oleh sebab itu dahulu dia daripada PAS dia masuk PAN kerana orang tidak ada pendirian, macam lalang. Hak asasi itu betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai balik kepada fasal 1 hingga 7, Yang Berhormat yang komen lain itu tidak payah masuk. Kita dalam Jawatankuasa ya.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi sebentar tadi saya menyatakan bahawa kita tidaklah boleh masukkan berbagai-bagai fasal secara *arbitrary*. Ini tidak adil, suka-suka kita kata *public prosecutor* boleh *appear*, suka-suka kita kata tidak ada hak yang sama bagi orang yang ditangkap atau saksi yang lain untuk membawa peguam. Ini tidak betul, *that is no level playground*. Saya ingat lagi dalam satu kes Mahkamah Persekutuan, Yang Arif Mahkamah Persekutuan Mahkamah Rayuan Yang Arif Datuk Gopal Sriram menyatakan dalam kes Dr. Nasir Hashim lawan Kerajaan Malaysia. Beliau menyatakan bahawa ada dalam Perlembagaan Persekutuan kita fasal 8, "*Equality before the law* dan *equal protection of the law*", dengan izin. Beliau menyatakan bahawa *equality and arbitrariness are sworn enemies* dengan izin. Itu perkataan yang dinyatakan oleh *Justice* Datuk Gopal Sriram.

Itulah yang saya menyatakan bahawa kita tidak boleh meluluskan satu peruntukan-peruntukan yang jelas melanggar dan bercanggah dengan fasal 8 yang menunjukkan ia adalah *arbitrary* dan tidak konsisten dengan Perlembagaan Persekutuan ataupun peruntukan-peruntukan lain undang-undang. Kalau kita lihat sama juga fasal 5 iaitu mengenai seksyen 5A baru yang memaksa sesiapa pun menjawab apa-apa soalan yang boleh yang disoal kepada mereka. Jikalau tidak itu pula menjadi satu kesalahan.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu percanggahan yang jelas dengan hak untuk tidak *incriminate* diri sendiri, dengan izin Tuan Pengerusi. *The rights not to self incriminate*. Jelas satu percanggahan yang jelas. Ini adalah satu prinsip Tuan Pengerusi yang amat penting di dalam perundangan kita. Kita tidak boleh ada satu keadaan di mana sesiapa pun dipaksa untuk mengaku sesuatu yang boleh *expose* ataupun mendedahkan mereka kepada kemungkinan tuduhan jenayah dan sebagainya.

Sekali lagi kalau kita lihat Tuan Pengerusi jika kita tengok Kanun Acara Jenayah (CPC) ada hak untuk tidak *incriminate* diri sendiri, masih ada tetapi di dalam undang-undang ini tidak ada. Ada juga dua tiga kerat undang-undang seperti ini tidak ada hak tersebut. Dalam CPC untuk jenayah-jenayah yang lain ada. Ini menunjukkan satu *inconsistency*...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya gulung Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya sedikit lagi Tuan Pengerusi. Menunjukkan satu *inconsistency* antara undang-undang. Tidak boleh di sini hak itu dirampas tetapi di dalam CPC hak itu masih ada. Oleh sebab itu saya kata kesemuanya adalah *arbitrary*.

Tuan Pengerusi saya juga telah mendengar beberapa kali semasa hujahan rang undang-undang ini, ada yang menyatakan bahawa fikirlah mengenai rakyat, jangan asyik hendak membela diri ataupun memberikan hak asasi kepada penjenayah dan pengedar dadah dan sebagainya. Tuan Pengerusi ini adalah logik yang salah. Apabila kita meminta supaya prinsip-prinsip hak asasi dalam Perlembagaan Malaysia ditegakkan itu bukanlah untuk menjaga hak asasi penjenayah. Itu adalah untuk menjaga dan menegakkan hak asasi semua rakyat Malaysia.

Jika ada undang-undang yang merampas hak itu bukan hak penjenayah yang sahaja yang terjejas tetapi hak semua rakyat Malaysia. Oleh sebab itu secara prinsip kita menentang apa-apa peruntukan yang menggugat hak asasi. Jadi fikiran seperti ini adalah logik yang begitu cetek yang menyatakan apabila kita kata ada isu hak asasi dia kata kita hendak *protect* penjenayah. Logik yang begitu cetek Tuan Pengerusi. Jadi sekali lagi Tuan Pengerusi saya harap bahawa...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Padang Serai boleh?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Rang undang-undang ini dipertimbangkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat. Kita bagi lain oranglah ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Bila dikatakan kita hendak pertahankan hak asasi ini bukan soal kita hendak bela penjenayah. Akan tetapi kita hendak menjamin bahawa orang yang tidak bersalah akan didapati ataupun dihukum bersalah. Ini adalah satu tuntutan keadilan bagi semua. Itulah sebabnya soal perlunya perbicaraan. Itulah persoalan hak asasi dalam soal hak untuk membela diri, hak untuk mendapat perlindungan di bawah undang-undang dan sebagainya. Bukan soal kita hendak bela orang yang bersalah. Kalau dia sudah bersalah terbukti dia bersalah maka tangkaplah dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi sekarang ini yang hak asasi yang kita tegaskan ialah untuk tujuan orang yang tidak bersalah tidak akan dihukum sebagai bersalah. Apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Ya Tuan Pengerusi. Oleh sebab itu prinsipnya adalah amat jelas terutamanya untuk kita yang ada dalam bidang perundangan. Biar 10 orang yang bersalah lepas jangan sampai seorang yang tidak bersalah dihukum atau didapati salah, itu prinsipnya. Akan tetapi prinsip atas mana Yang Berhormat Menteri membentangkan rang undang-undang ini adalah terbalik. Walau berapa orang yang *innocent*

dihukum tidak apa. Kononnya kerana kita hendak membanteras dadah. Itu bukan *hallmark* dengan izin Tuan Pengerusi, sebuah negara yang mempunyai sistem perundangan yang progresif ataupun bertamadun. Itu bukan *hallmark*.

Kita bolehlah bawa berbagai-bagai undang-undang yang langsung tidak mempedulikan hak asasi, bolehlah. Akan tetapi apakah imej kita? Apakah makna itu mengenai, bagaimanakah ia mencerminkan kita sendiri sebagai rakyat Malaysia, kita sendiri sebagai sebuah negara yang ingin mencapai tahap *develop* dan sebagainya. Apakah itu yang dikehendaki oleh rakan-rakan kita di sebelah sana? *Why can't we have a free nation*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Jadi atas itu saya berhenti di sini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Setiu minta sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya saya hendak habiskan Yang Berhormat. Saya akan panggil seorang lepas itu saya minta Menteri menjawab.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dalam peringkat Jawatankuasa, saya hendak terang sedikit keadaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu sudah berulang-ulang Yang Berhormat. Empat perkara sahaja Yang Berhormat dalam Jawatankuasa.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tuan Pengerusi...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Tanya Menteri dia tidak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu lepas itu Menteri menjawab ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidakkanlah macam itu.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya, saya pun hendak bincang masalah Tuan Pengerusi.

Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Setiu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini *point by point* tidak bolehlah macam itu.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: ...Menteri tidak jawab.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...4(3B) soal...*

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Ya saya pun hendak bincang tentang perkara itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Isu sarjan itu tidak jawab.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tadi saya ada bangkitkan isu ini tetapi Menteri tidak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah berulang. Saya dari pagi duduk atas ini Yang Berhormat benda ini diulang-ulang, empat perkara sahaja yang dipinda.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, *is not up to you to decide...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *No I can limit the time Yang Berhormat, I can decide to limit the time.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *...Whether is fair for us.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Setiu, ya terima kasih, terima kasih.

■1920

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Setiu tidak ada *point*. Dia pun baru pulang.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak, mana boleh cakap Yang Berhormat Setiu tidak ada *point*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa Yang Berhormat Setiu cakap tidak ikut undang-undang. *Point* yang sama-sama, dia tidak faham lagi apa...

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Duduklah dulu, duduk dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu hendak berucap kah Yang Berhormat Setiu?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini semua Yang Berhormat Shah Alam tadi dia cakap salah baru tangkap. Mana boleh. Kita *reason to believe* untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Batu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini pun satu salah, tak faham undang-undang. Kita hendak cakap...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Setiu...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Reason to believe is not proof of guilt! Reason to believe is not proof of guilt! How can you? Bekas hakim mahkamah tidak faham proses undang-undang basic. Takkan tidak faham. [Dewan riuh]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey, sekarang saya hendak bercakap berkenaan undang-undang. Kita menangkap atas *reason to believe*, bukan menangkap orang yang salah. Kita tidak menangkap orang yang salah. Menahan...

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa bekas hakim ini tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini dari segi undang-undang. Kalau tidak faham undang-undang tidak usah cakap. Saya cakap benda yang betul. Saya betulkan keadaan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Buat malu mahkamah, hakim macam ini. Hakim macam ini tidak faham.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Malulah Yang Berhormat Shah Alam tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu duduk. Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Setiu, duduk.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: ...bukan yang bersalah kita menangkap. Ini *lawyer-lawyer* pun- bukan tangkap orang salah, tak. Dia dapati bersalah baru dihantar ke penjara ataupun hantar ke pusat tahanan. Apa tidak faham. Okey, tidak mengapa. Saya teruskan kepada rang undang-undang kita.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Dia tidak faham peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Setiu pandang kepada Tuan Pengerusi dan bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tidak payahlah. Tidak payah komen macam itu Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Klausula-klausula ini bukan kepada Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini lagi tidak faham, kepala batu tak faham ni.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak berbahas Yang Berhormat Setiu?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya terus kepada- Ini masalah dengan pihak sebelah sana, tadi dia kata sebelah Barisan Nasional tidak faham. Okey, yang sebelah sana lagi teruk masalahnya. Apabila kita buat rang undang-undang bawah 149, perlembagaan, dia kata *infringe* dia punya *liberty*, hak asasi. Bila kita buat bawah 74, pun dia kata kenapa tidak buat bawah 149? Masalah MKN itu hari, MKN kita buat bawah 74 tetapi dia kata kenapa tidak buat bawah 149?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh penjelasan? Penjelasan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sekarang undang-undang kita bawah 149.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Penjelasan.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Masa tidak sempat, nanti *last* sekali kalau ada sempat saya bagi. Saya hendak terangkan, okey yang dikatakan hak asasi manusia ini. Kita buat, faham dah bawah 149, okey. Jadi, apa alasan penangkapan akan diberitahu dan dimaklumkan kepada subjek. Kita panggil subjek, kita tidak panggil dia *accused*, tertuduh, tidak. Kita panggil dia subjek dan kita maklum kepada warisnya juga.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *That doesn't change that fact. You give...*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah macam ini Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam tidak payah menyampuk macam itu. Tidak payahlah. Duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Tidak payah.

[Dewan riuh]

Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Cukuplah Yang Berhormat Setiu. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bagilah bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah, tanya dengan Menteri sekarang ini. Saya jemput Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: 4(3B) tentang elaun ini Menteri, siapa yang hendak bayar?

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *[Menyampuk]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya ini Tuan Pengerusi.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Saya hendak jawab lebih tetapi Yang Berhormat jangan kacau saya, ambil masa saya.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Subjek juga diberi kebebasan untuk mendapatkan khidmat peguam.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Hak ini diberi, hak dia ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kalau saya tidak habiskan ini dia memang tidak akan faham. Sampai bila-bila pun tidak akan faham.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, biar dia habiskan dahulu. Kalau tidak, tidak boleh tidur.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, saya minta jawab soalan saya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia tidak makan ubat hari ini. Rileks, rileks.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang tidak makan ubat Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, dia bercakap benda yang dia tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu, sudah habis dah Yang Berhormat Setiu. Menteri menjawab Yang Berhormat. Sudah habis ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Pengerusi, saya nak tanya tentang elaun.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Boleh celah dengan dia nanti. *He will give you an answer.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh celah? Nanti orang tidak tanya, orang tidak tanya, ini isu baru.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah. Dari pagi macam-macam debat Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sudah banyak masa sudah habis, sudahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *He will answer.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Okey, pasal elaun.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kacau saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

7.25 mlm.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Baik, saya ingin menjawab kepada soalan Yang Berhormat Padang Serai mengenai mengapakah kehadiran pendakwa raya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu, minum kopi di luar Yang Berhormat Setiu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...diberikan sedangkan dalam pindaan baru kehadiran pendakwa raya dibenarkan. Jawapannya, di dalam pindaan ini, fasal 4 - pendakwa raya boleh hadir untuk membantu memudahkan perjalanan *inquiry* yang dijalankan oleh pegawai siasatan Lembaga Siasatan. Pendakwa raya juga akan bertindak sebagai pakar rujuk untuk memastikan subjek juga diberikan keadilan dalam *inquiry* tersebut.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mananya. Maknanya *you accept the role of* pendakwa raya as...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *Sit down. I don't give you the floor. 7.30 dah.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *No, I'm responding to your answer.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mana boleh respons. Yang Berhormat mencelah. Mana boleh respons.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Judge, jury and prosecutor.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Judge, jury and executioner. You accept the role of* pendakwa raya *as judge, jury and executioner*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam. Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Mana boleh boleh begitu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri, saya hanya soalan sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak ada, tidak ada. Tidak ada masa dah. Okey, dari segi soalan tadi mengenai...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri janganlah kecewa tak nak jawab pula.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...soalan Yang Berhormat Padang Serai tadi, mengapa saksi terpaksa memberi keterangan dalam *inquiry*? Perkara ini ada dalam Akta SPRM, di mana saksi diwajibkan membuat keterangan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Two wrongs don't make a right.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *That is not the point. This is to have the investigation. So, you don't agree with SPRM punya act? No, this is the same thing.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, mencelah dengan tertib Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dua perkara ancaman kepada negara sekarang adalah apa ni? Apa yang orang selalu cakap? Dadah dengan rasuah. Jadi, kalau rasuah kita tidak letakkan di peringkat tertinggi

Beberapa Ahli: *[Mencelah]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kalau kakitangan saksi diperlukan untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dengar dahulu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...Menjayakan kes, apa salahnya? Untuk jawapan yang terakhir...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oleh kerana tidak mengikut lunas-lunas keadilan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dengar sini, jawapan yang terakhir...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia tanya, apa salahnya? Jadi, saya jawablah. Apa yang salahnya ialah tidak diberi mengikut lunas-lunas keadilan. *He must be made to understand. That is the process...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak payah macam itu Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Apakah keperluan sesebuah negara untuk menjadi negara yang aman dan damai, keselamatan kan? Jadi, soal keselamatan yang jadi perkara pokok undang-undang negara kita. Jadi, Akta 149 itu ia memberikan kuasa kepada kerajaan untuk menentukan apakah bahaya dan ancaman kepada negara.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu yang kita tidak setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, jangan menyampuk macam ini Yang Berhormat. Ia mengganggu, namanya mengganggu macam ini Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kacau lagi! Pasal dadah ini telah dikenal pasti sebagai masalah ancaman kepada negara. Kalau negara lain pun hendak kata tindas hak asasi orang,

US kerana ia namakan ancaman *terrorism* sebagai ancaman kepada negara dia, dia boleh buat akta Patriot Act yang langsung tidak menjaga hak asasi manusia, bukan sahaja orang dia tetapi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Timbalan Menteri jawab, undang-undang ini tidak menjaga hak asasi manusia. Dia telah mengakui pun.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, tidak. Saya kata...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, jangan macam ini Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Akta ILPK ini penting. Jadi, soal...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan macam ini Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...hak asasi manusia nombor dua di belakang ancaman kepada negara, kepentingan keselamatan negara. Perlembagaan, isu Perlembagaan. *All of you are lawyers, I know.*

Seorang Ahli: Timbalan Menteri...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ini- tetapi kerana kepentingan keselamatan negara, itu merupakan perkara penting dalam kita...

Seorang Ahli: Menteri...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita menjaga keselamatan negara untuk Perlembagaan.

Seorang Ahli: Menteri, *prosecution* tadi.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tuan Pengerusi, saya berhenti menjawab. *[Tepuk]*

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bab elaun Tuan Pengerusi, bab elaun dia tidak jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis. Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bab elaun tadi saya hendak... Menteri boleh menetapkan elaun yang cuma dibayar. Ini maknanya saksi itu dibayar. *You can bribe the witness. You can bribe the witness.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, teruskan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *Are you finished?*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *No, I am not!*

[Dewan riuh]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 6 April 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam]